

PENUKARAN KOD PENSYARAH BAHASA ARAB DI  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU

NURUL ATIKAH BINTI MD SHAFEE

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2023

**PENUKARAN KOD PENSYARAH BAHASA ARAB DI  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

**NURUL ATIKAH BINTI MD SHAFEE**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SASTERA (LINGUISTIK)**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2023**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: NURUL ATIKAH BINTI MD SHAFEE

No. Matrik: 17028377/2

Nama Ijazah: SARJANA SASTERA (LINGUISTIK)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**PENUKARAN KOD PENSYARAH BAHASA ARAB DI INSTITUT  
PENDIDIKAN GURU**

Bidang Penyelidikan: SOSIOLINGUISTIK

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 31 OGOS 2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

# PENUKARAN KOD PENSYARAH BAHASA ARAB DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan pola linguistik dan fungsi penukaran kod pensyarah serta persepsi pelatih terhadap penukaran kod dalam kelas bahasa Arab. Sampel kajian ini diambil daripada 3 orang pensyarah bahasa Arab dari sebuah institut pendidikan guru yang mengajar menggunakan medium bahasa tersebut ke atas sekumpulan guru pelatih Tahun 3. Rakaman audio, temu bual dan soal selidik digunakan sebagai instrumen penyelidikan bagi mendapatkan data yang diperlukan. Teori yang diperkenalkan Scotton (1993) melalui model *Matrix Language Frame* diguna pakai bagi menerangkan pola linguistik dalam kajian ini. Manakala bagi tujuan menganalisis fungsi penukaran kod, penyelidik mengguna pakai teori perbualan Gumperz (1982). Dapatan menunjukkan bahawa pensyarah menggunakan penukaran kod semasa mengajar, bertukar dari bahasa Arab ke bahasa Melayu atau sebaliknya dengan wajar semasa mengajar bahasa sasaran iaitu bahasa Arab. Didapati juga bahawa penukaran kod pensyarah membawa pelbagai fungsi penting, baik tujuan pedagogi mahupun sosial. Di samping itu, majoriti daripada 49 orang pelatih yang menjawab soal selidik mempunyai pandangan positif mengenai penukaran kod pensyarah semasa pengajaran.

**Kata kunci:** penukaran kod, pola linguistik, fungsi penukaran kod

# CODE SWITCHING ARABIC LANGUAGE LECTURERS AT TEACHER EDUCATION INSTITUTE

## ABSTRACT

This study aims to explain the linguistic patterns and function of code switching of lecturers as well as trainees' perceptions of code switching in Arabic classes. The sample for this study was taken from 3 Arabic language lecturers from a teacher education institute who taught using the language to a group of Year 3 trainee teachers. Audio recordings, interviews and questionnaires were used as research instruments to obtain the necessary data. The theory introduced by Scotton (1993) through the Matrix Language Frame model is used to explain linguistic patterns in this study. While for the purpose of analyzing the function of code switching, the researcher used Gumperz's conversation theory (1982). Findings show that lecturers use code switching when teaching, switching from Arabic to Malay or vice versa appropriately when teaching the target language which is Arabic. It was also found that the switching of the lecturer's code carries various important functions, both pedagogical and social purposes. In addition, the majority of the 49 trainees who responded to the questionnaire had a positive view of the lecturer's code-switching during teaching.

**Keywords:** code-switching, linguistic patterns, function of code switching

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kasih sayang-Nya, serta berkat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., dapatlah penulis menyiapkan disertasi bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Sastera (Linguistik) dalam tempoh masa yang ditetapkan. Penulis bersyukur kerana segala masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan telah berjaya diatasi. Semua permasalahan ini menjadikan penulis insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada Dr. Mat Taib bin Pa selaku penyelia disertasi yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing penulis sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada penulis untuk menyiapkan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah, guru-guru pelatih, barisan pentadbir dan staf IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi yang telah memberikan kerjasama dan bantuan sepanjang penulis menjalankan kajian ini.

Di samping itu, tidak lupa juga setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada keluarga yang amat disayangi iaitu Md. Shafee bin Ismail (ayahanda), Jemilah binti Nafiah (bonda), Mohd Shahidan bin Ilyas (suami), anak-anak (Fateh, Imad, Zahra dan Ihsan), serta adik-beradik yang banyak membantu kerana tidak putus-putus memberikan dorongan, titipan doa dan semangat untuk meneruskan penyelidikan ini. Buat rakan seperjuangan dan teman-teman rapat, terima kasih di atas segala pertolongan, dorongan, dan sokongan moral kalian yang tidak berbelah bahagi.

Selain itu, sekalung penghargaan dan sekalung budi buat semua yang terlibat terutamanya para pemeriksa disertasi calon, para pensyarah dan staf Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya yang banyak membantu penulis sama ada secara langsung

atau pun tidak sepanjang pengajian penulis di sini. Semoga jasa baik anda semua dinilai oleh Allah dengan sebaik-baik ganjaran.

Sekian terima kasih, wassalam.

Universiti Malaya

## ISI KANDUNGAN

Abstrak .....	iii
Abstract .....	iv
Penghargaan .....	v
Isi Kandungan .....	vii
Senarai Rajah .....	viii
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Singkatan.....	x
Senarai Lampiran .....	xi
<b>PENUKARAN KOD PENSYARAH BAHASA ARAB DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU .....</b>	<b>iii</b>
<b>CODE SWITCHING ARABIC LANGUAGE LECTURERS AT TEACHER EDUCATION INSTITUTE .....</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>iv</b>
<b>isi kandungan.....</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB I PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>1.0           PENDAHULUAN.....</b>	<b>1</b>
<b>1.1           LATAR BELAKANG.....</b>	<b>1</b>
<b>1.2           PERNYATAAN MASALAH .....</b>	<b>3</b>
<b>1.3           OBJEKTIF KAJIAN .....</b>	<b>4</b>
<b>1.4           SOALAN KAJIAN.....</b>	<b>5</b>
<b>1.5           KEPENTINGAN KAJIAN.....</b>	<b>5</b>



1.6	<b>BATASAN KAJIAN .....</b>	<b>6</b>
1.7	<b>RANGKA KAJIAN.....</b>	<b>7</b>
<b>BAB II TINJAUAN LITERATUR.....</b>		<b>8</b>
2.0	<b>PENDAHULUAN.....</b>	<b>8</b>
2.1	<b>DEFINISI PENUKARAN KOD .....</b>	<b>8</b>
2.2	<b>TEORI PENUKARAN KOD .....</b>	<b>11</b>
2.2.1	Model <i>Matrix Language Frame</i> oleh Myers-Scotton.....	11
2.2.2	Fungsi Perbualan oleh Gumperz.....	13
2.3	<b>KAJIAN LEPAS .....</b>	<b>17</b>
2.3.1	Penukaran Kod dari Sudut Linguistik.....	17
2.3.2	Penukaran Kod dari Sudut Sociolinguistik.....	20
2.3.3	Penukaran Kod dari Sudut Pendidikan .....	34
2.4	<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>56</b>
<b>BAB III METODOLOGI KAJIAN.....</b>		<b>57</b>
3.0	<b>PENDAHULUAN.....</b>	<b>57</b>
3.1	<b>REKA BENTUK KAJIAN .....</b>	<b>57</b>
3.2	<b>POPULASI DAN PENSAMPELAN .....</b>	<b>59</b>
3.2.1	Maklumat Latar Belakang Subjek Kajian.....	59
3.2.2	Maklumat Latar Belakang Kelas Bahasa Arab.....	61

<b>3.3</b>	<b>PENGUMPULAN DATA.....</b>	<b>61</b>
<b>3.4</b>	<b>MENGANALISIS DATA .....</b>	<b>63</b>
3.4.1	Menganalisis pola linguistik penukaran kod pensyarah di dalam kelas .....	64
3.4.2	Menganalisis fungsi-fungsi penukaran kod pensyarah di dalam kelas.....	64
3.4.3	Menganalisis persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah di dalam kelas	65
<b>3.5</b>	<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>65</b>
<b>BAB IV ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN .....</b>		<b>67</b>
<b>4.0</b>	<b>PENDAHULUAN.....</b>	<b>67</b>
<b>4.1</b>	<b>POLA LINGUISTIK PENUKARAN KOD PENSYARAH.....</b>	<b>67</b>
4.1.1	Penukaran kod pada peringkat perkataan .....	68
<b>KESIMPULAN 75</b>		
4.1.2	Penukaran kod pada peringkat frasa .....	75
<b>KESIMPULAN 82</b>		
4.1.3	Penukaran kod pada peringkat ayat .....	82
<b>PENUTUP</b>	<b>86</b>	
<b>4.2</b>	<b>FUNGSI-FUNGSI PENUKARAN KOD PENSYARAH.....</b>	<b>86</b>
4.2.1	Fungsi penukaran kod pensyarah berdasarkan fungsi-fungsi perbualan Gumperz	87
4.2.2	Sebab-sebab lain penukaran kod pensyarah .....	104

<b>4.3</b>	<b>PERSEPSI PELATIH TERHADAP PENUKARAN KOD PENSYARAH DI DALAM KELAS.....</b>	<b>111</b>
<b>4.4</b>	<b>KESIMPULAN.....</b>	<b>114</b>
	<b>BAB V RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>117</b>
<b>5.0</b>	<b>PENDAHULUAN.....</b>	<b>117</b>
<b>5.1</b>	<b>RUMUSAN KAJIAN.....</b>	<b>117</b>
5.1.1	RQ 1: Apakah pola linguistik penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG?.....	117
5.1.2	RQ 2: Apakah fungsi penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG? 119	
5.1.3	RQ 3: Bagaimanakah persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG?.....	122
<b>5.2</b>	<b>IMPLIKASI DAPATAN .....</b>	<b>123</b>
<b>5.3</b>	<b>CADANGAN UNTUK PENYELIDIKAN AKAN DATANG.....</b>	<b>124</b>
	<b>RUJUKAN .....</b>	<b>125</b>
	<b>LAMPIRAN a.....</b>	<b>137</b>
	<b>LAMPIRAN B.....</b>	<b>152</b>
	<b>LAMPIRAN C.....</b>	<b>167</b>
	<b>LAMPIRAN D.....</b>	<b>180</b>
	<b>LAMPIRAN E .....</b>	<b>181</b>

**SENARAI RAJAH**

Rajah 3.1: Kerangka Konseptual Kajian.....59

Universiti Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.2.2: Maklumat kelas.....	62
Jadual 4.3: Respons pelatih terhadap penukaran kod pensyarah dalam kelas bahasa Arab.....	114

Universiti Malaya

## SENARAI SINGKATAN

ESL	:	English as a Second Language
EFL	:	English as a Foreign Language
MLF	:	Matrix Language Frame
IPG	:	Institut Pendidikan Guru
PK	:	Penukaran Kod
B1	:	Bahasa Pertama
B2	:	Bahasa Kedua

Universiti Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Transkripsi Ortografi Subjek X.....	138
Lampiran B: Transkripsi Ortografi Subjek Y.....	154
Lampiran C: Transkripsi Ortografi Subjek Z.....	171
Lampiran D: Soalan Temu Bual Pensyarah.....	185
Lampiran E: Soal Selidik Pelatih .....	186

Universiti Malaya

# BAB I

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Bahasa Arab bukanlah satu bahasa yang asing di Malaysia apatah lagi bahasa ini sering dijadikan sebagai salah satu bahasa elektif bermula dari peringkat pendidikan rendah hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi. Ini selaras dengan perkembangan Islam yang semakin merancakkan kesedaran tentang peri pentingnya penguasaan bahasa tersebut ditambah pula dengan keinginan untuk mendalami Islam sebagai cara hidup yang sempurna. Atas dasar inilah sayap ilmu bahasa Arab semakin berkembang meliputi segenap aspek kehidupan termasuklah dalam dunia pendidikan di negara ini.

### 1.1 Latar Belakang

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Justeru, bukanlah suatu perkara yang aneh jika rakyatnya cenderung bertukar kepada pelbagai bahasa ataupun dialek apabila berkomunikasi antara satu sama lain sama ada disedari atau tidak disedari oleh mereka. Fenomena peralihan dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain dalam wacana linguistik ini dikenali sebagai penukaran kod.

Penukaran kod boleh didefinisikan sebagai penggantian ragam linguistik dalam perbualan yang sama (Scotton, 2001). Milroy dan Muysken (1995:98) menerangkan penukaran kod sebagai “penggunaan alternatif dua atau lebih bahasa dalam ucapan atau perbualan yang sama”.

Penukaran ini boleh berlaku pada pelbagai peringkat misalnya pada tahap perkataan, frasa ataupun ayat. Dalam ayat *شharimau غابة* (النمر في غابة), penutur menukar kod pada tahap perkataan. Dalam ayat lain misalnya *تتقن اول فطور* *setiap pagi*.



(كل صباح) menggambarkan penukaran kod berlaku pada tahap frasa. Penukaran kod boleh juga berlaku di peringkat ayat yang mana penutur berpindah dari satu bahasa ke bahasa lain di sempadan ayat. Apabila penutur berkata, *ومن أخ ه النبيلة*, *dia akan menyusun kasut sebelum masuk ke rumah* (يرتب األحذاء قبل دخول البيت) Di sini, penutur mengucapkan kembali ayat bahasa Arab setelah menukar kod kepada bahasa Melayu pada awalnya. Ini merupakan contoh penukaran kod yang berlaku pada tahap ayat.

Gumperz (1982: 59) memberikan satu lagi ciri penukaran kod di mana beliau menggambarkannya sebagai,

*“the juxtaposition within the same speech exchange of passage of speech belonging to two different grammatical systems of subsystems”.*

Dalam keterangan ini, Gumperz menyatakan bahawa penukaran kod melibatkan ucapan yang menggabungkan dua bahasa dengan struktur tatabahasa yang berbeza.

Kajian ini mentakrifkan penukaran kod dengan mengambil asas definisi di atas yang mana penukaran kod melibatkan penggunaan ragam linguistik dalam perbualan dengan menggabungkan dua bahasa dengan struktur tatabahasa yang berbeza.

Jacobson (2004) menyatakan bahawa penukaran kod boleh berlaku di mana-mana saja pada bila-bila masa. Ia boleh berlaku dalam acara formal seperti dalam ucapan rasmi, ceramah dan pengajaran di dalam kelas serta boleh berlaku dalam situasi tidak formal misalnya dalam perbualan telefon atau perbincangan di kantin.

Fenomena umum dalam kalangan guru dan pelajar dalam suasana berbilang bahasa seperti di Malaysia ialah penggunaan silih berganti dua atau lebih bahasa di dalam kelas. Berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai pendidik di salah sebuah sekolah,

adalah satu perkara biasa bila guru beralih kod dari bahasa Arab ke bahasa Melayu dan sebaliknya khususnya dalam pengajaran subjek Bahasa Arab.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Dalam suasana pendidikan di Malaysia seperti di Institut Pendidikan Guru (IPG), pensyarah biasanya menggunakan bahasa Arab untuk mengajar subjek Bahasa Arab, cuma kadang kala mereka menukar bahasa atas satu tujuan lain tanpa dirancang. Ini demi memastikan pelatih faham akan pelajaran yang disampaikan lebih-lebih lagi terhadap pelatih yang hanya mengambil bahasa Arab sebagai subjek elektif.

Ramai pensyarah IPG cenderung menggunakan lebih daripada satu bahasa untuk mengajar bahasa Arab kerana kebanyakan pelatih Melayu kurang mahir dalam bahasa Arab. Kurangnya kebolehan bertutur dalam bahasa Arab menjadi penyebab sering terjadinya penukaran kod (Nor Hayati, 2019). Besar kemungkinan, mereka tidak akan dapat memahami pelajaran dengan baik jika pensyarah hanya menggunakan bahasa Arab sepenuhnya di dalam kelas. Oleh itu, pensyarah adakalanya menggunakan bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu dalam membantu pelatih mempelajari bahasa Arab dengan baik. Ini membawa kepada wujudnya fenomena penukaran kod di dalam kelas bahasa Arab.

Walaupun pensyarah melakukan penukaran kod dalam kebanyakan masa di dalam kelas, namun menjadi satu persoalan sama ada mereka sedar atau pun tidak tentang pola linguistik yang mereka gunakan semasa menukar kod sama ada pada tahap kata, frasa atau pun pada tahap ayat. Ini kerana penukaran kod boleh dikatakan tindakan tanpa sengaja dan kebanyakan masa berlaku secara semula jadi sepanjang pengajaran. Bertitik tolak dari hal inilah penyelidik merasakan pola linguistik penukaran kod pensyarah wajar dikaji.

Antara perkara yang penting juga ialah pensyarah tidak menyedari tujuan-tujuan pedagogi bahawa penukaran kod boleh berfungsi di dalam kelas. Contohnya seperti yang digariskan oleh Gumperz (1982) dalam bukunya *Discourse Strategies* yang memperkenalkan enam fungsi perbualan iaitu sebagai penanda petikan, spesifikasi penerima, seruan, pengulangan, kecekapan mesej dan keperibadian lawan keobjektifan.

Di samping itu, pensyarah tidak mengetahui tentang persepsi pelatih terhadap tindakan penukaran kod mereka di dalam kelas. Adakah mereka bersetuju atau selesa dengan fenomena ini ataupun sebaliknya? Hal ini perlu diselidiki demi memastikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di negara ini khususnya dapat berjalan dengan baik tanpa menjejaskan pemerolehan bahasa sasaran dalam kalangan pelatih IPG yang bakal menjadi guru setelah menamatkan pengajian mereka kelak.

Dari sudut lain, kajian mengenai penukaran kod antara bahasa Arab dan Melayu di Malaysia masih belum meluas khususnya dalam konteks pengajaran di kelas. Kajian ini memberi tumpuan terhadap pola linguistik penukaran kod pensyarah, fungsi penukaran kod mereka dan persepsi pelatih terhadap penukaran kod di dalam kelas dalam konteks bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Arab di IPG.

Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat mengisi jurang penyelidikan berkenaan fenomena penukaran kod di dalam kelas. Pemahaman tentang fenomena ini akan membantu pensyarah melihat kekuatan dan kelemahannya apabila diterapkan dalam kelas semasa mengajar guru pelatih ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

Tiga objektif dalam kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti pola linguistik penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG.
2. Menganalisis fungsi-fungsi penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG.
3. Merumuskan persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG.

#### **1.4 Soalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian di atas, soalan kajian berikut dibina:

1. Apakah pola linguistik penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG?
2. Apakah fungsi penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG?
3. Bagaimanakah persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG?

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini akan menerangkan pola linguistik penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab, fungsi penukaran kod pensyarah dan persepsi pelatih terhadap penukaran kod di dalam kelas. Penyelidik berharap hasil penemuan kajian ini dapat meningkatkan kesedaran pensyarah mengenai fenomena ini yang berlaku di dalam kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Secara amnya, kesedaran mengenai fenomena ini juga perlu dalam membantu meningkatkan lagi kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Sebagai contoh, ada dalam kalangan pensyarah di negara ini mengajar Bahasa Arab dengan menggunakan bahasa tersebut sepenuhnya tanpa menyelitkan bahasa ibunda sedikit pun. Hal ini mungkin boleh

menjejaskan tahap kefahaman pelajar-pelajarnya atau membawa kepada kesilapan dalam mentafsir maklumat yang diterima lantaran sangat menidakkan penggunaan dua bahasa ketika pengajaran. Dengan adanya kesedaran seperti ini, diharap ia dapat membuka minda para pendidik dan menerima dengan hati terbuka terhadap fenomena penukaran kod yang sering berlaku khususnya di dalam bilik darjah justeru boleh membina strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

Kajian ini juga penting kerana terdapat penyelidikan yang sangat terhadap terutamanya dalam konteks kelas Bahasa Arab di Malaysia yang menerangkan pola linguistik, fungsi penukaran kod pensyarah dan persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah. Ini kerana kebanyakan kajian seperti ini dijalankan di negara-negara Barat seperti di United Kingdom (Blom & Gumperz, 1972), Sepanyol (Lipski, 1978 & Poplack, 1981), Amerika Syarikat (Scotton, 1993 & Ali Hussain, 2015), Australia (Amirah, 2016), di negara Timur seperti Korea (Chun, 2001), dan di Brunei (Cath & McLellan, 1993). Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengisi jurang tersebut.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini melibatkan tiga orang pensyarah yang mengajar bahasa Arab ke atas pelatih Semester Enam (Tahun 3) di sebuah IPG di Selangor yang melibatkan satu sesi pengajaran bagi setiap pensyarah. Pemilihan pensyarah IPG dibuat berdasarkan penggunaan bahasa Arab yang lebih dominan pada peringkat ini berbanding penggunaannya di tahap sekolah rendah atau menengah. Pemilihan pelatih Tahun 3 pula dibuat berdasarkan jangkaan penguasaan mereka terhadap bahasa Arab di tahap yang lebih mantap pada peringkat ini. Penyelidik hanya mengambil sampel pengajaran daripada tiga orang pensyarah sahaja kerana fokus kajian ini adalah untuk mengetahui

pola penukaran kod sama ada pada tahap kata, frasa atau pun pada tahap ayat, bukannya berapa banyak penukaran kod itu dilakukan.

Di samping itu, fokus kajian ini adalah pada pola linguistik, fungsi penukaran kod pensyarah dan persepsi pelatih terhadap penukaran kod antara bahasa Arab dan bahasa Melayu. Oleh itu, penyelidik tidak akan mengkaji pola linguistik penukaran kod pelatih dan fungsi penukaran kod mereka. Sebagai makluman, sejumlah 49 orang pelatih ini terlibat dengan soal selidik bagi melihat persepsi mereka terhadap penukaran kod.

Selain itu, kajian ini bukan dijalankan untuk mengkaji pendekatan pengajaran pensyarah. Penyelidik hanya menganalisis pengajaran pensyarah tersebut dari sudut penukaran kod. Penyelidik juga tidak cuba untuk mengkaji hubungan antara fenomena penukaran kod dan prestasi pelatih dalam bahasa sasaran.

## **1.7 Rangka Kajian**

Kajian ini melibatkan lima bab secara keseluruhannya. **Bab 1** merangkumi kerangka kajian iaitu latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan rangka kajian. **Bab 2** meliputi definisi dan konsep penukaran kod, teori dan pendekatan yang digunakan serta tinjauan kajian lepas. **Bab 3** pula menerangkan metodologi kajian yang dilakukan merangkumi reka bentuk kajian, proses pengumpulan data dan proses penganalisan data. **Bab 4** mengenai penerangan hasil analisis data yang diperoleh dan **Bab 5** adalah kesimpulan merangkumi keseluruhan kajian.

## BAB II

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.0 Pendahuluan

Banyak kerja penyelidikan telah dilakukan terhadap penukaran kod. Fenomena ini dilihat dari pelbagai perspektif oleh pakar bahasa yang berbeza, pakar sociolinguistik, pakar psikologi, bahkan ahli antropologi. Walaupun penekanan mereka berbeza, namun penyelidikan mereka memberi perhatian yang ketara dan menemui dapatan yang menarik serta sering mencetuskan penyelidikan lanjut untuk teori yang lebih komprehensif dan bersepadu dalam penukaran kod.

Data mengenai penukaran kod telah dianalisis dari perspektif linguistik dan sociolinguistik. Yang pertama cenderung menumpukan perhatian terhadap kekangan yang mengawal penukaran kod. Sementara yang kedua pula mengkaji fungsi dan motivasi untuk penukaran kod itu berlaku.

Bab ini membawa pembaca kepada spektrum kajian penukaran kod yang melibatkan bahasa Arab dan bukan Arab dari perspektif linguistik dan sociolinguistik. Kajian ini juga mengguna pakai kerangka teoretis yang digunakan untuk menganalisis data iaitu model *Matrix Language Frame (MLF)* yang dicadangkan oleh Scotton (1993) dan Fungsi Perbualan yang dibawakan oleh Gumperz (1982).

#### 2.1 Definisi Penukaran Kod

Wardhaugh (2010: 98) dalam bukunya, *An Introduction to Sociolinguistics* menakrifkan kod sebagai dialek atau bahasa tertentu yang dipilih untuk digunakan pada sebarang peristiwa dan sistem komunikasi yang digunakan antara dua pihak atau pun lebih.

Terdapat beberapa istilah yang digunakan bagi menunjukkan fenomena alih bahasa ini. Antaranya ialah istilah penukaran kod dan percampuran kod. Istilah ini sering diguna pakai bagi menunjukkan sesuatu fenomena perlakuan bahasa yang terjadi biasanya berkaitan penggunaan variasi kod bahasa yang berlainan.

Ahli bahasa memberi pelbagai definisi untuk penukaran kod kerana fenomena ini dikaji dari pelbagai perspektif termasuklah dari perspektif linguistik dan sosiolinguistik. Dari perspektif linguistik, Scotton (1993:10) mendefinisikan penukaran kod sebagai penggunaan dua jenis linguistik atau pun lebih dalam perbualan yang sama. Penukaran menurutnya mungkin sama ada intra-ayat atau inter-ayat dan sering (tetapi tidak semestinya) melibatkan lebih daripada satu perkataan.

Begitu juga, Milroy & Muysken (1995:8) menerangkan penukaran kod sebagai penggunaan alternatif dua atau lebih bahasa dalam ucapan atau perbualan yang sama.

Kedua-dua takrif ini menggambarkan bahawa penukaran kod melibatkan penggunaan lebih daripada satu bahasa dalam sesuatu wacana.

Scotton (2001:41) menambah bahawa penukaran kod juga boleh digunakan untuk pelbagai fungsi sosial. Beliau menyatakan bahawa penukaran kod boleh menjadi peranti untuk menyampaikan maklumat sosial penting yang terdiri daripada hubungan peranan antara penutur dengan perasaan perpaduan, keintiman dan sebagainya.

Di samping itu, Gumperz (1982:59) menyatakan penukaran kod sebagai:

*“the juxtaposition on within the same speech exchange of passages of speech belonging to two different grammatical systems or sub-system”.*

Takrif ini menerangkan bahawa penukaran kod melibatkan ucapan yang menggabungkan dua bahasa dengan struktur tatabahasa yang berbeza.



Melalui definisi-definisi di atas dapatlah dirumuskan bahawa penukaran kod merujuk kepada penggunaan dua jenis bahasa atau lebih dalam sesuatu wacana sama ada berlaku antara ayat ataupun di dalam ayat yang sama meskipun berlainan binaan tatabahasanya.

Sesetengah penyelidik menggunakan istilah pencampuran kod bagi merujuk kepada fenomena ini. Kamwangamalu (2010:116) mendefinisikan pencampuran kod sebagai “intrasentential menggunakan dua atau lebih bahasa atau jenis bahasa yang bergantian”. Beliau juga menyatakan bahawa istilah ini “sering digunakan dalam kajian aspek tatabahasa ucapan dwibahasa” seperti Muysken (2000). Muysken (2000:1) menggunakan istilah pencampuran kod untuk “semua kes di mana item leksikal dan ciri-ciri tatabahasa dari dua bahasa muncul dalam satu ayat”. Pendapat beliau ini seperti pendapat Kamwangamalu (2010) yang menghadkan istilah itu kepada penukaran intrasentential (dalam ayat).

Perbezaan antara dua istilah ini ada dinyatakan dalam beberapa penyelidikan. Antaranya, Winford (2003:105) menyatakan istilah penukaran kod diguna pakai para sarjana bagi merujuk kepada perubahan yang terjadi antara ayat. Sebaliknya istilah pencampuran kod digunakan untuk perubahan yang terjadi dalam ayat yang sama. Gardner-Chloros (2009) juga membezakan penukaran kod daripada pencampuran kod dan menggunakan yang pertama untuk menggambarkan penukaran kod di mana kedua-dua kod itu mengekalkan ciri-ciri monolingual mereka. Sebaliknya, pencampuran kod melibatkan beberapa penumpuan antara kedua-dua kod.

Dalam kajian ini, penyelidik tidak akan membezakan antara istilah penukaran kod dan pencampuran kod kerana kedua-duanya pada dasarnya adalah sama. Begitu juga Fais (2015: 104) melalui hasil penelitian dalam kajiannya terhadap definisi penukaran kod dan pencampuran kod mendapati bahawa konsep kedua-duanya adalah saling berhubung kait.

Ini kerana penggantian dalam ayat (pencampuran kod), dan penggantian antara ayat (penukaran kod) merupakan pembahagian jenis untuk penukaran kod. Pakir (1989: 382) pula menekankan bahawa ‘adalah penting untuk tidak terlalu melihat akan perbezaan yang wujud dalam istilah-istilah tetapi sebaliknya meneliti akan apa sebenarnya yang berlaku dalam situasi interaksi perbualan itu’. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan istilah penukaran kod bagi mewakili kedua-dua jenis penukaran bahasa.

Hasil daripada definisi di atas, pengkaji merumuskan bahawa penukaran kod boleh ditakrifkan sebagai penggunaan dua jenis bahasa atau pun lebih dalam perbualan yang sama, sama ada melibatkan penukaran intra-ayat atau inter-ayat meskipun berlainan struktur nahunya bagi mencapai pelbagai fungsi sosial.

## **2.2 Teori Penukaran Kod**

Bagi menjawab persoalan kajian pertama, pengkaji telah mengguna pakai Model Kerangka Bahasa Matriks atau lebih dikenali sebagai *Matrix Language Frame Model* yang diasaskan oleh Myers-Scotton. Model ini telah digunakan secara meluas oleh ramai pengkaji terutamanya dalam mengkaji pola atau corak linguistik penukaran kod. Bagi menjawab objektif kajian kedua pula berkenaan fungsi penukaran kod, pengkaji telah mengguna pakai fungsi perbualan atau komunikasi yang digariskan oleh Gumperz.

### **2.2.1 Model *Matrix Language Frame* oleh Myers-Scotton**

Kerangka teori yang digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini adalah berdasarkan model *Matrix Language Frame* yang diasaskan oleh Scotton (1993). Ia digunakan untuk menggambarkan pola linguistik penukaran kod pensyarah semasa pengajaran Bahasa Arab yang merupakan objektif pertama kajian ini. Scotton mengusulkan beberapa ciri penukaran kod dalam model *Matrix Language Frame* beliau

yang biasa digunakan untuk menganalisis pola linguistik penukaran kod. Model ini telah mencetuskan banyak penyelidikan di lapangan dan terbukti efisien berdasarkan bukti yang banyak dari banyak pasangan bahasa yang berbeza seperti bahasa Inggeris/Swahili, Shona/Inggeris, Tamil/Inggeris, dan Hausa/Inggeris (Chun, 2001).

Pendapat Scotton secara khususnya berkaitan dengan penukaran kod dalam ayat (*intra-sentential*) dan antara ayat (*inter-sentential*). Penukaran Kod Dalam Ayat (*intra-sentential*) adalah antara pelbagai kategori penukaran kod yang dicadangkan oleh Scotton di dalam model *Matrix Language Frame* (1993) beliau yang digunakan untuk menganalisis pola linguistik penukaran kod. Kategori penukaran kod ini merupakan refleksi daripada penggunaan dua bahasa dalam satu ayat. Penukaran berlaku pada dua tahap; tahap perkataan dan tahap frasa (Scotton, 1993:4). Contoh penukaran kod yang berlaku di peringkat perkataan seperti:

هو يركب التراجة *tembikai* ك ليوم. (البيخ) ←

Contoh penukaran kod yang berlaku di peringkat frasa pula seperti:

أحب أن أركب التراجة. (حول التراجة) *di sekitar taman*. ←

Satu lagi kategori penukaran kod ialah penukaran kod antara ayat (*inter-sentential*) yang mana merujuk kepada penggunaan dua bahasa di peringkat ayat atau sempadan ayat (Scotton, 1993:3). Sebagai contoh, apabila penutur menukar kod, dia bercakap bahasa Arab kemudian mengulangi ayat yang sama maksud atau ayat yang berbeza dalam bahasa Melayu pula. Contoh penukaran kod di peringkat ayat boleh dilihat dalam ayat:

Kemudian penutur mengulangi seluruh ayat dalam

bahasa Melayu '*Anda boleh gunakan komputer di sana*'. Di sini, penutur telah menukar kod dari bahasa Arab ke bahasa Melayu di peringkat ayat. Hal ini biasanya terjadi supaya

pendengar dapat memahami mesej yang hendak disampaikan oleh penutur dengan lebih jelas.

Pengertian bahasa matriks dalam ucapan diusulkan oleh Scotton dalam model *Matrix Language Frame* (1993) beliau. Bahasa matriks menurut beliau merupakan bahasa yang memainkan peranan utama dalam penukaran kod. Dalam kajian ini, bahasa Arab dianggap sebagai bahasa matriks yang mana bahasa ini sepatutnya digunakan sebagai medium pengajaran untuk pengajaran bahasa tersebut.

Sebaliknya, Scotton menyatakan bahawa bahasa pancangan adalah ragam lain yang memainkan peranan yang lebih rendah dalam wacana. Dalam kajian ini, bahasa Melayu merupakan bahasa pancangan yang mana ia dimasukkan dalam wacana bahasa Arab sepanjang pengajaran.

### **2.2.2 Fungsi Perbualan oleh Gumperz**

Fungsi Perbualan oleh Gumperz (1982) telah digunakan pengkaji sebagai rangka kerja untuk mengkaji fungsi penukaran kod pensyarah yang merupakan objektif kedua kajian ini. Fungsi ini dipilih kerana ia digunakan secara meluas oleh para pengkaji bagi menyiasat fenomena penukaran kod. Terdapat enam fungsi yang digariskan iaitu (Gumperz, 1982: 75-81):

1. Petikan

Penukaran ini ditunjukkan dalam petikan langsung atau laporan kepada sesuatu ucapan tertentu. Penukaran adalah bertujuan untuk mengekalkan kesahihan mesej asal ataupun bagi tujuan menceritakan semula. Contohnya dari sebuah perbualan dalam kalangan

mahasiswa Melayu berpendidikan Arab, si penutur bercakap mengenai pertemuannya dengan seorang doktor:

قال لي أمس: *“Teruskan pengambilan ubat ini”* استوم فيتن اول هذا لدواء )

Dalam contoh di atas, penutur memetik kata-kata doktor yang ditemuinya semalam bagi mengekalkan kesahihan mesej asal yang diterima kepada rakan-rakannya.

Contoh lain seperti perbualan pensyarah dan pelajar Melayu di sebuah universiti:

ذبت لي إسباني في لاش هر ل المض يثم قل خي الجير،

*“kalau ke Sepanyol, abang mesti singgah Alhambra”*.

Contoh di atas menunjukkan pemetikan kata oleh pensyarah yang bertujuan untuk menceritakan semula kepada pelajarinya berkenaan perbualannya dengan abang beliau.

## 2. Spesifikasi penerima

Fungsi ini bertujuan untuk menyampaikan mesej kepada penerima atau individu tertentu. Penukaran membolehkan penutur menarik perhatian pendengar yang dimaksudkan. Contohnya kata-kata seorang guru di dalam sebuah kelas yang telah pun tamat masa untuk menjawab peperiksaan:

طي بوقت هي الوقت. A 50123 ممكتس اعني في جمع أوراق ا

Dalam contoh di atas, setelah tamat masa untuk menjawab dalam sesebuah peperiksaan, guru menarik perhatian pelajarinya yang berangka giliran A 50123 dengan merujuk kepada dirinya sahaja tanpa merujuk kepada pelajar lain. Ini bertujuan supaya

mesej yang hendak disalurkan tepat kepada individu tersebut dengan perantaraan bahasa ibunda. (Angka giliran A 50123 di sini disebut dalam bahasa Melayu).

### 3. Interjeksi/ Seruan

Fungsi ini digunakan sebagai kata seruan atau selaan atau bertujuan untuk mencelah dalam sesuatu perbualan. Ia sering digunakan untuk ekspresi yang lebih baik, penjelasan atau pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu yang diujarkan dan tidak membawa sebarang pengertian khusus. Ia juga boleh dikatakan sebagai pengisi ayat (*sentence filler*) menurut Gumperz. Kata seru merupakan kata yang digunakan dalam ayat sebagai unsur bebas yang mana ia tiada kaitan dengan kata lain dari sudut nahu. Bentuknya tidak dapat dikenal pasti, tetapi boleh digambarkan dalam penggunaannya. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat halaman 685, kata seru atau interjeksi turut difahami sebagai kata yang dikeluarkan dengan tiba-tiba (kerana kesakitan, terperanjat, dan lain-lain). Contohnya seorang guru telah berkata kepada anak muridnya semasa di dalam kelas:

يا فينكح، ايجهد نيأس. la.

Dalam contoh di atas, penutur telah menggunakan interjeksi 'la' dalam kata-katanya yang boleh dikatakan sebagai pengisi ayat. Begitu juga dengan perkataan seperti 'eh', 'ha', 'kan', dan 'ya' yang ditemui di dalam kajian ini.

### 4. Pengulangan

Pengulangan bermaksud mengulangi mesej dalam kod (bahasa) lain. Ini boleh dilakukan sama ada secara literal atau dalam bentuk yang telah diubahsuai. Pengulangan boleh digunakan bagi menjelaskan, menegaskan, atau menggalakkan pemahaman yang lebih baik mengenai sesuatu ucapan. Contohnya ucapan seorang kapten kereta api kepada para penumpangnya:

عليه السلام اباء، مخرجوا التي تدخري رقي. **Dilarang merokok di dalam kereta api.**

لقطار.

Kata-kata di atas disebutkan olehnya mungkin bertujuan memberi penegasan kepada mereka.

#### 5. Kecekapan mesej

Fungsi ini bertujuan untuk memenuhi syarat sesuatu yang telah dikatakan sebelumnya. Ini boleh dilakukan melalui ayat, frasa atau klausa diikuti pernyataan yang awal dalam kod yang berbeza. Dengan bertukar kepada kod lain, seorang penutur percaya bahawa mesej yang disampaikan olehnya lebih difahami. Contohnya kata-kata seorang pensyarah kepada pelajarinya:

← ماذلف همون عن المقذع؟ المقذع

**ialah orang yang mengeji sampai habis-habis. Bahasanya sampai terduduklah.**

Di sini, pensyarah tersebut telah menerangkan makna perkataan 'المقذع' dengan menukar kod ke dalam bahasa Melayu supaya mesej yang hendak disampaikan benar-benar difahami oleh pelajarinya.

#### 6. Keperibadian lawan keobjektifan

Fungsi ini bertujuan untuk menunjukkan perbezaan antara fakta umum dan pendapat seseorang tentang sesuatu. Contohnya perbualan antara pensyarah Melayu sesama rakannya yang berpendidikan Arab di salah sebuah universiti:

→ Kanak-kanak, ج هاز في اعمهم اقل من اللبار. Mereka mudah ditimpa penyakit. **Tapi saya rasa kanak-kanak lebih kuat imun mereka berbanding kita yang dewasa ini.**

Dalam contoh ini, si penutur menyatakan pendapat peribadinya yang mengatakan bahawa tahap keimunan kanak-kanak lebih kuat berbanding orang dewasa. Ini agak bercanggah dengan fakta umum bahawa imun kanak-kanak lebih rendah berbanding orang dewasa.

## **2.3 Kajian Lepas**

### **2.3.1 Penukaran Kod dari Sudut Linguistik**

Banyak kajian mengenai aspek linguistik penukaran kod memberi tumpuan kepada merumuskan kekangan umum terhadap penukaran. Ahli bahasa mengatakan bahawa mesti terdapat beberapa bentuk keteraturan linguistik jika penukaran kod relevan dan orang dapat membezakan contoh-contoh penukaran kod berstruktur lebih dapat diterima daripada yang tidak berstruktur. Oleh itu, kajian tentang kekangan linguistik dalam penukaran kod melibatkan pencirian sintaksis elemen-elemen penukaran kod, dari segi nahunya, dan kebolehterimaannya sebagai pembentukan peraturan untuk mengambil kira berlaku dan tidak berlakunya penukaran kod serta elemen-elemen yang ditukarkan (Dua, 1985). Dengan kata lain, fenomena penukaran kod apabila dianalisis secara linguistik akan melihat corak penukaran kod dengan menentukan ciri-ciri gramatikal dan sintaksis yang mengawalinya.

Lipski (1978:257) dalam mengkaji dua bahasa bilingual yang bertutur bahasa Sepanyol dan Inggeris mencadangkan bahawa kekangan penukaran kod melibatkan bentuk homologi atau persamaan tertentu antara bentuk sintaksis ringan (tidak mendalam) daripada ujaran-ujaran dalam dua bahasa. Beliau menyatakan walaupun bahagian ucapan



yang mendahului penukaran kod mungkin berbeza secara sintaksis; apa yang datang selepas penukaran mestilah sama. Dalam erti kata lain, beliau mencadangkan kedua-dua bahasa itu mestilah bersamaan tatabahasanya agar penukaran kod boleh berlaku. Penukaran pada mana-mana titik sebelum elemen kod yang ditukar sebenarnya tidak boleh diterima disebabkan kedua-dua binaan sintaksis yang berbeza. Beliau mendakwa bahawa data yang dikumpul dari penukaran kod bahasa Sepanyol dan Inggeris sangat menyokong hipotesis ini.

Walau bagaimanapun, pandangannya ditentang oleh beberapa ahli bahasa. Malah Sridhar (1980) menganggap hipotesis Lipski tidak jelas dan mencadangkan kekangan prinsip dual struktur untuk menyelesaikan masalah sifat konsisten dalaman unsur-unsur yang diubah. Prinsip itu mengesyorkan;

*“the internal structure of the guest constituent may not necessarily obey the rules of the host language”*. (Sridhar, 1980: 407)

Maksudnya: “struktur dalaman konstituen tetamu tidak semestinya perlu mematuhi peraturan bahasa tuan rumah”.

Prinsip ini menunjukkan bahawa penukaran kod boleh berlaku walaupun kedua-dua bahasa tersebut mempunyai peraturan tatabahasa yang berlainan.

Satu lagi cubaan untuk merumuskan kekangan sintaksis umum terhadap fenomena penukaran kod ini adalah kajian yang dilakukan oleh Poplack (1981). Beliau mengemukakan dua kekangan dari analisisnya mengenai data penukaran kod bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris. Kekangan pertama melibatkan *kekangan morfem bebas*, yang tidak membenarkan percampuran morfologi dalam batasan perkataan. Kekangan kedua ialah *kekangan persamaan* yang menunjukkan bahawa penukaran bahasa hanya boleh berlaku di sempadan biasa untuk kedua-dua bahasa, dan penukaran tidak boleh

berlaku antara dua ayat kecuali ia mempunyai struktur yang sama. Pandangan ini agak serupa seperti yang disarankan oleh Lipski.

Gumperz (1982) mencadangkan kekangan sintaksis tertentu untuk mengambil kira tahap penerimaan penukaran kod dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris. Beliau mengemukakan kekangan panjang frasa sebagai peraturan am untuk menerima penukaran kod yang relevan. Peraturan ini menyatakan bahawa tahap penerimaan penukaran kod ditentukan oleh panjang frasa yang berbeza. Beliau menjelaskan bahawa lebih pendek panjang frasa yang berbeza, semakin rendah tahap penerimaannya. Beliau juga menekankan kepada kekangan semantik yang mana frasa dilihat sebagai keseluruhan idiomatik dan tidak boleh dipecahkan oleh penukaran. Ini bermakna penukaran kod jarang berlaku dalam frasa yang lebih pendek jika dibandingkan dengan yang lebih panjang dan penukaran juga tidak biasa berlaku dalam frasa.

Pada dasarnya, kajian-kajian linguistik yang menetapkan atau mensyaratkan kekangan nampaknya berasaskan bahasa-bahasa Eropah terutamanya bahasa Sepanyol dan bahasa Inggeris, sedangkan bahasa-bahasa Asia nampaknya berasaskan bentuk kekangan yang lebih sedikit, atau sering mengikuti kekangan bahasa Eropah. Contohnya, Southworth (1980) mendapati bahawa tidak terdapat corak kekangan yang jelas dalam ayat-ayat yang ditukar kod dwibahasa India di India Selatan. Kebanyakan ayat yang ditukar kod dalam datanya boleh dijana oleh peraturan yang membenarkan mana-mana konstituen (juzuk), sekalipun item leksikal tunggal, ditukarkan di mana-mana tahap. Beliau juga menyatakan bahawa untuk menjelaskan output gaya percakapan penutur dwibahasa, pelbagai faktor sosial, semantik, atau faktor-faktor lain yang mempengaruhi proses percakapan juga perlu dipertimbangkan.

Untuk perhatian, kajian ini menganalisis kekangan linguistik penukaran kod dengan merujuk kepada idea Scotton (1993) tentang penukaran kod yang melibatkan

penukaran kod dalam ayat (*intra-sentential*) dan antara ayat (*inter-sentential*) yang dibincangkan dalam model *Matrix Language Frame* beliau. Walau bagaimanapun, seperti yang diperkatakan oleh Southworth (1980), bahasa-bahasa Asia (seperti bahasa Melayu yang dianalisis dalam kajian ini) membentuk sedikit kekangan berbanding bahasa Eropah yang telah dikaji oleh Scotton dan kajian lain. Oleh itu, penukaran boleh berlaku pada mana- mana jujuk atau tahap seperti yang dijelaskan di bahagian analisis data.

### **2.3.2 Penukaran Kod dari Sudut Sociolinguistik**

Kajian ini memilih untuk menganalisis fenomena penukaran kod bukan hanya dari sudut linguistik tetapi juga dari aspek sociolinguistik kerana aspek ini juga relevan dan bermanfaat untuk situasi tempatan di Malaysia terutamanya dalam konteks kelas Bahasa Arab. Di samping itu, ahli sosiologi percaya bahawa terdapat fungsian atau sebab pragmatik, motivasi dan fungsi untuk menukar kod dan fenomena ini dianggap sebagai satu ciri wacana yang tidak dapat ditangani dengan memuaskan dari segi struktur dalaman ayat atau dalam kata lain, secara sintaksis (Romaine, 1989: 111). Kajian lepas juga telah memperlihatkan bahawa adalah mungkin untuk mengenal pasti bila penukaran kod berlaku, apa faktor-faktor yang mencetuskannya, dan apa yang dimaksudkan dari segi makna sosial daripada kriteria linguistik.

#### **2.3.2.1 Kajian melibatkan bahasa Arab**

Setakat pengetahuan penyelidik, kajian penukaran kod secara formal yang melibatkan antara bahasa Arab-bahasa Melayu atau bahasa Melayu-bahasa Arab dalam bidang pendidikan di Malaysia masih belum ada (setakat kajian ini dijalankan). Yang ditemui hanyalah melibatkan bahasa Arab-Inggeris atau sebaliknya walaupun bilangan kajian tersebut sangat terhad yang mana majoritinya dikaji oleh rakyat asing yang berada di negara ini yang cenderung menumpukan kepada bidang sociolinguistik.

Contohnya, di Universiti Kebangsaan Malaysia terdapat kajian penukaran kod oleh Sardar et al. (2015) yang dilakukan ke atas penutur berbangsa Iraq di Malaysia. Mereka telah mengkaji kelakuan penukaran kod penutur Iraq dan jenis penukaran kod yang digunakan oleh mereka. Selain itu, kajian ini turut mengkaji sebab dan akibat fenomena penukaran kod ke atas kemahiran bahasa sasaran pelajar Iraq. Untuk mencapai matlamat kajian, kajian kes ini menggunakan tinjauan soal selidik dan rakaman audio selama 35 minit perbualan dalam kalangan enam pelajar Iraq di universiti di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa mereka menggunakan pelbagai jenis penukaran kod kebanyakannya untuk menegaskan identiti kumpulan dan akibat kekurangan perbendaharaan kata dalam bahasa Inggeris.

Kajian yang dilakukan oleh Al-Hourani (2016) daripada Universiti Sains Islam Malaysia pula mengkaji penggunaan kod oleh penutur dwibahasa berbangsa Jordan di Malaysia dalam interaksi lisan harian mereka. Kajian beliau telah mengenal pasti konteks berlakunya penukaran kod bahasa Arab-bahasa Inggeris termasuklah peristiwa-peristiwa komunikasi berlaku, mengkaji fungsi-fungsi penukaran kod mereka dari segi sosiolinguistik, mengkaji pola penukaran kod terbabit di samping mengkaji sama ada peristiwa komunikasi dan pola penukaran kod memberi kesan antara satu sama lain atau pun tidak. Dapatan menunjukkan bahawa mereka beralih kod dalam komunikasi tidak formal dan formal, di samping mengesan fungsi sosiolinguistik iaitu untuk memetik ucapan seseorang, merapatkan jurang leksikal, pencerahan lanjutan kepada sesuatu perkara, mengecualikan seseorang daripada interaksi dan bagi menunjukkan keupayaan. Di samping itu, dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua pola penukaran kod dalam interaksi lisan harian mereka iaitu penukaran kod *intra-sentential* (dalam ayat) dan *inter-sentential* (antara ayat). Walau bagaimanapun, penukaran kod *intra-sentential* lebih kerap digunakan dalam kajian beliau berbanding penukaran kod *inter-sentential*.

Ahmed Abdulateef Sabti (2019) pula mengkaji penukaran kod antara dialek Iraq tidak rasmi dan bahasa Inggeris dalam kalangan penutur Arab Iraq melalui aplikasi WhatsApp. Kajian beliau bertujuan untuk mengkaji aplikasi penukaran kod antara *Informal Iraqi Dialect* (IID) dan bahasa Inggeris dalam kalangan penutur Arab Iraq bahasa Inggeris melalui salah satu aplikasi telefon pintar iaitu *WhatsApp Messenger* (WM). Kajian beliau juga bertujuan untuk mengenal pasti jenis penukaran kod dan motivasi dalam kalangan pelajar bahasa Inggeris Iraq untuk menukar daripada IID ke bahasa Inggeris. Penyelidikan beliau menggunakan pendekatan kualitatif, yang melibatkan lima puluh (50) jenis perbualan daripada dua puluh orang pelajar pasca siswazah Iraq yang belajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). Data dikumpul melalui dua instrumen, yang dinamakan aplikasi WM untuk mengumpulkan jenis perbualan dan temu bual separa berstruktur. Keputusan yang diperoleh daripada aplikasi WM menunjukkan bahawa jenis penukaran kod (CS) yang paling dominan digunakan oleh peserta ialah penukaran kod intrasentential, terutamanya penukaran kod intra-leksikal. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa majoriti pelajar Iraq cenderung untuk menukar kod kepada bahasa Inggeris di bahagian yang lebih kecil dalam sempadan perkataan. Analisis data temu bual mendedahkan tiga motivasi pengaplikasian alih kod iaitu faktor linguistik, teknologi dan politik.

Terdapat kajian yang dilakukan di luar lingkungan Malaysia misalnya oleh Abdelali Bentahila dan Eirlys E.Davies (1983). Mereka mengkaji tentang sintaks penukaran kod intra-sentential antara bahasa Arab dan Perancis yang merupakan ciri umum pertuturan dwibahasa Maghribi. Kajian sebelumnya mengenai penukaran kod telah mencadangkan pelbagai kekangan yang melarang penukaran dalam persekitaran struktur dan bahasa tertentu. Walau bagaimanapun, kajian mereka ini menyimpulkan bahawa penukaran kod Arab-Perancis boleh dilakukan pada semua sempadan sintaksis pada peringkat perkataan, walaupun ia tidak dibenarkan secara amnya di antara sempadan

morfem dalaman perkataan. Selain itu, bertentangan dengan dakwaan yang dibuat oleh orang lain tentang jenis penukaran kod yang lain, tiada kekangan untuk penukaran kod Arab-Perancis yang mana struktur yang mempamerkan sesuatu penukaran mesti mematuhi pola struktur permukaan kedua-dua bahasa. Sebaliknya, ia menunjukkan bahawa kemungkinan dihadkan oleh keperluan bahawa dalam struktur yang mempamerkan penukaran seperti di tempat lain, semua item mesti digunakan mengikut sekatan subkategori khusus bahasa mereka sendiri. Pada akhir kajian mereka dapat diperhatikan bahawa jenis penukaran tertentu, walaupun tidak dilarang oleh sebarang kekangan sintaksis, berlaku lebih jarang daripada yang lain. Ini dilihat mencerminkan perbezaan antara peranan yang lazimnya digunakan oleh kedua-dua bahasa dalam struktur yang melibatkan penukaran.

Abalhassan & Alshalawi (2000) pula mengambil dua belas orang mahasiswa Saudi berusia antara 19 dan 35 tahun. Beliau telah membuat rakaman sebuah mesyuarat tidak formal selama dua jam untuk mengkaji kelakuan penukaran kod mereka dengan melihat fungsi dan sebab-sebab di sebaliknya. Segmen perbualan yang penting telah dipilih, ditranskripsikan dan diterjemahkan. Semua responden beralih pada tahap yang berbeza-beza menunjukkan bahawa penukaran kod bilingual seolah-olah menjadi suatu yang normal dan kelakuan linguistik yang boleh diterima. Responden kebanyakannya menggunakan perkataan bahasa Inggeris yang telah dimasukkan ke dalam matriks bahasa Arab. Satu korelasi muncul untuk mewujudkan antara tahap kerumitan penukaran kod dwibahasa dan tahap kemahiran dalam bahasa Inggeris responden, boleh dihipotesiskan bahawa linguistik dan kecekapan komunikasi adalah berkait dengan repertoir atau koleksi linguistik penutur. Penemuan umum kajian mereka menunjukkan bahawa bahasa Arab adalah bahasa utama digunakan oleh responden untuk berkomunikasi yang ditambah bahasa Inggeris di mana-mana tempat yang perlu.

Ahmad Abdel Tawwab Sharaf Eldin (2014) yang membuat penyelidikan berkenaan kajian sosio linguistik penukaran kod penutur bahasa Arab di rangkaian sosial. Kajian beliau merangkumi dan menganalisis tanggapan penukaran kod dalam konteks elektronik. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan fungsi penukaran kod yang dilakukan oleh pengguna dwibahasa Arab-Inggeris dalam interaksi Facebook mereka. Data kajian ini dikumpul daripada kemas kini status yang disiarkan oleh pengguna dwibahasa di dinding Facebook mereka. Mereka diklasifikasikan dan dianalisis mengikut fungsi yang mereka layani dalam konteks Facebook. Dapatan menunjukkan bahawa penukaran kod berlaku dalam interaksi dalam talian untuk menyampaikan spesifikasi penerima, pengulangan, kelayakan mesej, penjelasan, penekanan, penyemakan, menunjukkan emosi, ketersediaan, prinsip ekonomi dan fungsi penukaran bebas. Kajian beliau diharapkan dapat memberi gambaran tentang fenomena penukaran kod dalam Komunikasi Pengantaraan Komputer (CMC) di samping memberi nilai kepada pembangunan kajian penukaran kod dalam bidang sosio linguistik.

Albtool Alhazmi (2016) pula mengkaji aspek linguistik penukaran kod dalam kalangan penutur dwibahasa Arab-Inggeris di Facebook dan radio di Australia. Pendekatan bersepadu dengan kaedah analisis kualitatif (analisis perbualan) dan kuantitatif (taburan kekerapan) digunakan bagi tujuan penyelidikan beliau. Data kajiannya dikumpul daripada dua set sumber awam yang merupakan rakaman perbualan bebas dalam radio dan sembang di Facebook. Kajian itu menyimpulkan bahawa penukaran kod boleh dilakukan pada pelbagai sempadan sintaksis dan wacana dalam konteks masing-masing walaupun terdapat perbezaan tipologi antara kedua-dua bahasa. Kata nama dengan frasa nama dan kata seru (interjeksi) mewakili bilangan terbesar unsur yang bertukar dalam korpus. Dalam meneliti aspek teori penukaran kod Arab-Inggeris, data memberi sokongan kepada model kongruen sambil mencabar kesejagatan kesetaraan dan model morfem bebas.

Dalam kajian Alhourani, A. Q. (2018) di Universiti Jouf pula menyatakan bahawa selain fungsi komunikatif bahasa, terdapat fungsi sosial yang menunjukkan peranan bahasa dalam masyarakat. Ini dapat diperhatikan dalam sociolinguistik melalui penukaran kod. Tujuan utama kajian kes beliau adalah untuk menyiasat dan memahami fungsi penukaran kod Arab-Inggeris dalam kalangan penutur dwibahasa Saudi di universiti tersebut dari perspektif sociolinguistik. Kajian kes dijalankan secara kualitatif. Kajian beliau memfokuskan kepada analisis dan perbincangan mengenai penukaran kod empat penutur dwibahasa Arab yang tinggal di Jouf, Arab Saudi. Data dikumpul melalui pemerhatian, rakaman audio dan temu bual separa berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat empat fungsi komunikatif penukaran kod Arab-Inggeris dalam kalangan penutur dwibahasa Arab iaitu bagi tujuan memetik, menunjuk-nunjuk, menukar topik dan meluahkan perasaan.

Ahmad Alkhaldeh (2019) dalam kajiannya menyatakan bahawa penyelidikannya merupakan tinjauan kuantitatif dan kualitatif awal tentang sebab, bentuk dan sikap penukaran kod seperti yang dinyatakan oleh mahasiswa perempuan bahasa dan terjemahan Universiti Islam Imam Muhammad Ibn Saud. Untuk mencapai tujuan kajiannya, tujuh puluh (70) pelajar telah menjawab soal selidik terbuka mengenai pelbagai sebab, bentuk penukaran kod dan sikap terhadap penukaran kod semasa semester musim panas 2018. Keputusan menunjukkan bahawa antara sebab utama penukaran kod adalah keinginan untuk bertutur dua bahasa. Bagi jenis penukaran kod, ia termasuklah menurut peserta, penukaran dalam ayat (*CS intrasentential*), penukaran yang berlaku pada tahap sempadan ayat (*CS intersentential*) antara bahasa Arab dan Inggeris dan penukaran pada permulaan dan pada akhir ayat tersebut (*Tag CS*). Bagi sikap terhadap penukaran kod, ia dibahagikan kepada antara mereka yang positif terhadap penukaran kod bagi tujuan menunjuk. Sebagai contoh, penutur tersebut lebih berpengetahuan dan mempunyai kelayakan dan pangkat pendidikan tinggi dan mereka yang negatif terhadap



fenomena ini. . Selain itu, kajian itu menunjukkan peserta yang menyatakan kekaguman mereka terhadap bahasa ibunda mereka yang mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap potensi komunikatifnya. Sikap lain merangkumi sikap bercampur-campur terhadap penukaran kod dan keperluan untuk menyekat penggunaan penukaran kod kepada situasi antara budaya tertentu. Berdasarkan hasil kajian, pengkaji mengesyorkan agar kajian yang lebih mendalam dijalankan untuk mengkaji pelbagai pembolehubah yang membentuk tingkah laku sosiolinguistik ini dan bagaimana penukaran bersama boleh dianggap oleh sesetengah pihak sebagai jalan untuk komunikasi antara budaya dan global selanjutnya. Sementara itu, implikasi pedagogi penukaran kod perlu disiasat menurut pendapat beliau.

Antara kajian mutakhir, Małgorzata Kniaź (2021) memberikan pandangan baharu tentang penukaran kod Arab-Inggeris dengan rujukan khusus kepada sisipan kata kerja. Ia bertujuan untuk mengenal pasti pola sisipan kata kerja Inggeris ke dalam bahasa Arab dan faktor yang mempengaruhi mereka. Kajian ini menawarkan alternatif kepada kesimpulan kajian terdahulu mengenai kekurangan kata kerja bahasa Inggeris yang diintegrasikan secara morfologi ke dalam bahasa Arab, yang didakwa berpunca daripada ketidakselarasan antara sistem kata kerja bahasa Arab dan Inggeris. Metodologi kajian beliau menggunakan model *Matrix Language Frame* (MLF) seperti kajian pengkaji sekarang dan model 4-M. Data dan analisis kajian beliau terdiri daripada 14,414 klausa yang diperoleh daripada temu bual dengan pelajar di Universiti Amerika di Kaherah. Data dianalisis secara kuantitatif. Dapatan kajian pula menemui kebanyakan (80.17%) kata kerja yang disisipkan telah diubah dengan kala (*tense*) bahasa Arab, jantina dan nombor yang menunjukkan integrasi morfologi ke dalam bahasa Arab. Kajian beliau membezakan empat pola berulang dalam sisipan kata kerja: (1) penyepaduan morfologi lengkap dalam kala sekarang; (2) asimilasi tidak lengkap bentuk yang memerlukan penggunaan akhiran jamak -u; (3) kekurangan integrasi morfologi dalam kala lampau;

dan (4) kekurangan akhiran klitik Arab kepada kata kerja bahasa Inggeris. Ini adalah kajian pertama yang memfokuskan kepada sisipan kata kerja dalam penukaran kod Arab-Inggeris berdasarkan data empirikal yang dikumpul di Mesir. Ia menawarkan penemuan berbeza mengenai pola kata kerja dan penjelasannya berbanding dengan kajian kuantitatif lain berdasarkan model MLF. Penyelidikan ini mencadangkan untuk melihat di sebalik ketidaksesuaian antara bahasa Arab dan Inggeris sebagai faktor yang menentukan pola kata kerja untuk memasukkan konvensyen linguistik. Oleh itu, beliau membuat hipotesis bahawa sisipan kata kerja mungkin dikawal oleh norma linguistik yang diterima dan dikekalkan dalam komuniti pertuturan tertentu. Bertentangan dengan dakwaan sebelumnya, keputusan kajian beliau menunjukkan bahawa corak sisipan kata kerja dalam penukaran kod Arab-Inggeris adalah konsisten dengan model MLF. Oleh itu, kajian beliau ini menyumbang bukti untuk model MLF dan nilai penjelasannya.

Kelaziman penukaran kod baru-baru ini dipenuhi dengan permintaan dan minat yang semakin meningkat untuk membina sistem pengecaman pertuturan automatik (ASR) penukaran kod. Dalam kajian Injy Hamed et al. (2022) mereka membentangkan tentang ASR Arab-Inggeris Mesir yang ditukar kod. Mereka mula-mula menyumbang dalam mengisi jurang yang besar dalam sumber dengan mengumpul, menganalisis dan menerbitkan korpus pertuturan PK Mesir Arab-Inggeris spontan mereka. Mereka membina sistem ASR menggunakan model hibrid berasaskan DNN dan model *end-to-end* berasaskan Transformer. Dalam kajian ini, mereka membentangkan perbandingan menyeluruh antara kedua-dua pendekatan di bawah penetapan pasangan bahasa sumber rendah, tidak piawai secara ortografik dan kaya dari segi morfologi. Mereka menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua sistem mencapai hasil pengiktirafan keseluruhan yang setanding, sistem tersebut mempunyai kekuatan yang saling melengkapi. Mereka menunjukkan bahawa pengiktirafan boleh dipertingkatkan dengan menggabungkan output kedua-dua sistem. Mereka turut mencadangkan beberapa

pendekatan gabungan sistem yang berkesan, yang mana hipotesis kedua-dua sistem digabungkan pada peringkat ayat dan perkataan. Pendekatan mereka ini menghasilkan peningkatan relatif WER keseluruhan sebanyak 4.7%, berbanding prestasi asas sebanyak 32.1% WER. Dalam kes ayat penukaran kod intra-sentential, mereka mencapai peningkatan relatif WER sebanyak 4.8%. Sistem prestasi terbaik mereka ini telah mencapai 30.6% WER pada set ujian ArzEn.

Alsamhan dan Almutrafi (2022) pula mengkaji penukaran kod dalam komunikasi bertulis dalam talian yang dijalankan ke atas penutur dwibahasa Inggeris Arab. Kajian mereka ini bertujuan untuk menyiasat fungsi sociolinguistik penukaran kod dalam tweet. Ia juga mengkaji kesan potensi dua pembolehubah sosial, iaitu jantina dan pendidikan, serta sama ada pilihan bahasa berkaitan dengan topik. Kajian ini menggunakan *Model Markedness* Myers-Scotton (1993) dan Model Malik (1994) untuk menganalisis data. Penemuan mendedahkan bahawa setiap pilihan kod mempunyai fungsi yang berbeza seperti mengelakkan kekurangan kemudahan, menangani khalayak yang berbeza atau menunjukkan identiti agama atau budaya pengguna. Jantina pengguna twitter menunjukkan kesan ketara pada pilihan bahasa, iaitu, wanita lebih suka menyiarkan tweet sepenuhnya dalam bahasa ibunda mereka manakala lelaki lebih suka menyiarkan tweet bertukar kod. Tahap pendidikan juga mendedahkan beberapa kesan ke atas pilihan bahasa iaitu tweet dalam bahasa ibunda lebih kerap disiarkan oleh peserta yang berpendidikan rendah di kolej. Manakala gabungan dua bahasa dwibahasa digunakan lebih kerap oleh mereka yang berpendidikan tinggi. Bagi tweet bertukar kod, peserta dengan pendidikan kolej menunjukkan keutamaan tertinggi untuk pilihan kod ini. Tambahan pula, pengguna Twitter menukar kod berdasarkan topik, contohnya tweet tulisan Arab sering dikaitkan dengan hashtag berkaitan agama manakala tweet tulisan Inggeris dikaitkan dengan topik berkaitan pendidikan. Topik yang berkaitan dengan sosial menyumbang kepada bilangan tertinggi tweet bertukar bahasa. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan bukti

kepada pandangan bahawa komunikasi dalam talian mempengaruhi pilihan bahasa yang digunakan.

Alsalamy (2022) pula menyatakan bahawa banyak kajian telah dijalankan mengenai penukaran kod di seluruh dunia, tetapi hanya sedikit yang dijalankan dalam konteks Saudi. Oleh itu, kajian beliau ini menyiasat penggunaan penukaran kod dalam kalangan warga Arab Saudi yang bertutur dalam bahasa Arab dan Inggeris untuk mengenal pasti sebab penukaran kod dan mengetahui perbezaan ketara berkenaan jantina, umur, kelayakan dan tahap bahasa Inggeris. Kajian beliau ini menimbulkan dua persoalan. Ia adalah: 1) Apakah sebab-sebab penukaran kod orang Saudi sebagai penutur asli bahasa Arab? dan 2) Adakah terdapat perbezaan yang ketara untuk penukaran kod Arab Saudi sebagai penutur asli bahasa Arab disebabkan oleh jantina, umur, kelayakan dan tahap bahasa Inggeris? Pendekatan deskriptif-analitik telah diguna pakai, dan program SPSS digunakan. Satu soal selidik (30 item) telah diedarkan kepada sampel 426 orang warga Saudi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai penguasaan tahap tinggi menggabungkan bahasa Arab dan Inggeris lebih lagi disebabkan oleh kesedaran mereka terhadap ungkapan bahasa Inggeris dan mendapati perbendaharaan kata bahasa Inggeris mereka lebih ekspresif dan dapat menyampaikan idea dengan lebih baik. Selain itu, menurut beliau mereka yang bekerja menggunakan penukaran kod secara meluas. Tambahan pula, pelajar lepasan ijazah didapati lebih baik daripada yang lain. Selain itu, jantina kedua-duanya terdedah kepada keadaan yang sama. Menurutnya lagi, individu dalam kalangan semua peringkat umur menggabungkan kedua-dua bahasa Arab dan bahasa Inggeris mungkin disebabkan oleh beberapa sebab. Oleh itu, Alsalamy mengesyorkan bahawa adalah lebih baik untuk mengkaji kepentingan membentuk kursus latihan untuk mengekalkan minat orang asli untuk berbangga dan menggunakannya dalam semua aspek kehidupan. Akhir sekali, beliau mencadangkan untuk menjalankan satu lagi kajian tentang menyiasat penukaran kod dalam kalangan

pengajar dalam bilik darjah EFL dan meneroka percampuran kod kerana terdapat kajian yang sedikit.

Kajian-kajian yang telah disebutkan di atas antaranya mengkaji berkenaan konteks berlakunya penukaran kod, fungsi, pola, jenis, motivasi, sebab dan akibat fenomena penukaran kod. Justeru, pengkaji mengambil faedah daripada kajian-kajian ini dengan melihat kepada pola linguistik dan fungsi penukaran kod pensyarah bahasa Arab semasa pengajaran mereka bagi tujuan mencapai objektif pertama dan kedua kajian ini.

### **2.3.2.2 Kajian bukan melibatkan bahasa Arab**

Di Malaysia, walaupun penukaran kod sudah tersebar luas dan merupakan ciri-ciri yang agak biasa dalam masyarakatnya, namun kajian mengenai fenomena penukaran kod yang dijalankan di sini masih kurang jika dibandingkan dengan negara Barat misalnya. Antaranya Farid et al. (1987) menjalankan kajian mereka di sebuah kampung kecil di negeri Kedah, berhampiran sempadan Malaysia-Thailand. Masyarakat di kampung ini bertutur pelbagai dialek Thai selain bahasa ibunda mereka (Melayu) kerana berdekatan dengan Thailand. Kajian ini menunjukkan bahawa penukaran kod adalah fenomena semula jadi dalam kalangan bilingual ini dan terdapat faktor sosial yang penting yang mempengaruhi fenomena ini. Faktor-faktor itu termasuklah umur, jantina, pendidikan, kedudukan dalam keluarga dan keadaan interaksi lisan.

Pakir (1989) mengkaji komuniti Baba di Malaysia yang beralih kod antara dialek Hokkien dan bahasa Melayu. Beliau mengesan beberapa bukti untuk menyokong pengertian Gumperz yang tersenarai dalam fungsi perbualannya untuk menukar kod. Ini termasuklah fungsi petikan, spesifikasi penerima, seruan, kelayakan mesej dan pengulangan. Daripada situ, 'pengulangan' merupakan fungsi yang paling biasa bagi

penutur dalam kajiannya. Beliau memerhatikan bahawa mesej boleh diulang oleh seorang individu atau dibina secara kolektif oleh beberapa individu dan kod yang digunakan untuk tujuan pengulangan tidak semestinya sama dan setara dengan semantik. Dengan kata lain, mesej yang ditukar tidak semestinya diterjemahkan secara langsung namun harus mempunyai makna yang sama seperti mesej asal. Selain itu, beliau menyatakan bahawa penukaran kod tidak berlaku secara rawak, tetapi sebaliknya mengikut sistem Hokkien. Oleh itu, Pakir percaya bahawa penukaran kod yang diamalkan dalam kalangan subjeknya telah digunakan untuk “membincangkan identiti sosial kolektif bahasa komuniti Baba” (Pakir, 1989: 382).

Teo Kok Seong (1996) yang merupakan pengkaji tempatan juga mengatakan penukaran kod boleh terjadi berdasarkan pengetahuan, kemahiran dan penggunaan dua atau lebih bahasa yang berbeza secara individu mahupun dalam sesebuah masyarakat. Tambahan pula, ia dilakukan oleh penutur bagi beberapa faktor atau tujuan sama ada disedari atau tanpa disedari ketika berkomunikasi. Hal ini berbeza dengan pendapat Poplack (1980) yang mengatakan bahawa fenomena penukaran kod terjadi secara tanpa disedari dalam kalangan penutur. Pada pandangan penulis ia tidak semestinya berlaku tanpa disedari, tetapi boleh juga terjadi secara sedar bergantung kepada sesuatu situasi.

Banyak komuniti dwibahasa telah menjadi tumpuan kajian berkenaan penukaran kod pada masa lalu. Kajian mengenai penggunaan penukaran kod untuk mencapai fungsi tertentu seperti yang diperkenalkan oleh Gumperz hampir dua dekad lalu telah berkembang dalam kalangan pelajar sekolah “*international sociolinguists*” (Poplack, 1988). Sejak itu, fungsi perbualan yang telah dicadangkan oleh Gumperz telah menjadi asas untuk menganalisis fungsi sosiolinguistik penukaran kod dalam masyarakat.

Satu kajian penting mengenai faktor-faktor yang menyumbang penutur beralih dari satu jenis bahasa dan yang satu jenis lagi dilakukan oleh Blom dan Gumperz (1972).

Kajian tersebut menyiasat penggunaan bahasa di kampung Hemnesberget yang mana semua penduduknya bertutur bahasa standard, Bokmal dan dialek tempatan, Ranamal. Dalam kajian mereka, Blom dan Gumperz mempelajari dua jenis penukaran kod iaitu penukaran kod perbualan dan penukaran kod metafora. Jenis penukaran kod pertama digunakan untuk menyampaikan sikap penutur terhadap topik perbualan, sementara jenis kedua digunakan untuk menyampaikan sikap penutur terhadap penontonnya.

Menurut Blom dan Gumperz, penukaran kod perbualan melibatkan penggunaan satu bahasa dalam satu set situasi dan satu lagi dalam pelbagai situasi yang berbeza. Penukaran sering berlaku secara spontan dan bawah sedar semasa upacara atau fungsi agama. Sebaliknya, penukaran kod metafora yang berkaitan dengan perubahan dalam perbualan merujuk kepada kesan komunikatif yang dimaksudkan oleh penutur untuk disampaikan kepada pendengar.

Selepas pemerhatian dan menganalisis rakaman pita rakaman dalam ucapan bebas, mereka menyimpulkan bahawa penggunaan dialek tempatan dan bahasa standard di kampung itu ditentukan oleh latar belakang sosial penutur dan topik yang dibincangkan. Suatu perbezaan dicatat antara kajian yang disebutkan di atas dengan kajian ini.

Berdasarkan penyelidikan itu, Gumperz (1982) telah menjalankan satu lagi kajian penting mengenai fenomena penukaran kod. Berdasarkan analisis beliau terhadap beberapa ucapan komuniti, Gumperz mencadangkan senarai enam fungsi penukaran kod (seperti yang telah diterangkan sebelum ini) yang beliau percaya dapat “menerangkan situasi bahasa”, tetapi “tidak menyeluruh” (Gumperz, 1982: 50). Ini bermakna senarai itu boleh digunakan untuk semua komuniti dan boleh ditambah dengan sewajarnya.

Banyak komuniti dwibahasa telah menjadi tumpuan kajian berkenaan penukaran kod pada masa lalu di negara luar. Kajian mengenai penggunaan penukaran kod untuk mencapai fungsi tertentu seperti yang diperkenalkan oleh Gumperz hampir dua dekad lalu telah berkembang dalam kalangan pelajar sekolah “*interactional sociolinguists*” (Poplack, 1988). Sejak itu, fungsi perbualan yang telah dicadangkan oleh Gumperz telah menjadi asas untuk menganalisis fungsi sosiolinguistik penukaran kod dalam masyarakat.

Penukaran kod sebagai topik kajian telah dibincangkan dengan teliti dalam banyak komuniti dwibahasa. Banyak kajian tentang fenomena penukaran kod dilakukan dengan melihat dua aspek bahasa iaitu linguistik dan sosiolinguistik. Salah satu kajian lagi dilakukan oleh Koban (2013). Kajian beliau ini meneroka corak penukaran kod (PK) intra-ayat dan antara ayat yang ada dalam pertuturan dwibahasa Turki-Inggeris di Bandaraya New York, Amerika Syarikat (A.S.) dan menyiasat pengaruh kecekapan bahasa pada PK intra-sentential. Data tersebut dikumpul melalui tinjauan sosiolinguistik dan temu bual bersemuka yang dijalankan ke atas 20 orang penutur dwibahasa yang telah tinggal di A.S. selama sekurang-kurangnya 10 tahun. Keputusan menunjukkan bahawa PK intra-sentential berlaku pada kadar yang lebih tinggi daripada PK antara ayat dan penutur yang dominan dalam kedua-dua bahasa Turki dan Inggeris menggunakan lebih banyak penukaran kod intra-sentential daripada PK antara ayat.

Walau bagaimanapun, kajian penukaran kod dalam latar pendidikan masih agak baru terutamanya di negara ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih mendalam mengenai fenomena penukaran kod yang digunakan oleh pensyarah di dalam kelas Bahasa Arab di Malaysia.



### **2.3.3 Penukaran Kod dari Sudut Pendidikan**

Terdapat beberapa kajian penukaran kod yang dilakukan di dalam bilik darjah atau kelas di Malaysia. Walau bagaimanapun, banyak kajian dilakukan di luar Malaysia merangkumi pelbagai jenis persekitaran bahasa. Banyak kajian bukan sahaja memberi tumpuan kepada pola linguistik dan fungsi penukaran kod guru, tetapi mereka juga melihat pola penukaran kod guru dan pelajar di dalam kelas. Di samping itu, terdapat juga kajian yang mengkaji pandangan guru dan pelajar terhadap penukaran kod di dalam kelas.

#### **2.3.3.1 Kajian melibatkan bahasa Arab**

Di luar negara, kajian penukaran kod yang melibatkan bahasa Arab kelihatan semakin rancak dikaji yang mana bidang pendidikan juga tidak ketinggalan terkena tempiasnya. Penyelidikan Taha (2008) misalnya mengkaji penggunaan alternatif bahasa Arab dan bahasa Inggeris dalam konteks kelas di universiti. Ia menjurus kepada konteks peralihan fasa pelaksanaan dasar, terutamanya penggunaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris dalam kelas di universiti. Dalam kajian ini, analisis ke atas satu sampel rakaman kuliah universiti berbahasa Inggeris dan Arab dalam bidang sains dan kemanusiaan mendedahkan bahawa guru menggunakan penukaran kod secara sedar atau pun tidak sebagai sumber dan strategi pedagogi untuk mencapai pelbagai fungsi komunikasi, termasuk interaksi kelas yang berkesan, perubahan topik dan perpaduan di samping fungsi-fungsi lain.

Al-Naimat pula (2009) mengkaji alasan dan sikap para guru dan pelajar mengenai penggunaan penukaran kod dalam kelas bahasa Inggeris di sekolah menengah swasta di Jordan. Beliau telah membuat pemerhatian kelas, menemu bual guru dan mengedarkan soal selidik kepada pelajar. Hasilnya menunjukkan bahawa guru-guru *English as a Foreign Language* (EFL) berpindah kepada bahasa Arab kerana lebih mudah bagi mereka menerangkan idea dan makna. Walau bagaimanapun, sikap mereka terhadap penukaran

kod pelajar adalah negatif kerana ia mungkin mempengaruhi komunikasi lisan mereka dalam bahasa Inggeris.

Dalam mengkaji penggunaan bahasa pertama (B1) pelajar dalam dua kelas bahasa Arab dan dua kelas bahasa Ibrani, Inbar-Lourie (2010) menggunakan pemerhatian kelas, soal selidik diri untuk guru bertanya kepada mereka tentang persepsi dan sikap terhadap penggunaan B1 dalam kelas EFL serta temu bual dengan guru tentang soal selidik tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan B1 guru mempunyai ciri tersendiri. Sesetengah guru berasa tidak mengapa menggunakan B1 kerana mereka percaya ia adalah alat yang berkesan dalam mengajar bahasa asing. Guru-guru lain menolak pendapat ini. Sebagai contoh, salah seorang daripada mereka lebih suka mengupayakan pengetahuan linguistik pelajar yang terhad dalam bahasa Inggeris daripada kerap menggunakan B1.

Horasan (2014) pula menyiasat jumlah penukaran kod dari segi tahap ayat dan pola permulaan, fungsi wacana penukaran kod, dan persepsi penukar. Sehubungan itu, 43 pelajar di peringkat rendah dan empat pengajar mereka di dua bilik darjah EFL mengambil bahagian dalam kajian ini. Peserta ini dipilih melalui persampelan rawak. Data dikumpul melalui pemerhatian, soal selidik kepada pelajar dan guru, dan temu bual dengan sampel yang dipilih. Hasil analisis kuantitatif dan kualitatif bagi data triangulasi menunjukkan penggunaan penukaran kod pelajar agak tinggi. Penukaran kod guru adalah lebih tinggi daripada yang dijangkakan. Dari segi pola permulaan, penukaran kod yang dimulakan oleh pelajar adalah agak tinggi manakala dari segi tahap ayat, tahap antara ayat diperhatikan lebih sedikit daripada tahap intra-ayat. Analisis fungsi wacana mendedahkan bahawa kedua-dua pelajar dan guru menggunakan penukaran kod kebanyakannya untuk bahasa meta, iaitu fungsi yang digunakan untuk bercakap tentang tugas tatabahasa atau bahasa. Persepsi semua peserta mengenai penukaran kod bertindih kerana mereka

percaya bahawa ia adalah alat yang memupuk pembelajaran di peringkat pemula dan boleh digunakan untuk menarik perhatian atau untuk jenaka, namun harus dimansuhkan apabila tahap kecekapan meningkat.

Hadjeris (2015) pula mengkaji sikap guru dan pelajar EFL terhadap penukaran kod di Algeria. Beliau mengkaji fungsi fenomena tersebut melalui rakaman kelas dan mendapati bahawa ia mempunyai fungsi akademik dan sosial dalam interaksi kelas. Selain itu, soal selidik telah diedarkan kepada guru dan pelajar untuk mengetahui sikap mereka terhadap penukaran kod. Hasil kajian menyatakan bahawa majoriti guru tidak menerima penukaran kod bahasa Inggeris-Arab di dalam kelas mereka. Mereka percaya bahawa ia mungkin menjejaskan pemerolehan pelajar terhadap bahasa baru. Sebaliknya, pelajar lebih suka penggunaan penukaran kod di dalam kelas kerana mereka dapat memahami sesuatu dengan lebih baik.

Islam Youssef (2016) daripada *University College of Southeast Norway* pula membuat kajian berorientasikan data tentang penukaran kod dalam konteks dwibahasa Arab-Inggeris Cairene di bilik darjah universiti. Data dikumpul melalui pemerhatian dalam kelas terhadap profesor dwibahasa Mesir dalam program yang mana bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantar. Penukaran kod yang diperhatikan dikelompokkan ke dalam tipologi struktur berdasarkan sintaksnya dan ke dalam tipologi berfungsi berdasarkan aktiviti komunikatif yang mereka lakukan. Setiap kategori diberikan contoh, dan contoh tersebut dianalisis dari perspektif interaksi-sosiolinguistik. Beliau meraikan kedua-dua hipotesis yang mana aktiviti lisan tertentu dikaitkan dengan bahasa tertentu semasa penukaran, dan hipotesis bahawa tingkah laku penukaran kod itu sendiri merupakan isyarat kontekstual yang dikaitkan dengan aktiviti tertentu dan berpendapat bahawa sintesis kedua-duanya diperlukan. Pola, kecenderungan, dan sikap para peserta dibincangkan dengan teliti. Dengan menyediakan pengolahan yang teliti terhadap

penukaran kod, kajian ini mempromosikan idea bahawa ia adalah strategi linguistik semula jadi yang digunakan oleh penutur dwibahasa untuk memperkaya komunikasi mereka, tidak terkecuali dalam latar bilik darjah.

Bukan itu sahaja, Ghaleb Rabab'ah dan Noor F. Al-Yasin (2017) pula menjalankan kajian mengenai penukaran kod bahasa Inggeris- bahasa Arab dalam wacana guru EFL Jordan. Kajian beliau ini menggunakan kajian kes terhadap empat guru EFL berbahasa Arab di dua buah sekolah di Jordan, dan penukaran kod mereka antara bahasa pertama (B1) dan bahasa kedua (B2) sepanjang lapan kelas bahasa asing, yang mana bahasa Inggeris adalah B2 dan bahasa Arab adalah B1 pelajar. Kajian beliau menganalisis secara kuantitatif dan kualitatif jenis penukaran kod kepada B1 yang dibuat oleh guru wanita dalam kelas EFL iaitu sentential, intersentential, dan intrasentential. Kajian beliau ini juga menganalisis 106 jawapan guru wanita EFL terhadap soal selidik untuk mengetahui sebab penukaran kod kepada B1 dalam bilik darjah EFL mereka. Dapatan kajian mendedahkan bahawa guru kerap bertukar kepada B1 dalam kelas EFL mereka, dan penukaran mereka berbeza dari segi jenis bergantung pada tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar. Kajian itu juga mendedahkan bahawa guru bertukar dari B2 ke B1 bagi melaksanakan beberapa fungsi. Implikasi untuk pengajaran EFL turut diperoleh melalui kajian beliau ini.

Di Brunei, Nur Hayati (2019) telah mengkaji penukaran kod dalam kalangan mahasiswa yang bertutur dalam bahasa Arab di salah sebuah institusi pengajian di sana dengan mengkaji bahasa yang kerap mereka bertukar kepadanya semasa berkomunikasi dalam Bahasa Arab, setakat mana penggunaannya, faktor penggalaknya di samping mengetahui persepsi mahasiswa mengenai penukaran kod. Beliau telah menggunakan gabungan pendekatan kualitatif dan juga kuantitatif melalui kaedah kaji selidik, temu bual dan pemerhatian. Mahasiswa yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar

semasa pembelajaran dipilih sebagai sampel kajian ini dengan 288 sampel telah dianalisis dan dikaji menggunakan perisian *SPSS*. Bagi sesi temu bual, 31 orang mahasiswa dipilih secara rawak. Manakala pemerhatian dibuat dengan mendengar secara langsung cara mereka berkomunikasi dalam bahasa Arab. Hasil kajiannya menemukan bahawa majoriti mahasiswa beralih ke bahasa Melayu semasa bertutur dalam bahasa Arab. Kurangnya kebolehan bertutur dalam bahasa Arab menjadi penyebab sering terjadinya penukaran kod. Kebanyakan mahasiswa berpendapat penukaran kod adalah sesuatu yang positif dek kerana mampu menambah kefahaman di samping melancarkan komunikasi dengan orang lain.

Mohamed Amin Mekheimr (2022) daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Beni Suef pula membuat kajian bertajuk ‘Peranan penukaran kod dalam membentuk sikap dan motivasi pelajar kolej EFL terhadap pembelajaran EFL’. Kajian beliau ini membincangkan penukaran kod sebagai perspektif teori yang berkaitan dengan dwibahasa dan multibahasa dan dari perspektif amalan pedagogi. Oleh itu, kajian beliau ini mencari secara teori dan seperti yang diunjurkan dalam penemuan penyelidikan terdahulu untuk mengenal pasti fungsi penukaran kod guru EFL dalam bilik darjah EFL. Ia bertujuan untuk mengenal pasti sebab yang mendorong pelajar EFL untuk kembali kepada penukaran kod dalam bilik darjah EFL. Di samping itu, beliau meneroka peranan penukaran kod dalam bilik darjah kolej EFL dan penggunaan sebenar guru terhadap amalan sosiolinguistik ini. Tambahan pula, kajian beliau ini melihat sikap pelajar EFL terhadap penggunaan penukaran kod dari sudut sosiolinguistik serta meneroka motivasi mereka untuk belajar apabila penukaran kod digunakan. Kajian beliau ini turut bertujuan untuk mengenal pasti implikasi sosiolinguistik dan pedagogi menggunakan penukaran kod, kedua-duanya ada yang negatif dan ada yang positif dalam latar pembelajaran kolej EFL. Implikasi terhadap pembelajaran dan pengajaran bahasa asing dikemukakan pada akhir kajian beliau.

Pada tahun 2023, sekali lagi beliau melakukan kajian yang bertujuan untuk introspeksi yang mana menganalisis persepsi dan perspektif pelajar kolej EFL terhadap pengaruh penukaran kod dalam meningkatkan sikap dan motivasi mereka untuk belajar bahasa Inggeris. Kajian beliau ini bertujuan untuk mengenal pasti fungsi sosiolinguistik penukaran kod dalam bilik darjah EFL dan korelasi antara penukaran kod dan sikap pelajar terhadap motivasi untuk belajar bahasa Inggeris dalam persekitaran kolej. Ia seterusnya berusaha untuk menyiasat perbezaan jika ada dalam motivasi dan sikap pelajar lelaki dan perempuan yang mungkin disebabkan oleh amalan penukaran kod di dalam bilik darjah. Oleh itu, perspektif dan introspeksi pelajar terhadap peranan dan kesan penukaran kod terhadap pembelajaran bahasa mereka telah diteliti melalui analisis data kuantitatif dan kualitatif. Menggunakan kaedah campuran dalam pengumpulan dan analisis data kajian beliau, sampel daripada 204 orang pelajar EFL (N = 123 perempuan dan 81 lelaki) terlibat dalam kajian beliau ini. *Gardner's Attitude / Motivation Test Battery (AMI)* telah disesuaikan untuk digunakan dalam mengumpul data yang boleh dianalisis secara kuantitatif. Temu bual separa berstruktur digunakan dalam kajian untuk mengintrospeksi pelajar tentang sikap mereka terhadap pembelajaran bahasa Inggeris dan motivasi mereka dipengaruhi oleh penukaran kod. Keputusan menunjukkan tiada perbezaan ketara secara statistik yang dikaitkan dengan perbezaan jantina hasil daripada mengamalkan penukaran kod dari segi sikap dan motivasi mereka. Tambahan pula, sikap dan motivasi pelajar dikaitkan dengan penukaran kod secara positif. Dalam kajiannya, introspeksi pelajar mengesahkan dan menyokong keputusan daripada analisis kuantitatif, menyimpulkan bahawa kebanyakan peserta mempunyai persepsi positif tentang fungsi penukaran kod dalam pembelajaran mereka.

Melalui kajian-kajian yang telah disebutkan di atas, pengkaji mengambil faedah daripada kajian mereka dengan memberi fokus kepada fungsi dan sebab penukaran kod para pensyarah dalam kajian ini melalui rakaman audio pengajaran dan temubual dengan

mereka. Di samping itu, untuk mengetahui persepsi guru pelatih pula dibuat melalui tinjauan soal selidik kepada mereka berkenaan fenomena ini.

### **2.3.3.2 Kajian bukan melibatkan bahasa Arab**

Dalam kajian ini, penyelidik sekadar membawakan beberapa contoh kajian penukaran kod yang bukan melibatkan bahasa Arab memandangkan kajian penukaran kod antara bahasa Arab-Melayu masih belum ditemui di negara ini.

Di Malaysia misalnya, Tam (1992) yang mengkaji pilihan bahasa guru dalam dua kelas cuba menyiasat sebab-sebab guru terlibat dalam penukaran kod dalam bilik darjah ESL. Perbandingan dibuat terhadap pola linguistik guru menukar kod di dalam dua kelas. Hasilnya menunjukkan bahawa penukaran kod guru adalah bermakna dan tidak hanya berlaku secara rawak. Data juga menunjukkan bahawa guru mempunyai kecenderungan untuk menukar kod dengan lebih kerap di kelas yang rendah tahap kemahiran bahasa Inggerisnya. Oleh itu, Tam menyimpulkan bahawa tahap kecekapan pelajar adalah salah satu faktor penentu bagi para guru untuk menukar kod.

Paramasivam pula (2010) menjalankan kajian tentang pola-pola penukaran kod antara pelajar sekolah menengah. Beliau melakukan kajian ini dengan menganalisis wacana kelas dan soal selidik yang diedarkan kepada 20 orang pelajar yang dipilih dari empat buah sekolah menengah yang terletak di Lembah Klang. Sama seperti kajian ini, beliau mengambil asas kepada model *Matrix Language Frame* oleh Scotton (2001) dalam menganalisis pola penukaran kod pelajar. Walau bagaimanapun, beliau menyifatkan polanya dengan melihat bahasa matriks dan bahasa pancangan yang digunakan oleh pelajar kerana beliau membandingkan wacana pelbagai kumpulan etnik. Hasilnya menunjukkan bahawa sampel pelbagai etnik menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa matriks mereka bersama bahasa Inggeris. Sebaliknya, apabila kumpulan etnik

yang sama bercakap, bahasa ibunda akan menjadi bahasa dominan mereka dengan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu sebagai bahasa pancangan.

Di samping itu, terdapat kajian penukaran kod antara bahasa Inggeris dan Melayu seperti kajian Ernie (2011) terhadap seorang guru yang mengajar Bahasa Inggeris ke atas sekumpulan murid Tingkatan 4. Pola linguistik dan fungsi penukaran kod guru tersebut dianalisis di samping mengkaji persepsi pelajar terhadap penukaran kod guru mereka. Dapatan menunjukkan bahawa guru menukar kod semasa pengajaran bahasa sasaran dan penukaran kod guru berfungsi dengan pelbagai fungsi penting iaitu bagi tujuan pedagogi dan sosial. Pelajar juga didapati mempunyai pandangan yang positif terhadap penukaran kod guru mereka.

Peranan penukaran kod sebagai alat komunikatif dalam bilik darjah pendidikan guru *English as a Second Language (ESL)* turut dikaji oleh Nik Mastura Nik Ismail (2013). Penyelidikan beliau ini bertujuan untuk menyiasat bagaimana penukaran kod berfungsi sebagai alat komunikatif dalam kelas pendidikan guru Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Tinjauan, pemerhatian dan temu bual telah dijalankan untuk mendapatkan data yang berkaitan yang mana data kualitatif dikumpul menggunakan kerangka pemerhatian. Dapatan kajian mendedahkan bahawa tiga jenis penukaran kod yang dikenali sebagai penukaran tag, penukaran antara ayat dan penukaran intra ayat adalah diutamakan dalam komunikasi bilik darjah antara pelajar dan antara pelajar dengan pengajar. Kajian beliau ini juga dapat mengesahkan beberapa sebab sistematik dan ramalan untuk penukaran kod di dalam bilik darjah. Kajian juga mendapati bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi yang dominan manakala penukaran kod digunakan untuk menyampaikan idea dalam situasi tertentu dan untuk meningkatkan perpaduan dalam bahasa pertama.



Di luar lingkungan Malaysia, penukaran kod dalam konteks kelas sudah pastinya telah menarik perhatian para penyelidik di sana bahkan merekalah yang lebih rancak mengkajinya terlebih dahulu. Beberapa penyelidik mengkaji fenomena ini untuk melihat mengapa guru bertukar kod dan meneroka fungsi-fungsi penukaran tersebut. Sebagai contoh, Adendorff (1993) telah mengkaji penukaran kod Zulu-bahasa Inggeris yang dibuat oleh guru Bahasa Inggeris di KwaZulu. Penyelidik telah memerhatikan interaksi kelas antara pelajar Bahasa Inggeris dan guru mereka. Hasil kajian telah mendedahkan bagaimana penukaran kod boleh menjadi alat akademik dalam pengajaran bahasa. Selain itu, penukaran kod mungkin menjadi alat untuk bersosial dengan pelajar.

Antara lain yang telah mengkaji penukaran kod di dalam bilik darjah Bahasa Inggeris adalah Cath dan McLellan (1993) yang mengkaji pola interaksi kelas dalam kelas di Brunei. Cath dan McLellan mendapati bahawa penukaran kod guru bertindak sebagai salah satu strategi untuk memastikan pemahaman murid dan mengurangkan salah faham komunikasi antara guru dan pelajar.

Terdapat juga kajian oleh Eldridge (1996) yang mengkaji penukaran kod di sekolah menengah di Turki. Menurut beliau, guru bahasa Inggeris yang mengajar dalam persekitaran ekabahasa telah sekian lama mengambil berat tentang mengurangkan atau bahkan memansuhkan penggunaan bahasa ibunda pelajar dalam kelas bahasa. Sebab ini mungkin bagi memaksimumkan jumlah masa yang diperuntukkan menggunakan bahasa sasaran, dan dengan itu meningkatkan kecekapan pembelajaran. Kajian beliau ini menerangkan dan menganalisis penukaran kod pelajar muda di sebuah sekolah menengah di Turki. Kajian beliau menunjukkan bahawa tiada bukti empirikal bagi menyokong tanggapan bahawa menyekat penggunaan bahasa ibunda semestinya akan meningkatkan kecekapan pembelajaran. Menurut beliau, majoriti penukaran kod dalam bilik darjah adalah sangat berguna dan berkaitan dengan matlamat pedagogi. Menurutnya lagi, isu

tentang cara kita menyifatkan penukaran bahasa di dalam bilik darjah adalah kepentingan metodologi utama dan ia akan dipertikaikan yang mana mempunyai implikasi yang besar untuk diamalkan guru bahasa.

Kajian Rollnick dan Rutherford (1996) dalam kelas Sains pula mendapati penggunaan bahasa utama pelajar menjadi satu cara yang mujarab bagi mereka untuk meneroka idea. Kesedaran untuk bertukar kod melangkaui pertukaran antara bahasa. Para penyelidik melihat penggunaan penukaran kod di dalam bilik darjah sebagai satu "strategi yang sah" (Cook, 2001:105) walaupun ia mungkin mengganggu semasa perbualan kepada pendengar, ia masih menyediakan peluang untuk pembangunan bahasa (Skiba, 1997).

Cook (2001) merujuk kepada penukaran kod di dalam bilik darjah sebagai tindak balas semula jadi dalam situasi dwibahasa. Tambahan pula, dalam kajian yang sama Cook memandang keupayaan untuk pergi dari satu bahasa ke bahasa lain sangat diinginkan oleh pelajar. Selain itu, dalam memaparkan refleksi guru tentang pengajaran kelas mereka, Probyn (2001) berpendapat bahawa penukaran kod adalah strategi yang paling ketara yang digunakan oleh guru untuk mencapai beberapa matlamat komunikasi dan meta linguistik.

Terdapat kajian yang dilakukan oleh Ferguson (2003) yang mengkaji penukaran kod bilik darjah dalam konteks pasca kolonial yang melihat kepada fungsi, sikap dan dasar. Penukaran kod dalam bilik darjah merentasi pelbagai mata pelajaran kurikulum merupakan fenomena yang meluas dalam latar hubungan berbilang bahasa, bahasa di Afrika dan sememangnya di seluruh dunia; namun ia tidak jarang dipandang buruk oleh penggubal dasar pendidikan. Kajian beliau ini mengkaji literatur tentang fungsi penukaran kod bilik darjah dalam konteks pasca kolonial, mengulas tentang merit dan batasan penyelidikan terkini. Ia juga mengkaji beberapa konsep bahasa yang mendasari sikap rasmi dan awam. Akhir sekali, sebagaimana yang sesuai dengan penyelidikan yang

mengkaji penukaran kod bilik darjah dari perspektif perancangan bahasa yang agak luar biasa dalam pendidikan, kajian beliau ini menilai beberapa cadangan dasar yang menangani isu bagaimana penukaran kod mungkin dieksploitasi dengan lebih berkesan sebagai sumber komunikatif dan pedagogi dalam pengajaran. Keseluruhan kajian beliau ini dibina untuk memaklumkan sikap, amalan dan dasar penggubal dasar, pendidik guru dan guru.

Selain itu, dalam meneliti penggunaan bahasa pertama guru dalam bahasa asing, Kim dan Elder (2005) menjalankan kajian mengenai penukaran kod yang dibuat oleh guru-guru penutur jati berbangsa Jepun, Korea, Jerman dan Perancis dalam kelas bahasa asing di New Zealand. Selepas merakam tiga pengajaran untuk setiap guru, para penyelidik hanya memilih pengajaran yang paling interaktif oleh setiap guru. Hasilnya menyokong kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa guru yang mengajar bahasa asing cenderung beralih ke bahasa pertama pelajar lebih kerap daripada bahasa sasaran untuk fungsi dan tujuan pedagogi. Para penyelidik membuat kesimpulan bahawa walaupun tahap kecekapan bahasa sasaran guru adalah tinggi, mereka beralih kepada bahasa pertama pelajar secara kerap, dan ini mempengaruhi potensi mereka untuk komunikasi yang bermakna dalam bahasa sasaran.

Eda Üstünel dan Paul Seedhouse (2005) seterusnya menggambarkan hubungan antara fokus pedagogi dan pilihan bahasa dalam persekitaran pengajaran/pembelajaran bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing (EFL) di universiti Turki. Kajian mereka ini membentangkan organisasi penukaran kod yang dimulakan oleh guru dan 'didorong oleh guru'. Data dikumpul daripada enam bilik darjah Bahasa Inggeris peringkat pemula. Transkrip pelajaran telah diperiksa menggunakan kaedah analisis perbualan (*conversation analysis -CA*) analisis berurutan berhubung dengan fokus pedagogi dengan menggunakan versi penyesuaian soalan CA klasik untuk interaksi yang melibatkan

penukaran kod: "mengapa begitu, dalam bahasa itu, sekarang ?" Kajian menunjukkan bahawa penukaran kod dalam bilik darjah B2 adalah teratur dan berkaitan dengan evolusi fokus dan urutan pedagogi. Melalui pilihan bahasa mereka, pelajar boleh memaparkan penajajaran atau ketidakselarasan mereka dengan fokus pedagogi guru.

Di samping itu, S. Rose dan O. Van Dulm (2006) memfokuskan kepada fungsi penukaran kod antara bahasa Inggeris dan bahasa Afrika dalam interaksi bilik darjah sebuah sekolah menengah di Western Cape. Data yang terdiri daripada rakaman audio interaksi bilik darjah dianalisis dalam kerangka Model Penandaan Myers-Scotton (1993a), berdasarkan empat jenis penukaran kod, iaitu bertanda, tidak bertanda, tidak bertanda berurutan, dan penukaran kod penerokaan. Dalam setiap jenis penukaran kod ini, beberapa fungsi khusus penukaran kod dalam bilik darjah yang diperhatikan dikenal pasti, seperti pengembangan, penjelasan dan penandaan identiti. Kajian beliau ini menyimpulkan bahawa Model Penandaan menawarkan rangka kerja yang berguna untuk menganalisis jenis penukaran kod dan ia mempunyai peranan fungsi khusus untuk dimainkan dalam bilik darjah berbilang budaya dan berbilang bahasa.

Dalam komuniti dwibahasa, seseorang sering bertukar dari satu bahasa ke bahasa lain dalam perbualan harian mereka dan penggunaan penukaran kod selalunya mencerminkan identiti sosial atau budaya penutur tersebut. Peralihan kepada bahasa tertentu dalam wacana dwibahasa juga boleh digunakan sebagai alat yang berkesan untuk memberi isyarat identiti etnik. Kajian Sun-Young Shin (2010) bertujuan untuk meneroka fungsi penukaran kod di *Korean Sunday School* melalui data analisis penukaran kod. Beliau mengenal pasti penukaran kod berkaitan situasi dengan meneliti perbualan peserta dan situasi tertentu yang mendorong penggunaan bahasa Korea. Beliau juga menunjukkan cara bahasa Korea digunakan dalam tindakan perbualan tertentu. Contohnya dalam arahan, untuk memohon angka kuasa dan cara bahasa Korea juga boleh

digunakan untuk mengelak daripada mengatakan perkara yang mungkin boleh menyinggung perasaan. Beliau berpendapat bahawa penggunaan bahasa Korea dalam wacana dwibahasa boleh menjadi indeks identiti etnik Korea dengan membangkitkan ideologi sosial tradisional status relatif dan meningkatkan perpaduan.

Pada tahun yang sama, Moore (2010) pula mengkaji mengenai isu penukaran kod dalam bilik darjah dan menganalisis peranan serta fungsi bahasa pertama (B1) dalam kelas bahasa kedua (B2). Menurut beliau, pemerhatian terhadap penukaran kod intra-sentential menunjukkan pembelajaran yang kompleks dan merupakan strategi komunikatif. Beliau turut menekankan keperluan untuk lebih memahami perkara ini.

Tidak jarang mendengar penutur dwibahasa mencampurkan dua bahasa apabila bercakap dalam situasi yang berbeza. Menurut Gulzar (2010), dalam bilik darjah berbilang bahasa seperti bilik darjah Pakistan di mana kebanyakan individu mempunyai pengetahuan tentang dua atau lebih bahasa, fenomena linguistik menggabungkan bahasa adalah perkara biasa. Guru melakukan penukaran kod semasa mengajar bahasa Inggeris di dalam bilik darjah dan sebab penukaran bahasa ini mungkin kerana bahasa Inggeris diajar sebagai mata pelajaran utama/wajib di Pakistan dan digunakan sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah dan kolej. Di sebalik kepentingan fenomena tersebut, sebab-sebab penukaran kod guru dalam wacana bilik darjah dwibahasa tidak dikaji di Pakistan walaupun penyelidikan mengenai isu yang sama telah dijalankan di negara maju dalam konteks yang agak berbeza daripada yang wujud dalam bilik darjah Pakistan. Tujuan utama kajian beliau ini adalah untuk mengenal pasti kepentingan setiap fungsi penukaran kod dengan bertanya kepada guru mengapa mereka menukar kod dan apakah fungsi pedagogi khusus yang digunakan oleh penukaran kod di dalam bilik darjah. Kajian kuantitatif berdasarkan data tinjauan telah dijalankan untuk memastikan kesedaran guru tentang fungsi penukaran kod di peringkat makro. Selain itu, soal selidik yang digunakan

dalam kajian beliau ini direka bentuk mengikut objektif kajian. Menurutnya, walaupun kajian ini bersifat awal, ia cuba menyerlahkan dan menerangkan beberapa fungsi penukaran kod dalam bilik darjah bahasa asing. Ringkasnya, kajian beliau ini telah membuat percubaan untuk memahami dengan lebih baik tentang trend penukaran kod dalam bilik darjah EFL Pakistan.

Berdasarkan penyelidikan dan amalan terdahulu, Liu Jingxia (2010) pula menjalankan penyiasatan di tiga buah universiti di China untuk mengetahui situasi umum penukaran kepada bahasa Cina dan percubaan untuk menguji peranan positif penggunaan bahasa Cina dalam bilik darjah EFL universiti China. Kajian kes beliau ini memberi tumpuan kepada mendedahkan sikap guru dan pelajar terhadap pola, fungsi, faktor dan pengaruh penukaran kepada bahasa Cina dalam bilik darjah EFL universiti China. Kajian ini mengintegrasikan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif bagi menganalisis penukaran kod guru kepada bahasa Cina melalui soal selidik guru dan pelajar serta rakaman bilik darjah. Berdasarkan analisis data, kajian beliau merumuskan bahawa penukaran kepada B1 adalah lazim di bilik darjah EFL di beberapa universiti China dan ia memainkan peranan positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.

Sementara itu, Iliana Reyes (2010) pula mengkaji pola atau corak penukaran kod dalam pertuturan kanak-kanak imigran berbahasa Sepanyol. Kanak-kanak lelaki dan perempuan berumur 7 dan 10 tahun dari bilik darjah dwibahasa masing-masing dipasangkan dengan rakan yang dipilih bersama, dan pertuturan mereka dikumpulkan dalam dua konteks: sementara kanak-kanak menunggu percubaan sains yang dijangkakan dan apabila mereka bekerja bersama untuk mengikuti arahan lembaran kerja tentang bahan magnet secara langsung. Kajian ini membentangkan data tentang ciri-ciri wacana penukaran kod kanak-kanak, dan fungsi bahasa Sepanyol dan Inggeris mengikut konteks.

Di samping itu, data diterangkan berkaitan dengan kecekapan dan keutamaan bahasa kanak-kanak. Kajian mendapati penukaran kod berlaku di dalam dan di seberang. Penukaran kanak-kanak yang lebih tua adalah lebih kerap dan digunakan untuk pelbagai fungsi yang lebih luas daripada kanak-kanak yang lebih muda. Hasilnya mencabar pandangan negatif bahawa penukaran kod oleh kanak-kanak yang belajar dua bahasa adalah disebabkan oleh kekurangan kecekapan, dan sebaliknya menyokong pandangan bahawa ia digunakan sebagai strategi untuk memperluaskan kecekapan komunikatif mereka semasa interaksi rakan sebaya.

Abdullah A. Alenezi (2010) turut membuat kajian pemerolehan yang menyiasat sikap bahasa pelajar terhadap bahasa Arab dan penukaran kod Inggeris sebagai bahasa pengantar semasa kelas sains Pembangunan Manusia untuk Terapi Pekerjaan di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu di Universiti Kuwait. Ia juga meneroka kesan sikap bahasa tersebut terhadap prestasi akademik pelajar. Kedua-dua pendekatan penyelidikan kuantitatif (soal selidik) dan kualitatif (soalan terbuka) digunakan untuk mengumpul data. Data yang dikumpul kemudiannya dianalisis untuk mengukur perbezaan dalam sikap bahasa pelajar terhadap setiap bahasa yang diajar, dan kesan daripada sikap sedemikian terhadap pembelajaran subjek sains di peringkat kolej.

Penukaran kod biasanya dilihat dengan rasa sangsi dalam kelas EFL menurut Mingfa Yao (2011). Kajian beliau ini menyiasat dan menunjukkan sikap guru dan pelajar terhadap penukaran kod (PK) yang digunakan oleh guru dalam kelas EFL di China. Soal selidik empat bahagian yang mengandungi 20 item telah dibangunkan dan diedarkan kepada pelajar dan guru. Data daripada soal selidik telah diadunikan. Kekekapan dan peratusan dijalankan dengan menggunakan program SPSS. Keputusan menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pendapat yang sama dengan guru dalam kebanyakan item soalan. Konsistensi ini menunjukkan bahawa guru dan pelajar mempunyai sikap positif

yang sama terhadap penukaran kod guru dalam bilik darjah EFL. Walau bagaimanapun terdapat beberapa percanggahan sikap antara kedua-dua sampel dalam beberapa item soalan. Percanggahan ini mencadangkan bahawa penggunaan penukaran kod dalam bilik darjah EFL harus disesuaikan dengan pengajaran praktikal.

Mohammad Momenian (2011) mengkaji fungsi dan pola atau corak penukaran kod guru tingkatan dan rendah serta pelajar dalam bilik darjah Bahasa Inggeris Iran. Konsep ini menurut beliau belum dikaji secukupnya dalam konteks bilik darjah B2 (bahasa kedua) berbanding konteks semula jadi luar. Oleh itu, selain melaporkan dapatan kajian, penyelidikan ini berhujah untuk membawa penggunaan penukaran kod B1 (bahasa pertama) secara lebih sempit ke dalam bilik darjah dan membebaskan kedua-dua guru dan pelajar daripada belenggu pendekatan pengajaran tradisional yang sangat menentang proses penukaran kod dan menganggapnya sebagai tingkah laku yang melemahkan dalam bilik darjah. Untuk tujuan kajiannya, 60 pelajar Iran dan 30 guru Iran telah dipilih untuk menghasilkan data kajian beliau yang dicari melalui dua set soal selidik, satu untuk guru dan satu lagi untuk pelajar. Setiap peserta diberi soal selidik dan sedikit masa untuk mengisinya berdasarkan apa yang mereka ingat dari kelas mereka. Dapatan menunjukkan bahawa guru dan pelajar rendah, bagi kebanyakan fungsi, menduduki tempat yang lebih tinggi daripada rakan sejawat mereka yang lebih maju, yang masih menunjukkan amalan kaedah tradisional di dalam bilik darjah. Sebab-sebab mengapa ia terjadi begitu dijelaskan secara terperinci, dan implikasi pedagogi juga diteliti dengan sewajarnya.

Selain itu, Dawid Uys dan Ondene van Dulm (2011) melaporkan penemuan kajian mereka yang dijalankan di empat buah sekolah menengah di Daerah Siyanda di wilayah Northern Cape di Afrika Selatan, dengan tujuan untuk mengenal pasti fungsi penukaran kod dalam interaksi bilik darjah. Penukaran kod dalam bilik darjah ini melibatkan bahasa Inggeris, Afrikaans, Setswana dan isiXhosa, dan bertentangan dengan dasar bahasa rasmi



sekolah dalam kebanyakan kes. Contoh-contoh penukaran kod dikategorikan mengikut model penandaan (markedness model) Myers-Scotton (1993, 1998), dan fungsi penukaran dikenal pasti. Pertukaran kod didapati memenuhi kedua-dua fungsi akademik dan sosial. Secara khusus, penukaran kod digunakan dalam menerangkan dan menjelaskan kandungan subjek; membantu pelajar dalam memahami dan mentafsir bahan; sebagai alat pengajaran dalam mengesahkan pemahaman dan menggalakkan penyertaan; pengurusan bilik darjah seperti mengekalkan perhatian pelajar dan menegur tingkah laku yang mengganggu; dan untuk fungsi sosial, seperti jenaka dan sebagai penanda identiti dwibahasa. Kajian mereka ini menyimpulkan bahawa penukaran kod boleh digunakan sebagai strategi dalam bilik darjah.

Diterima sebagai strategi penutur dalam komuniti dwibahasa, penukaran kod dalam tetapan pembelajaran bahasa asing masih menjadi perkara yang dipertikaikan. Walau bagaimanapun, potensinya telah ditekankan dalam kajian terkini. Kajian berskala kecil oleh Stefan Rathert (2012) ini mengkaji kejadian penukaran kod guru dan pelajar dalam pelajaran EFL di universiti Turki. Kejadian penukaran kod telah ditranskripsi dan ekstrak sampel dianalisis melalui analisis perbualan. Keputusan menunjukkan bahawa guru dan pelajar menggunakan penukaran kod untuk menjana akses kepada bahasa atau sebagai alat dalam pengurusan bilik darjah. Kajian beliau ini juga mendedahkan bahawa penukaran kod boleh menjadi strategi pelajar untuk mengelakkan B2 apabila kandungan pelajaran kurang relevan kepada pelajar. Dalam kes sedemikian, penukaran kod tidak dapat memenuhi potensinya sebagai alat dalam strategi wacana, dan pembelajaran bahasa tidak mungkin dipermudahkan.

Menggunakan pendekatan analisis perbualan untuk penukaran kod (PK; Auer, 1984, 1998), kajian Tsui-Ping Cheng (2013) pula mengkaji hubungan antara orientasi peserta terhadap dua interaksi dalam kelas dan amalan penukaran kod mereka dalam kelas

bahasa Cina sebagai bahasa asing. Secara khusus, analisis memfokuskan pada orientasi penumpuan dan mencapah seorang guru dan seorang pelajar fokus terhadap dua jenis interaksi bilik darjah yang berbeza iaitu perbualan penilaian dan aktiviti pembelajaran bahasa yang diajar. Apabila ketidakpadanan dalam orientasi mereka berlaku, guru dan pelajar menggunakan penukaran kod sebagai sumber interaksi untuk mencapai matlamat pedagogi yang sama. Oleh itu penukaran kod ditunjukkan sebagai amalan interaksi konstitutif yang mana guru dan pelajar mencapai pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Selain itu, pemerhatian dekat interaksi guru-pelajar dalam kajian beliau ini menggalakkan profesional pengajaran bahasa dan penyelidik bilik darjah untuk mempertimbangkan bagaimana penukaran kod mengindeks pemahaman pelajar tentang fokus pedagogi dalam aktiviti bilik darjah yang berbeza serta bagaimana penggunaan strategiknya mungkin memupuk pembelajaran bahasa.

Penyelidik turut menemui satu kajian yang dilakukan di salah sebuah universiti di New Zealand oleh Selamat (2014) yang telah mengkaji persepsi dan kepercayaan para guru dan pelajar mengenai amalan penukaran kod, peranan dan fungsinya di kelas *ESL* Malaysia. Analisis data pemerhatian kelas menunjukkan bahawa penukaran kod digunakan oleh guru dan pelajar untuk melaksanakan pelbagai fungsi. Telah diperhatikan bahawa penukaran kod oleh guru digunakan terutamanya untuk memudahkan pemahaman dan pengetahuan pelajar tentang tatabahasa bahasa sasaran di samping untuk mengurangkan ketakutan pelajar semasa pembelajaran. Pelajar sebaliknya menggunakan penukaran kod sebagai strategi pembelajaran untuk mengimbangi kecekapan mereka yang terhad dalam bahasa sasaran.

Objektif kajian Martin Kustati (2014) pula adalah untuk menentukan jenis percampuran kod dan penukaran kod yang dibuat oleh guru dan pelajar dalam kelas komunikasi silang budaya EFL. Selain itu, ia dijalankan untuk mengenal pasti sebab

kemunculan penukaran kod dan percampuran dalam bilik darjah. Data diperolehi melalui pemerhatian dan temu bual mendalam terhadap pelajar tahun dua program sarjana muda Bahasa Inggeris di Fakulti Tarbiyah, IAIN IB Padang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penukaran tag, intra-sentential, inter-sentential, dan intra-perkataan lazimnya digunakan oleh guru dan pelajar EFL di dalam bilik darjah. Didapati juga guru menggunakan percampuran kod dan penukaran dalam proses menjelaskan isu-isu tertentu untuk menjadikannya lebih mudah difahami oleh pelajar. Guru juga melakukan penukaran seperti ini semasa percubaan mereka untuk merapatkan hubungan dengan pelajar, menukar topik, dan untuk memujuk atau memotivasikan pelajar untuk lebih terlibat dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Sementara itu, pelajar bergaul dan menukar bahasa mereka untuk mengatasi kekurangan pengetahuan bahasa Inggeris mereka. Kajian beliau ini dijangka memberikan bukti empirikal untuk menasihati penggunaan optimum mereka dalam pengajaran EFL di Institut Pengajian Islam Negeri.

Khonakdar dan Rokni (2015) menyatakan kajian mereka merupakan percubaan untuk menyiasat sebab guru EFL Iran melakukan penukaran kod dalam kelas EFL Iran melibatkan enam puluh orang guru Iran yang mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa asing. Artikel mereka ini walaupun bersifat awal, cuba menyerlahkan dan menerangkan beberapa fungsi penukaran kod dalam bilik darjah bahasa asing. Ringkasnya, kajian mereka ini telah dibuat untuk menyiasat trend penukaran kod dalam bilik darjah EFL Iran. Satu soal selidik telah diadaptasi daripada Gulzar (2010) bagi mengetahui sebab dan fungsi ke arah penukaran kod dalam kelas EFL. Sembilan fungsi terpenting ke arah penukaran kod telah diminta daripada guru untuk menyatakan fungsi mereka berdasarkan skala Likert. Keputusan menunjukkan bahawa guru mempunyai sebab dan fungsi yang berbeza untuk penukaran kod dalam kelas EFL. Sebab mengapa penukaran kod digunakan bergantung kepada sebab yang berbeza seperti masa, sukatan pelajaran, dan subjek dan sebagainya.

Dalam meneroka kesan penukaran kod ke arah meningkatkan pemahaman pelajar bahasa Inggeris, Simasiku et al. (2015) memilih dua belas guru dari Caprivi untuk mencapai objektif kajian. Penemuan menunjukkan bahawa guru mempunyai sikap positif terhadap penukaran kod dalam interaksi kelas kerana ia mencapai kemajuan pembelajaran dalam Bahasa Inggeris. Pelajar dapat menjawab soalan dengan lebih baik dan akan merasa lebih terlibat dalam interaksi kelas kerana mereka lebih dapat memahami guru tersebut.

Fungsi penukaran kod dalam bilik darjah ESL Universiti Sindh turut dikaji oleh Nazish Memon (2016). Menurutnya, dalam bilik darjah bahasa Inggeris, kedua-dua guru dan pelajar kelihatan tidak pasti tentang penggunaan B1 dalam kelas. Selain itu, tiada dasar yang dimaklumkan kepada guru dan pelajar Universiti Sindh mengenai penukaran kod. Kajian beliau ini bertujuan untuk menyiasat pola dan fungsi penukaran kod dalam bilik darjah bahasa Inggeris. Konteks kajian adalah Universiti Sindh, Jamshoro. Data dikumpul melalui pemerhatian bilik darjah dan temu bual separa berstruktur. Penukaran kod guru dan pelajar dianalisis secara tematik yang mana mendapati bahawa penukaran kod dilakukan bagi tujuan yang berbeza termasuk terjemahan, pengulangan, penjelasan arahan, dan pergaulan. Kajian juga mendapati bahawa bagi guru, tiada polisi yang dimaklumkan kepada mereka untuk menggunakan penukaran kod di dalam kelas mereka.

Penyelidikan Eva Fachriyah (2017) pula bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam dan mengetahui penggunaan penukaran kod yang telah dilakukan oleh pelajar dan pensyarah dalam interaksi semasa pengajaran pembelajaran kelas Bahasa Inggeris. Secara khusus atau sebagai sub fokus dalam penelitian beliau ini bertujuan untuk mengetahui fungsi penggunaan alih kod yang digunakan oleh kedua-dua penutur dan pendengar yang mana dalam hal ini interaksi antara pensyarah dan pelajar ketika pembelajaran berlangsung. Penyelidikan ini dijalankan di kampus Institut Islam

Negeri Sultan Maulana Hasanuddin Banten di Fakulti Pendidikan dan Perguruan Bahasa Inggeris pada semester ketiga. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah etnografi komunikasi. Teknik dan prosedur pengumpulan data digunakan seperti pemerhatian, rakaman dan transkrip, dan temu bual. Berdasarkan analisis data, penggunaan penukaran kod dalam bilik darjah Bahasa Inggeris telah mendapat hasil untuk fungsi penukaran kod dalam interaksi apabila pembelajaran berlaku.

Lynn E. Grant dan Thi Hang Nguyen (2017) seterusnya mengkaji fenomena yang kurang diterokai dalam penukaran kod latar tertuari Vietnam yang diamalkan oleh guru EFL (Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing) dalam pengajaran bilik darjah di samping kesedaran mereka tentang amalan ini. Antara bahasa asing yang diajar dan dipelajari di universiti Vietnam, bahasa Inggeris adalah yang paling popular. Reka bentuk penyelidikan beliau melibatkan analisis dipacu data terhadap tingkah laku penukaran kod 12 orang guru dalam bilik darjah EFL daripada empat sumber maklumat utama yang berbeza iaitu pemerhatian bilik darjah, rakaman kelas, temu bual dengan guru yang diperhatikan, dan nota lapangan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru sangat biasa mengamalkan penukaran kod dalam pengajaran bahasa Inggeris mereka iaitu bagi tujuan pedagogi dan afektif. Penukaran kod apabila dilakukan secara sengaja dan terpilih, boleh menjadi strategi positif untuk digunakan dalam bilik darjah EFL, tetapi tidak jika dilakukan secara lazim dan automatik menurut beliau. Memandangkan penukaran kod adalah kejadian semula jadi dalam kalangan penutur dwibahasa, program latihan guru mungkin perlu memasukkan penukaran kod sebagai strategi pengajaran yang disengajakan. Selain itu, sebelum sebarang dasar atau garis panduan kerajaan tentang penukaran kod diperkenalkan, guru memerlukan latihan khusus tentang strategi untuk penggunaan kesannya. Temu bual dengan guru EFL universiti Vietnam mendedahkan sebab utama penukaran kod mereka dalam bilik darjah EFL adalah serupa

dengan yang terdapat dalam kajian lain. Ini dikaji dengan fokus pedagogi dan afektif dalam kajiannya.

Kumar, Nukapangu dan Hassan (2021) pula mengkaji keberkesanan penukaran kod dalam bilik darjah bahasa: kes perspektif guru bahasa kedua (B2). Penukaran kod mungkin berlaku di antara ayat, yang dikenali sebagai 'penukaran kod antara ayat'; dan ia juga mungkin berlaku dalam ayat, yang dikenali sebagai 'penukaran kod intra-sentential'. Pertukaran kod ialah ciri linguistik masyarakat berbilang bahasa kerana mereka dikurniakan lebih banyak keistimewaan untuk menggunakan pelbagai bahasa. Kajian mereka ini menunjukkan persepsi guru bahasa terhadap penukaran kod dalam bilik darjah dalam proses pengajaran dan tujuan penukaran kod dalam pengajaran. Data untuk kajian ini termasuk jawapan soalan ujian sikap yang direka pada Skala Likert terhadap 20 orang responden guru dari dua buah sekolah di Delhi-NCR. Hasil kajian menggambarkan bahawa dominasi penukaran kod dalam bilik darjah digunakan untuk mentafsir idea yang kompleks, menterjemah soalan, mendapatkan pengesahan, menyemak pemahaman pelajar dan untuk membina perpaduan serta mendapati penukaran kod yang paling lazim adalah dalam pendidikan rendah. Menurut mereka, penukaran kod adalah keperluan linguistik yang tersendiri dalam pendidikan tetapi terdapat kesan negatif terhadap penggunaannya di dalam bilik darjah.

Kebanyakan kajian yang disebutkan sebelum ini adalah berkait langsung dengan kajian sekarang. Persamaan dapat dikesan dari sudut aspek yang dikaji yang melibatkan pola, fungsi, dan persepsi mengenai kajian penukaran kod di dalam kelas dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, ketiadaan kajian yang dilakukan terhadap penukaran kod Arab-Melayu atau Melayu-Arab oleh pensyarah Bahasa Arab di Malaysia menunjukkan bahawa fenomena penukaran kod belum diambil serius walaupun

keputusan yang diperoleh mungkin berupaya meningkatkan kemahiran pelajar dan membina strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik di dalam kelas.

## **2.4 Kesimpulan**

Bab ini menyatakan pelbagai penyelidikan yang dilakukan di Malaysia dan luar negara yang menganalisis fenomena penukaran kod berdasarkan aspek linguistik dan sosiolinguistik melibatkan bahasa Arab dan bukan Arab. Seseengah kajian lebih berminat untuk mengkaji fenomena ini secara sosial bukannya dari aspek linguistik kerana mereka percaya bahawa fenomena penukaran kod adalah lebih penting apabila dikaji berdasarkan aspek sosiolinguistik. Walau bagaimanapun, kajian ini memilih untuk menganalisis penukaran kod dari kedua-dua perspektif seperti yang diputuskan oleh penyelidik semenjak dari awal kajian ini lagi.

## BAB III

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan jalan keseluruhan yang telah dilalui untuk melaksanakan kajian ini. Ia termasuklah reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan, pengumpulan data, dan penganalisan data sebelum diakhiri dengan ringkasan bagi bab ini.

#### 3.1 Reka Bentuk Kajian


Kajian ini menganalisis penukaran kod daripada pengajaran tiga orang pensyarah Bahasa Arab di sebuah IPG di Selangor yang melibatkan analisis pola linguistik (pada peringkat kata, frasa dan ayat) dan fungsi penukaran kod pensyarah-pensyarah tersebut. Sampel turut diambil dalam kalangan pelatih-pelatih IPG terbabit bagi mengkaji persepsi mereka terhadap fenomena penukaran kod oleh pensyarah mereka. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan rakaman audio dan temu bual daripada pensyarah serta soal selidik terhadap pelatih.

Kerangka teori Scotton (1993) iaitu model *Matrix Language Frame (MLF)* digunakan untuk menganalisis pola linguistik penukaran kod pensyarah. Manakala fungsi perbualan oleh Gumperz (1982) digunakan untuk menganalisis fungsi penukaran kod pensyarah terbabit.

Kajian ini memilih untuk menganalisis fenomena penukaran kod bukan hanya dari sudut linguistik (pola linguistik dalam *RQ1*) tetapi juga dari aspek sosiolinguistik (fungsi perbualan dalam *RQ2*) kerana aspek ini juga relevan dan bermanfaat bagi situasi tempatan di Malaysia terutamanya dalam konteks kelas Bahasa Arab. Di samping itu, ahli sosiologi percaya bahawa terdapat fungsian atau sebab pragmatik, motivasi dan fungsi untuk menukar kod dan fenomena ini dianggap sebagai satu ciri wacana yang tidak dapat



ditangani dengan memuaskan dari segi struktur dalaman ayat atau dalam kata lain, secara sintaksis (Romaine, 1989: 111).



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

### **3.2 Populasi dan Pensampelan**

Sasaran kajian ini ialah tiga orang pensyarah Bahasa Arab dan guru pelatih semester enam dari IPG Kampus Pendidikan Islam, Bandar Baru Bangi. IPG ini berada di Seksyen 12, Jalan Sungai Merab dan terletak berhampiran Bandar Baru Bangi. Pemilihan pensyarah untuk kajian ini adalah berdasarkan beberapa faktor:

- a) Pensyarah hanya menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Arab sebagai medium pengajaran di dalam kelas.
- b) Pensyarah mempunyai pengkhususan dalam bidang bahasa Arab.

Kelas yang dipilih untuk kajian ini ialah kelas para pelatih semester enam yang mana dianggarkan pada tahap ini penguasaan pelatih terhadap bahasa Arab lebih mantap berbanding pelatih semester bawah yang lain. Pengkaji menganggarkan pensyarah lebih banyak menggunakan bahasa Arab dalam pengajaran mereka terhadap pelatih di semester ini.

Rakaman audio dilakukan selama tiga jam bagi mata pelajaran Asas Penyelidikan Dalam Pendidikan, Sejarah Kesusasteraan Arab dan Pengantar Linguistik. Ini menjadikan keseluruhan pengajaran yang direkodkan adalah selama 180 minit. Soal selidik juga diedarkan kepada pelatih apabila selesai rakaman yang diikuti oleh temu bual bersama pensyarah.

#### **3.2.1 Maklumat Latar Belakang Subjek Kajian**

Subjek kajian pertama diberi kod nama X merupakan seorang pensyarah wanita berbangsa Melayu yang berumur 39 tahun. Beliau merupakan seorang pensyarah di IPG yang dipilih dan mempunyai pengalaman mengajar selama 11 tahun. Bahasa ibunda

beliau ialah bahasa Melayu dan juga mahir dalam bahasa Arab kerana beliau merupakan seorang pensyarah bahasa Arab yang berkeelayakan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan juga pemegang ijazah kedoktoran dalam bidang Pendidikan Bahasa Arab dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang Bahasa Arab, Kesusasteraan dan Pendidikan.

Subjek kajian kedua diberi kod nama Y merupakan seorang pensyarah lelaki berbangsa Melayu yang berumur 41 tahun. Beliau juga merupakan seorang pensyarah di IPG terbabit dan mempunyai pengalaman mengajar selama 16 tahun. Bahasa ibunda beliau ialah bahasa Melayu dan beliau juga mahir dalam bahasa Arab kerana merupakan seorang pensyarah bahasa Arab yang berkeelayakan dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dari salah sebuah universiti di Jordan dan juga pemegang ijazah sarjana dalam bidang Bahasa Arab dari Universiti Putra Malaysia. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang Balaghah dan Kesusasteraan Arab.

Subjek kajian ketiga diberi kod nama Z merupakan seorang pensyarah lelaki berbangsa Melayu yang berumur 49 tahun. Beliau mempunyai pengalaman mengajar selama 23 tahun. Bahasa ibunda beliau ialah bahasa Melayu dan beliau juga mahir dalam bahasa Arab kerana beliau merupakan seorang pensyarah bahasa Arab yang berkeelayakan dan berpengalaman luas. Beliau memperoleh ijazah sarjana muda dari Universiti Mohamed el-Khamis, Rabat dan mendapat Ijazah Sarjana Pendidikan dari Universiti Malaysia Sabah serta pemegang ijazah kedoktoran dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Pengkhususan beliau adalah dalam bidang Bahasa Arab.

Subjek-subjek kajian ini dipilih sebagai sampel kajian atas beberapa faktor penting. Pertama, mereka merupakan pensyarah yang sanggup mengambil bahagian dalam kajian ini. Di samping itu, penyelidik turut mendapatkan pandangan daripada beberapa orang pelatih major Bahasa Arab berkenaan penggunaan bahasa oleh

pensyarah-pensyarah mereka semasa sesi pengajaran. Mereka yang dipilih ini berdasarkan penilaian penyelidik bahawa mereka menukar kod di tahap sederhana jika dibandingkan dengan pensyarah-pensyarah Bahasa Arab lain di IPG terbabit yang lebih cenderung menggunakan bahasa Arab sepenuhnya ketika proses pengajaran. Sekiranya penyelidik memilih pensyarah yang tidak menukar kod semasa mengajar di dalam kelas Bahasa Arab, tidak akan ada data penukaran kod untuk dianalisis. Jika menganalisis pengajaran pensyarah yang terlalu banyak menukar kod semasa pengajaran pula, ia akan menjadi seolah-olah sedang belajar menggunakan bahasa Melayu, bukannya bahasa Arab.

### 3.2.2 Maklumat Latar Belakang Kelas Bahasa Arab

Maklumat demografi pelatih dan latar belakang akademik ditunjukkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1**

#### **Maklumat Kelas**

<b>Item</b>	<b>Maklumat</b>
Umur	22-23 tahun
Bangsa	Melayu dan seorang Bajau
Semester/Kumpulan	6 (Kumpulan 6. 01, 6. 02, 6. 03 dan 6. 04)
Bilangan Pelajar Yang Terlibat	49 orang
Mata Pelajaran Yang Dirakam	Asas Penyelidikan Dalam Pendidikan (BAMB 3143), Sejarah Kesusasteraan Arab (BAMB 3103) dan Pengantar Linguistik (BAMB 3123)

### 3.3 Pengumpulan Data

Data dikumpul dari tiga instrumen; rakaman audio, temu bual dan soal selidik. Rakaman audio yang merupakan sumber utama data kajian ini dikumpul dari pengajaran pensyarah di dalam kelas bagi mengenal pasti pola linguistik dan fungsi penukaran kod yang merupakan objektif pertama dan kedua. Rakaman audio ini dilakukan tanpa pemerhatian penyelidik supaya proses pengajaran dapat berlaku secara semula jadi bagi

memastikan kesahan data kajian dan relevan dengan objektif kajian. Pengajaran pensyarah yang direkodkan disalin dengan menggunakan transkripsi ortografi biasa.

Kemudian, temu bual dijalankan ke atas pensyarah yang sama setelah selesai rakaman bagi memantapkan analisis kedua iaitu berkenaan fungsi penukaran kod mereka. Soalan-soalan yang dikemukakan dilampirkan di bahagian Lampiran. Pensyarah bebas untuk memberi pendapat sendiri selagi pendapat itu berkaitan dengan subjek yang dibincangkan, iaitu penukaran kod.

Selain itu, borang soal selidik yang terdiri daripada lima soalan juga diberikan kepada pelatih setelah selesai aktiviti rakaman bagi mengkaji persepsi mereka berkaitan penggunaan bahasa Melayu oleh pensyarah mereka semasa pengajaran. Proses yang sama juga berlaku terhadap kelas lain yang terlibat dalam kajian ini.

Penyelidik menggunakan teknik rakaman audio tanpa pemerhatian bagi mendapatkan data yang mencukupi bertujuan untuk menerangkan pola linguistik penukaran kod pensyarah di dalam kelas. Keseluruhan rakaman kelas yang direkodkan adalah selama 180 minit. Ia dilakukan bagi mencapai objektif pertama kajian ini iaitu untuk menganalisis pola linguistik penukaran kod pada peringkat kata, frasa dan ayat. Lampiran A, B, dan C menunjukkan transkripsi ortografi dari pengajaran yang direkodkan. Kesemua rakaman audio telah dijalankan pada bulan Mac 2018.

Kajian ini juga menggunakan data yang dikumpulkan dari temu bual dengan pensyarah terlibat setelah selesai rakaman. Temu bual ini bertujuan untuk memastikan fungsi perbualan yang disenaraikan oleh Gumperz (1982) di samping menambah fungsi lainnya. Soalan-soalan temu bual ini telah diadaptasi semula daripada Ernie (2011: 125) dan mendapat pengesahan daripada dua orang pakar bahasa Arab iaitu Dr. Mat Taib bin Pa dan Dr. Mohd Zaki bin Abd. Rahman daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik,

Universiti Malaya. Skop soalan yang diajukan adalah berkenaan tindakan pensyarah menukar kod, masa, fungsi, pengaruh, kesesuaian penukaran kod dan alasan mereka menggunakannya dalam pengajaran. Maklum balas yang dikumpulkan dari temu bual ini telah ditambah kepada fungsi perbualan yang disenaraikan oleh Gumperz (1982). Semua fungsi penukaran kod yang dikenal pasti disokong oleh contoh-contoh penukaran kod pensyarah yang diekstrak dari rekod pengajaran yang dikumpul sebelum ini.

Soal selidik juga diedarkan kepada pelatih apabila selesai sesi pengajaran. Ia bertujuan untuk mengetahui pandangan pelatih terhadap penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Arab semasa pengajaran Bahasa Arab di kelas mereka. Soal selidik telah diadaptasi daripada Schweers (1999: 6), Burden (2001: 4), Tang (2002: 40), dan Ernie (2011: 126) yang mengkaji persepsi guru dan pelajar mengenai penukaran kod dalam bilik darjah. Skop soalan dan pernyataan yang digunakan para penyelidik dalam kajian mereka adalah berkenaan kekerapan, sebab, dan keperluan penukaran kod. Ia telah diubahsuai dengan memasukkan lima soalan tertutup yang diikuti pilihan jawapan Likert mengikut jenis pilihan Ya-Tidak. Skala ini merupakan nilai skala yang lebih baik untuk tujuan analisis statistik. Ia dibahagikan kepada dua iaitu Maklumat Demografi (Bahagian I) dan Persepsi Pelatih (Bahagian II). Pilihan jawapan pada bahagian kedua terdiri daripada 'sangat tidak setuju' kepada 'sangat setuju'. Soal selidik kajian ini turut mendapat kesahan pakar daripada dua orang pakar yang telah disebutkan di atas.

### **3.4 Menganalisis Data**

Langkah-langkah berikut telah diambil dalam menjalankan analisis:

### **3.4.1 Menganalisis pola linguistik penukaran kod pensyarah di dalam kelas**

Pengajaran pensyarah yang ditranskripsikan dianalisis berdasarkan teori penukaran kod mengikut Scotton dalam model *Matrix Language Frame* (1993) beliau. Teori ini digunakan kerana ia bersesuaian dengan bahasa Arab dan Melayu yang digunakan dalam pengajaran sebagai bahasa matriks dan bahasa pancangan. Bahasa matriks ialah bahasa yang memainkan peranan yang dominan dalam penukaran kod, sementara bahasa pancangan pula merupakan bahasa yang memainkan peranan yang lebih rendah. Dalam kajian ini, bahasa Arab adalah bahasa matriks dan bahasa Melayu bertindak sebagai bahasa pancangan. Di samping itu, ia dapat memenuhi objektif pertama berkaitan pola linguistik penukaran kod.

Pengajaran pensyarah yang ditranskripsikan dianalisis dengan mengkategorikan penukaran menjadi dua kategori utama; penukaran kod dalam ayat (*intra-sentential*) dan penukaran kod antara ayat (*inter-sentential*) seperti yang dicadangkan oleh Scotton (1993). Kategori pertama digambarkan dalam dua tahap; tahap perkataan dan tahap frasa, manakala kategori kedua melibatkan tahap ayat. Setiap peringkat kemudiannya dipecahkan menjadi unit yang lebih spesifik. Penukaran kod pada tahap perkataan dibincangkan mengikut kelas kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Penukaran kod di peringkat frasa dibincangkan mengikut jenis frasa seperti frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Penukaran kod di tahap ayat pula dikelaskan mengikut struktur ayat tunggal dan ayat majmuk.

### **3.4.2 Menganalisis fungsi-fungsi penukaran kod pensyarah di dalam kelas**

Bagi menganalisis fungsi penukaran kod yang merupakan objektif kedua, penyelidik melakukannya berlandaskan pendekatan analisis fungsi penukaran kod oleh Gumperz (1982). Daripada rakaman audio pengajaran pensyarah yang dirakam,

penyelidik memilih contoh-contoh penukaran kod yang sesuai bagi setiap fungsi penukaran kod yang disyorkan oleh Gumperz (seperti yang dinyatakan dalam Bab 2) bagi menjawab soalan kajian kedua dalam kajian ini. Temu bual para pensyarah juga dianalisis untuk memastikan dan menambah fungsi penukaran kod Gumperz. Fungsi-fungsi yang ditambah juga akan disokong oleh contoh-contoh penukaran kod pensyarah. Dari analisis terperinci ini, kita dapat menjelaskan lagi fungsi-fungsi penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab.

#### **3.4.3 Menganalisis persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah di dalam kelas**

Jawapan daripada soal selidik pelatih dianalisis bagi mengkaji persepsi mereka terhadap penukaran kod oleh pensyarah di dalam kelas. Soal selidik ini disertai dengan pilihan jawapan dalam bentuk skala Likert yang berkisar dari maklum balas negatif kepada maklum balas positif. Soalan ini boleh menghasilkan pandangan dan pendapat pelatih terhadap penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Arab pensyarah mereka semasa pengajaran. Selepas meneliti respons yang dikumpulkan dari soal selidik, penyelidik dapat membuat beberapa kesimpulan mengenai persepsi pelatih terhadap fenomena penukaran kod di dalam kelas Bahasa Arab.

### **3.5 Kesimpulan**

Bab ini menyediakan maklumat latar belakang mengenai sampel kajian, instrumen yang digunakan bagi pengumpulan data dan kaedah yang digunakan untuk menganalisis data. Instrumen yang melibatkan rakaman audio, temu bual dan soal selidik biasanya digunakan dalam pengumpulan data bagi tujuan menganalisis pengajaran kelas



dalam hampir semua penyelidikan yang dilakukan dalam bidang yang sama. Oleh itu, adalah diharapkan rangka kerja ini boleh memberikan gambaran yang lebih penting dan jelas terhadap isu-isu yang dikaji dalam kajian ini mengenai pola linguistik dan fungsi penukaran kod pensyarah yang beralih di dalam kelas Bahasa Arab mereka.

Universiti Malaya

## BAB IV

### ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

#### 4.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan data yang diperoleh daripada rakaman audio pengajaran tiga orang pensyarah bahasa Arab, temu bual dengan pensyarah tersebut dan juga maklum balas yang diperoleh daripada soal selidik yang diedarkan kepada pelatih. Sumber utama data adalah pengajaran pensyarah yang telah dibuat rakaman audio semasa pengajaran bahasa Arab di dalam kelas. Pengajaran tersebut kemudian ditranskripsi menggunakan transkripsi ortografi untuk membolehkan penyelidik menerangkan pola linguistik penukaran kod pensyarah. Selain itu, temu bual dengan pensyarah-pensyarah tersebut juga memperjelaskan fungsi penukaran kod mereka. Soal selidik juga telah digunakan untuk mengenal pasti persepsi pelatih terhadap fenomena penukaran kod dalam pengajaran bahasa Arab.

#### 4.1 Pola linguistik penukaran kod pensyarah

Pola linguistik penukaran kod pensyarah diterangkan berdasarkan dua kategori penukaran kod; penukaran kod dalam ayat (*intra-sentential*) dan penukaran kod antara ayat (*inter-sentential*) seperti yang dicadangkan oleh Myers-Scotton (1993) dalam model *Matrix Language Frame* beliau. Kedua-dua kategori ini sering digunakan dalam menerangkan pola linguistik penukaran kod dalam kebanyakan kajian penukaran kod yang telah dijalankan oleh kebanyakan pengkaji. Penukaran kod dalam ayat menggambarkan penukaran yang menggunakan dua bahasa atau lebih dalam satu ayat. Penukaran boleh menjadi dua tahap; perkataan dan frasa. Sebaliknya, penukaran kod antara ayat merujuk kepada penggunaan dua bahasa ataupun lebih di peringkat ayat atau sempadan ayat.

Dalam kajian ini, pengkaji melihat pola linguistik penukaran kod yang digunakan oleh pensyarah Melayu dalam mengajar pelajar Melayu. Pengkaji melihat sama ada pensyarah menggunakan penukaran pada tahap kata, frasa dan ayat dalam pengajaran mereka atau pun tidak. Ketiga-tiga tahap ini dianalisis dengan lebih terperinci dengan melihat pelbagai perkara berkaitan. Di peringkat perkataan, analisis meliputi pelbagai kelas kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Pada tahap frasa, analisis berdasarkan kepada pelbagai jenis frasa seperti frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama. Di peringkat ayat pula, analisis berdasarkan kepada ayat tunggal dan ayat majmuk.

#### **4.1.1 Penukaran kod pada peringkat perkataan**

Tatabahasa Dewan (2015: 436) menyatakan “Perkataan boleh ditakrifkan sebagai bentuk bebas yang terkecil yang boleh berdiri sendiri dan binaannya tidak boleh dibahagi atau dipisahkan kepada bentuk tatabahasa yang lebih kecil lagi”. Dalam kajian ini, penukaran kod pada peringkat perkataan berlaku apabila pensyarah menukar kod perkataan bahasa Arab kepada perkataan bahasa Melayu dalam pengajarannya. Penukaran diterangkan berdasarkan golongan perkataan yang berbeza: kata nama, kata kerja, kata adjektif, dan kata tugas.

##### **I. Penukaran kod kata nama**

Penukaran kod kata nama berlaku apabila pensyarah menukar kod kepada kata nama bahasa Melayu daripada kata nama bahasa Arab dalam ayat bahasa Arab. Contoh di bawah menerangkan penukaran kod kata nama bahasa Arab kepada kata nama bahasa Melayu yang telah digunakan X semasa pengajaran bahasa Arab.

Contoh 1 X: *Lampiran A, Halaman 142*

نعم اة لتي نبت خد م ذلك حصول نغى لليل ات . instrumen .

Dalam contoh ini, perkataan 'instrumen' ialah kata nama bahasa Melayu yang telah ditukarkan daripada kata nama bahasa Arab "اة" .

Contoh lain yang menunjukkan penukaran kod kata nama boleh dilihat dalam ayat berikut.

Contoh 2 X: *Lampiran A, Halaman 143*

ذلي عي الوثائق . dokumen.

Dalam contoh di atas, X menerangkan makna perkataan "الوثائق" dengan menukar kod kepada kata nama bahasa Melayu iaitu 'dokumen'.

Contoh 3 Z: *Lampiran A, Halaman 173*

يتنظم الامليزيون وكلك يتنظم بآفيا لمن عرف هذا subjek, وهذا predikat.

← وأجلدن.

Contoh 4 Z: *Lampiran A, Halaman 174*

← دخل babi من لباب المسجد.

Contoh 5 Z: *Lampiran A, Halaman 181*

→ Dia

Dalam contoh 3, Z menukar kod daripada "بمبدأ" yang mewakili kata nama bahasa Melayu 'subjek' dan "ضر" yang mewakili kata nama bagi 'predikat'. Bagi contoh 4 pula, Z menukar kod daripada "الخزير" kepada perkataan 'babi'. Manakala dalam contoh 5, beliau menukar kod daripada "هو" kepada 'dia' yang masing-masing melibatkan penukaran kod kata nama.

## II. Penukaran kod kata kerja

Penukaran kod kata kerja tidak ditemui penulis dalam pengajaran subjek X. Bagi subjek Y dan Z, penukaran kod pada tahap kata kerja seperti contoh berikut:

Contoh 6 Y: *Lampiran A, Halaman 171*

→ Memadamkan. نوازع قتنة.

Dalam contoh di atas, Y menukar kod daripada "إخماد" kepada kata kerja 'memadamkan' bagi menerangkan ayat "وإخماد نوازع قتنة" yang disebutnya sebelum itu. Perkataan إخماد adalah masdar (kata terbitan) tetapi dalam bahasa Melayu ia boleh menjadi kata kerja.

Contoh 7 Z: *Lampiran A, Halaman 185*

← موقبل أخيك بمبدأ قبل و هو ضراف. أخيك ضراف إليه.

Dalam contoh di atas, Z menukar kod kata kerja daripada "يكون" kepada perkataan 'menjadi' dalam bahasa Melayu.

### III. Penukaran kod kata adjektif

Pengkaji menemui penukaran kod kata adjektif daripada pengajaran subjek X.

Contohnya:

Contoh 8 X: *Lampiran A, Halaman 148*

← فيك غرافيلد حزين، و هو. sedih.

Berdasarkan perkataan 'sedih' (حزين) atas, ia merupakan penukaran kod yang berlaku pada tahap kata adjektif. Subjek X sedang menerangkan kepada guru pelatih berkenaan simbol Garfield yang sedih di dalam satu borang kaji selidik yang mewakili skala tertentu.

### IV. Penukaran kod kata tugas

Antara kata tugas yang digunakan subjek-subjek kajian dalam pengajaran mereka ialah kata tanya, kata hubung, kata seru, kata bantu, kata perintah, kata pembenar, kata penegas, kata penekan, kata bilangan, dan kata adverba.

#### i. Penukaran kod kata tanya

Contoh 9 Z: *Lampiran A, Halaman 180*

Kenapa "وا"



Dalam ayat di atas, Z telah membuat penukaran kod kata tanya daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu melalui perkataan ‘kenapa’ yang di dalam bahasa Arab dikenali sebagai "لماذا".

Contoh 10 X: *Lampiran A, Halaman 153*

→ Apa? B. استبي انثلي، استبي ان

Dalam ayat di atas, A telah membuat penukaran kod kata tanya daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu melalui perkataan ‘apa’ yang di dalam bahasa Arab dikenali sebagai "ما".

**ii. Penukaran kod kata hubung**

Contoh 11 Y: *Lampiran A, Halaman 158*

← خمسة مائتين وخمسة. ماص يح.

Dalam ayat di atas, Y menggunakan penukaran kod kata hubung bahasa Melayu iaitu “ataupun” yang sinonim dengan perkataan "أو" di dalam bahasa Arab.

**iii. Penukaran kod kata seru**

Contoh 12 Z: *Lampiran A, Halaman 173*

→ Ha, ini dia! خرائص اللالغ عربية.

Dalam ayat di atas, Z menggunakan kata seru dalam bahasa Melayu iaitu perkataan ‘Ha’. Seperti yang diterangkan pada Bab 2 sebelum ini, kata seru merupakan kata yang digunakan dalam ayat sebagai unsur bebas. Ia tidak mempunyai bentuk yang boleh dikenal pasti, tetapi boleh digambarkan dalam cara penggunaannya. Kata seru juga merujuk kepada kata yang dikeluarkan dengan tiba-tiba (Kamus Dewan: 685). Perkataan ‘ha’ seperti yang diterangkan dalam Kamus Dewan di halaman 493 menjelaskan bahawa ia merupakan kata yang digunakan untuk menyatakan kepuasan atau kelegaan perasaan.

*iv. Penukaran kod kata pembenar*

Kata pembenar didefinisikan dalam Tatabahasa Dewan (2015:256) sebagai “perkataan yang mengesahkan sesuatu pernyataan”.

Contoh 13 X: *Lampiran A, Halaman 154*

→ Ya، عملي عن طويق إحصائي.

Dalam ayat di atas, X menggunakan penukaran kod kata pembenar iaitu perkataan ‘ya’ yang merujuk kepada perkataan "عم" di dalam bahasa Arab.

Contoh 14 Y: *Lampiran A, Halaman 160*

→ Ya، هذا صحيح.

Dalam ayat di atas, Y juga menggunakan penukaran kod kata pembenar iaitu perkataan ‘ya’ yang merujuk kepada perkataan "عم" di dalam bahasa Arab sama seperti contoh sebelumnya.



v. ***Penukaran kod kata penegas***

Kata penegas merupakan “sejumlah perkataan yang memberikan penekanan pada bahagian-bahagian tertentu dalam ayat” (Tatabahasa Dewan: 261). Ia juga dikenali sebagai kata penyerta atau partikel.

Contoh 15 X: *Lampiran A, Halaman 153.*

فإنك استبجيان آخر. فس لثشيء. استتوي ل جية. juga.

Perkataan ‘juga’ yang digunakan subjek X merujuk kepada perkataan "أيضاً" di dalam bahasa Arab. Dapat dilihat di sini bahawa penukaran kod kata penegas telah diaplikasikan oleh pensyarah semasa pengajaran mereka.

vi. ***Penukaran kod kata bilangan***

Contoh 16 Y: *Lampiran A, Halaman 158*

→ Satu, نئين أو أرب عم اؤقت سعة وث نئين

Contoh 17 Y: *Lampiran A, Halaman 163*

→ Kedua, ل عرب ل ل بة.

Dalam ayat di atas, Y telah membuat penukaran kod kata bilangan iaitu bagi perkataan ‘satu’ yang merujuk kepada perkataan "أو" dalam contoh pertama. Manakala

penukaran kod kata bilangan seterusnya dapat dilihat dalam perkataan ‘kedua’ yang di dalam bahasa Arab dikenali sebagai "بثاني".

**vii. Penukaran kod kata adverba**

Contoh 18 X: *Lampiran A, Halaman 152.*

لجيب، أن أقرأ. laju-laju. ←

Dalam contoh di atas, X melakukan penukaran kod kata adverba iaitu bagi perkataan ‘laju-laju’. Di dalam bahasa Arab, laju-laju boleh diterjemahkan sebagai "لسريع".

**Kesimpulan**

Secara umumnya, pola linguistik penukaran kod pada peringkat perkataan kelihatan jelas diaplikasikan oleh ketiga-tiga subjek kajian dalam pengajaran mereka. Ini membuktikan bahawa pensyarah menggunakan penukaran kod daripada pelbagai golongan kata yang telah dibincangkan kecuali bagi kata kerja oleh subjek X dan kata adjektif bagi subjek Y dan Z yang tidak digunakan oleh mereka. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa pensyarah menggunakan penukaran kod pada tahap perkataan semasa pengajaran mereka terhadap para pelatih IPG.

**4.1.2 Penukaran kod pada peringkat frasa**

Frasa boleh didefinisikan sebagai “kumpulan kata yang membentuk unit sintaksis sesuatu klausa” (Kamus Dewan, 2015). Dalam kajian ini, penukaran kod pada peringkat

frasa berlaku apabila pensyarah menukar kod frasa bahasa Arab kepada frasa bahasa Melayu dalam pengajarannya. Penukaran kod pada tahap frasa ini akan diterangkan berdasarkan golongan frasa yang berbeza: frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.

### I. Penukaran kod frasa nama

Penukaran kod frasa nama berlaku apabila pensyarah menukar kod kepada frasa nama bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Contoh di bawah menerangkan penukaran kod frasa nama bahasa Melayu yang telah digunakan pensyarah semasa pengajaran bahasa Arab.

Contoh 1 X: *Lampiran A, Halaman 147*

← وهذه لمدرسه التي أتم كajian rintis تتقارون مرة أخرى في البحث الحقيقي.

تتقارون في

Contoh 2 X: *Lampiran A, Halaman 143*

من الكثير من أدوات أخرى م إذا أتمت خدمون أكتاب..ماذا بك أداة البحث ثم

←  
تتجهل الوثائق. buku teks

Dalam kedua-dua ayat di atas, X telah melakukan penukaran kod pada peringkat frasa nama bagi frasa 'kajian rintis' yang bersinonim dengan frasa Arab "دراسة"

تجريبية" Begitu juga dengan contoh kedua beliau telah menggunakan frasa 'buku teks' bagi menggantikan "الكتاب المدرسي" di dalam bahasa Arab.

Subjek Y juga melakukan penukaran kod pada peringkat frasa nama seperti contoh berikut:

Contoh 3 Y: *Lampiran A, Halaman 158*

→ Amaran Ustaz Fauzi. أنيأمر كملك مكي قديم الخيم في هذا اليوم، في هذا الصباح.

Dalam contoh pertama di atas, Y telah melakukan penukaran kod frasa nama iaitu bagi frasa 'amaran Ustaz Fauzi' yang di dalam bahasa Arab boleh disebut تـحـفـير "تـحـفـير فوزي".

Subjek Z pula melakukan penukaran kod pada peringkat frasa nama seperti contoh di bawah:

Contoh 4 Z: *Lampiran A, Halaman 176*

→ Tajuk kita ظاهرة ا اب من خصائص اللغة العربية.

Dalam contoh di atas, frasa 'tajuk kita' di dalam bahasa Arab merujuk kepada "موضوعنا".

## II. Penukaran kod frasa kerja

Penukaran kod frasa kerja berlaku apabila pensyarah menukar kod kepada frasa kerja bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Contoh di bawah menerangkan penukaran

kod frasa kerja bahasa Melayu yang telah digunakan pensyarah semasa pengajaran bahasa Arab mereka.

Contoh 5 X: *Lampiran A, Halaman 151*

→ Contohnya, استبي ان. لم tak ada lagi.

Dalam contoh di atas, subjek X telah menggunakan frasa kerja bahasa Melayu iaitu ‘tak ada lagi’ yang merujuk kepada "ليس عندك" di dalam bahasa Arab. Kata kerja ‘ada’ merupakan inti kepada frasa kerja ini yang didahului dengan kata nafi ‘tak’ dan kata penegas ‘lagi’.

Contoh 6 X: *Lampiran A, Halaman 153*

الصدق لك مي berjalan serentak.

←

Dalam contoh di atas pula, subjek X telah menggunakan frasa kerja bahasa Melayu iaitu ‘berjalan serentak’ yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Arab sebagai *الصدق لك مي*. Frasa ini telah dimasuki oleh kata adverba ‘serentak’ yang mana kata kerja ‘berjalan’ merupakan intinya.

Subjek Y juga melakukan penukaran kod pada peringkat frasa kerja seperti contoh berikut:

Contoh 7 Y: *Lampiran A, Halaman 165*

→ Dia memegang. يتمسك بيديها بمنزلة من حل الخوارج.

Dalam ayat di atas, Subjek Y telah membuat penukaran kod frasa kerja iaitu ‘dia memegang’ yang mewakili terjemahan " يتمسك " di dalam bahasa Arab. Frasa tersebut menunjukkan kata kerja ‘memegang’ sebagai intinya.

Penukaran kod frasa kerja turut dikesan penulis dalam pengajaran Subjek Z seperti contoh di bawah:

Contoh 8 Z: *Lampiran A, Halaman 179*

→ Maka datanglah. تتبيل الرأي لغيري للرأي.

Contoh 9 Z: *Lampiran A, Halaman 182*

→ Ini masuk. من باب تغال.

Contoh 8 Z mengandungi penukaran kod frasa kerja bahasa Melayu iaitu ‘maka datanglah’ yang mewakili terjemahan " تتبيل " di dalam bahasa Arab (perkataan ‘lah’ di sini bertujuan untuk menguatkan kata kerja ‘datang’). Dalam frasa ini, kata kerja ‘datang’ merupakan inti frasa yang didahului dengan kata pangkal ayat iaitu ‘maka’. Begitu juga dengan contoh 9 Z iaitu ‘ini masuk’ yang mana kata kerja ‘masuk’ merupakan inti kepada frasa kerja tersebut yang didahului dengan kata ganti nama tunjuk ‘ini’.

### III. Penukaran kod frasa adjektif

Penukaran kod frasa adjektif berlaku apabila pensyarah menukar kod kepada frasa adjektif bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Contoh di bawah menerangkan penukaran kod frasa adjektif bahasa Melayu yang telah digunakan pensyarah semasa pengajaran bahasa Arab mereka.

Contoh 10 X: *Lampiran A, Halaman 154*

→ Sangat tinggi. صدق هـ من ناحية الصدق للتبأ.

Dalam contoh di atas, X telah membuat penukaran kod pada tahap frasa adjektif iaitu pada frasa 'sangat tinggi' yang mewakili "عال جدا" dalam bahasa Arab. Kata adjektif 'tinggi' merupakan inti frasa ini yang didahului dengan kata penguat 'sangat'.

Penukaran kod frasa adjektif juga dapat dikesan dalam contoh Y di bawah.

Contoh 11 Y: *Lampiran A, Halaman 172*

أسلوب الخطبة  
sangat penting.

Sebagaimana contoh X di atas, contoh oleh Y juga mengandungi kata penguat 'sangat' yang mendahului perkataan 'penting'. Kata adjektif 'penting' di sini merupakan inti kepada frasa adjektif 'sangat penting'. Di dalam bahasa Arab, frasa 'sangat penting' boleh disamakan dengan "مهم جدا".

Pengkaji turut mengesan satu contoh frasa adjektif yang digunakan Z semasa pengajaran beliau. Contoh tersebut adalah:

Contoh 12 Z: *Lampiran A, Halaman 183*

→ Betul juga kita baca "وأرسلناكم" مي عود إلى وجولكم وبيويكم.

Dalam contoh di atas, subjek Z telah membuat penukaran kod pada tahap frasa adjektif iaitu bagi frasa ‘betul juga kita baca’ yang mengandungi inti ‘betul’ sebagai kata adjektifnya. Ini diikuti dengan kata penegas ‘juga’ selepasnya. Frasa ini mewakili terjemahan "الصحيح أيضا إذ قرأا".

#### IV. Penukaran kod frasa sendi nama

Penukaran kod frasa sendi nama berlaku apabila pensyarah menukar kod kepada frasa sendi nama bahasa Melayu daripada bahasa Arab. Contoh di bawah menerangkan penukaran kod frasa sendi nama bahasa Melayu yang telah digunakan pensyarah semasa pengajaran bahasa Arab di kelas mereka.

Contoh frasa sendi nama dapat dilihat dalam penggunaan subjek Z dalam ayat berikut:

Contoh 13 Z: *Lampiran A, Halaman 182*

← فوجولي فاعل، دل على وجولي فاعل.

Dalam frasa ‘dengan adanya’ dalam ayat di atas, terdapat kata sendi nama iaitu ‘dengan’ yang digabungkan dengan kata nama ‘adanya’ menjadikan ia sebagai frasa sendi nama. Frasa ini mewakili terjemahan subjek Z seperti yang diucapkan olehnya sebelum itu iaitu "بجوود"



## Kesimpulan

Cara lain bagi menerangkan pola linguistik penukaran kod pensyarah adalah dengan melihat kepada penukaran kod yang berlaku pada peringkat frasa. Berdasarkan contoh-contoh yang diekstrak daripada pengajaran pensyarah, mereka membuat penukaran kod menggunakan pelbagai jenis frasa termasuklah frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Ini menunjukkan bahawa di samping penemuan penukaran kod pada tahap perkataan, para pensyarah juga dilihat menukar kod pada tahap frasa dalam pengajaran mereka.

### 4.1.3 Penukaran kod pada peringkat ayat

Ayat boleh didefinisikan sebagai unit pengucapan yang paling tinggi kedudukannya dalam susunan nahu dan mengandungi makna yang lengkap, yang pengucapannya dimulai dan diakhiri dengan kesenyapan, serta sempurna intonasinya (Tatabahasa Dewan: 2015). Dalam kajian ini, penukaran kod peringkat ayat atau secara linguistiknya dikenali sebagai penukaran kod antara ayat dikaji dengan melihat kepada struktur ayat bahasa Melayu; ayat tunggal dan ayat majmuk.

#### I. Penukaran kod ayat tunggal

Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi hanya satu klausa. Contohnya, 'Budak itu dahaga'. Dalam kajian ini, penukaran kod yang melibatkan ayat tunggal dapat dilihat dalam contoh-contoh di bawah:

Contoh 1 X: *Lampiran A, Halaman 144*

Macam mana bentuk soalan? ←

Contoh 2 Y: *Lampiran A, Halaman 165*

← وك انق دق الفى هلمف حش م الل تل ع ر ب ف ي ل ه ج ا ء و م ن ه ذ ا ق و ل ه  
ي ر ه ي ه ا غ ل ل ف ر ز د ق ن س ر ي ل ل ك ه ط م . Ok, Farazdaq tu siapa? ف ب ق ي ص ي د ة

Contoh 3 Z: *Lampiran A, Halaman 173*

← ما م ع ن س ح ج ة ب ي ت ل ط م و ن ك م ا ه ي ، ك ذ ا . ن ه ن ح ن .  
ل م ا ل و ل ن ا : Ali makan nasi?

Dalam contoh pertama, subjek X menggunakan penukaran kod pada peringkat ayat tunggal iaitu ‘Macam mana bentuk soalan?’ yang mewakili ‘اليف ن م ط ل س و ا ل ؟’ di dalam bahasa Arab.

Begitu juga dengan contoh subjek Y yang menggunakan penukaran kod pada peringkat ayat tunggal iaitu ‘Farazdaq tu siapa?’ yang boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Arab sebagai ‘من هو الف ر ز د ق ؟’.

Dalam contoh ketiga, subjek Z telah menggunakan penukaran kod pada tahap ayat tunggal iaitu ‘Ali makan nasi?’ yang mewakili ‘ز ؟ ي كل غ ي’ di dalam bahasa Arab.

Berdasarkan contoh-contoh yang ditemui, dapatlah disimpulkan bahawa para pensyarah juga menggunakan penukaran kod ayat tunggal dalam pengajaran di kelas mereka.

## II. Penukaran kod ayat majmuk

Ayat majmuk pula mengandungi lebih daripada satu klausa. Ia dibina dengan menggabungkan dua ayat tunggal atau lebih. Contohnya, ‘Budak itu dahaga kerana belum minum air’. Ayat majmuk ini berasal daripada ayat tunggal ‘Budak itu dahaga.’ dan ‘Dia belum minum air.’.

Contoh 4 X: *Lampiran A, Halaman 152*

← ولكن هذلي عني لالب، الصدق ولثبات أيضا موجوفي.. موجوفي  
لكتبة أطروحة.

Ada kan bahagian kesahan dan kebolehpercayaan?

Dalam contoh di atas, subjek X menggunakan penukaran kod pada peringkat ayat majmuk iaitu ‘Ada kan bahagian kesahan dan kebolehpercayaan?’ (Ada bukan bahagian kesahan dan kebolehpercayaan?) yang mewakili "هل في الكؤسم الصدق ولثبات؟" di dalam bahasa Arab. Asal ayat majmuk ini adalah ‘Ada bukan bahagian kesahan?’ dan ‘Ada bukan bahagian kebolehpercayaan?’ yang dicantumkan dengan perantara kata hubung ‘dan’. (‘Ada bukan bahagian kesahan?’ merupakan klausa pertama manakala ‘Ada bukan bahagian kebolehpercayaan?’ merupakan klausa kedua. Ia digabungkan dengan kata hubung ‘dan’ yang membentuknya sebagai ayat majmuk).

→ Cuba kamu bandingkan gaya bahasa pada zaman Umawiy dengan gaya bahasa pada zaman Islam.

أ , تباس من لقرآن الكريم و تشه ابؤيك لقي يدل ما يذهب إليه الخ طيب  
ويصدعه من رأي أو حكم أو إرشاد وبخصة من لك خطب زعم حزاب  
ل في اوي نزل حكم ا مويين.

Dalam contoh di atas pula, subjek Y dikesan membuat penukaran kod pada peringkat ayat majmuk melalui kata-katanya iaitu: ‘Cuba kamu bandingkan gaya bahasa pada zaman Umawiy dengan gaya bahasa pada zaman Islam.’ yang mewakili terjemahan bahasa Arab "ح اولوا أنت هي زولبي نسل وبلبل غفي ل عمر موي بلبل وبلبل غفي مي".

Asal ayat majmuk ini adalah ‘Cuba kamu bandingkan gaya bahasa pada zaman Umawiy.’ dan ‘Cuba kamu bandingkan gaya bahasa pada zaman Islam.’ yang dicantumkan dengan perantaraan kata hubung ‘dengan’.

→ “Saya makan ikan termasuklah kepala ikannya.” Maka kita baca أظنت لسمكة  
فم عول. kerana dia juga menjadi فم عول.

Subjek Z juga dikesan membuat penukaran kod pada peringkat ayat majmuk melalui kata-katanya iaitu: ‘Saya makan ikan termasuklah kepala ikannya.’ yang mewakili terjemahan bahasa Arab "أظنت لسمكة فم عول". Asal ayat majmuk ini

adalah 'Saya makan ikan.' dan 'Saya makan kepala ikannya.' yang dicantumkan menjadi ayat majmuk dengan hadirnya perkataan 'termasuklah'.

Berdasarkan contoh-contoh di atas, dapatlah disimpulkan bahawa para pensyarah juga dikesan menggunakan penukaran kod ayat majmuk dalam pengajaran di kelas mereka.

## **Penutup**

Pola linguistik penukaran kod pensyarah juga dianalisis dengan melihat kepada satu lagi penukaran kod iaitu penukaran kod antara ayat (*inter-sentential code-switching*). Penukaran ini melibatkan penukaran kod pada peringkat ayat. Dalam pengajaran pensyarah, jenis penukaran kod ini dikesan yang mana pensyarah menukar kod daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu melalui dua struktur ayat iaitu ayat tunggal dan ayat majmuk. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa para pensyarah menggunakan kedua-dua jenis ayat ini dalam penukaran kod semasa di dalam pengajaran mereka.

### **4.2 Fungsi-fungsi penukaran kod pensyarah**

Fungsi penukaran kod pensyarah telah diekstrak daripada pengajaran mereka semasa di dalam kelas dan juga temu bual yang dijalankan terhadap pensyarah terbabit. Daripada rakaman yang direkodkan, pengkaji mengambil beberapa contoh penukaran kod yang menggambarkan enam fungsi penukaran kod seperti yang dikemukakan oleh Gumperz dalam fungsi-fungsi perbualan penukaran kod di bawah tajuk '*The conversational functions of code switching*' (1982). Fungsi-fungsi ini lazim digunakan

untuk memperjelas tujuan-tujuan yang mendorong penutur untuk menukar kod dalam perbualan atau komunikasi. Fungsi yang dimaksudkan ialah:

1. Petikan (petikan kata yang telah bertukar kod [beralih bahasa]),
2. Spesifikasi penerima (mesej yang telah bertukar kod iaitu merujuk kepada sesuatu atau penerima tertentu),
3. Interjeksi/seruan (interjeksi yang telah bertukar kod [biasanya bagi menyampaikan perasaan yang kuat atau emosi]),
4. Pengulangan (mesej yang telah bertukar kod dengan mengulangi apa yang baru saja dikatakan),
5. Kecekapan mesej (mesej yang telah bertukar kod bagi menghuraikan apa yang telah diperkatakan)
6. Keperibadian lawan keobjektifan (mesej telah bertukar kod sama ada membawa maksud 'peribadi' atau 'objektif').

#### **4.2.1 Fungsi penukaran kod pensyarah berdasarkan fungsi-fungsi perbualan Gumperz**

Pengajaran pensyarah yang dirakam menunjukkan bahawa semua enam fungsi perbualan Gumperz boleh dikenal pasti semasa mereka menukar kod dalam pengajaran. Enam fungsi perbualan ini telah disemak dan disokong dengan contoh penukaran kod yang diekstrak daripada pengajaran pensyarah. Ujaran yang dipilih jelas sesuai dengan fungsi perbualan penukaran kod seperti yang dikemukakan oleh Gumperz (1982):

##### **i. Petikan**

Petikan ialah salah satu fungsi atau alasan mengapa pensyarah menukar kod di kelas. Fungsi ini merujuk kepada petikan yang telah ditukar kod atau ucapan yang

dilaporkan bagi tujuan menceritakan semula. Dalam kata lain, petikan ini telah ditukar kod oleh pensyarah supaya bunyi mesej yang hendak disampaikan lebih dipercayai atau boleh dipercayai oleh pelajar. Ini kerana petikan dapat membantu mensahihkan apa yang telah dikatakan adalah fakta dan menggalakkan pelajar untuk mempercayainya.

Beberapa contoh di dalam pengajaran pensyarah telah menyokong fungsi penukaran kod ini. Misalnya seperti berikut:

Contoh 1 X: *Lampiran A, Halaman 148*

Dalam contoh di bawah, pensyarah menerangkan salah satu ciri borang soal selidik yang perlu disediakan oleh pelatih-pelatihnya. Kemudian beliau memetik contoh ayat yang perlu ditulis di dalamnya.

أن يكون من النوع منقولي سرفم توح. ايس فهمت و مچ عن ي ل هذا لك مي. ايل يوم فتوح. أن  
يتن اول سلؤال فلكرة واحدة ايس فلكرتين ، في سؤال واحد تم تسأل عن شويين.

**“Saya suka membaca dan menulis”**. Tak boleh lah.

[      *PETIKAN*      ]

**“Saya suka membaca”**, واحد.

[      *PETIKAN*      ]

**“Saya suka menulis”**, نئين.

[      *PETIKAN*      ]

Dalam contoh yang diberi, subjek X menukar kod daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu apabila beliau memetik contoh ayat yang perlu digunakan oleh seorang pelatih dalam borang soal selidik. Petikan yang dimaksudkan ialah “Saya suka membaca dan menulis”, “Saya suka membaca”, dan “Saya suka menulis”. Pensyarah memberitahu pelatih bahawa mereka tidak boleh menggabungkan dua idea dalam satu kenyataan. Beliau melakukan demikian bagi mengekalkan keaslian ucapan kerana pelajarnya akan menggunakan bahasa Melayu dalam soal selidik terhadap responden mereka kelak.

Contoh lain seperti contoh subjek Z yang menerangkan kepada pelatih tentang kisah Nabi Zakaria dan Saidatina Maryam seperti yang telah dirakamkan dalam al-Quran. Beliau memetik soalan Nabi Zakaria berkenaan daripada mana datangnya makanan Maryam.

Contoh 2 Z: *Lampiran C, Halaman 183*

لأى لك هذقلت هذا من عند الله أن اللهي رزق مفيش اعب غير حساب. قالك دعا زكريا  
رب هق الوبي هبلي مزلدنك ذرية طيبة. لك سمي دعا فقلت هال وهو قئم  
صولي في ل مرحراب أن يلبش ركبي جي ....

Bila Nabi Zakaria pergi tengok Maryam sedang beribadah di Masjidil Aqsa,

**“ Maryam, siapa yang bawa kuskus ni?”**

[                      PETIKAN                      ]

Dalam contoh di atas, subjek Z mengajuk kata-kata Nabi Zakaria terhadap anak saudaranya. Petikan penukaran kod di sini ialah “Maryam, siapa yang bawa kuskus ni?”



yang mewakili ayat Quran daripada Surah Ali Imran: 37 iaitu "قَالَ يَا مَرْيَمُ لِمَ كُنْتِ هَذَا"

Walau bagaimanapun, pensyarah memetik kata-kata tersebut dalam bahasa Melayu untuk menceritakan semula dan membuktikan bahawa apa yang telah dikatakan adalah fakta meskipun perkataan ‘makanan’ ditukar subjek Z dengan ‘kuskus’ yang lazimnya merujuk kepada sejenis makanan yang popular di Utara Afrika. Hakikatnya, ujaran juga boleh diubah suai asalkan tidak lari daripada maksud petikan asal yang hendak disampaikan.

Contoh lain pula seperti pemetikan kata subjek Z dalam ayat di bawah:

Contoh 3 Z: *Lampiran C, Halaman 179*

وكيفيين سب إليه و هو يحمل لشيء؟

“Aku duduk. Kenapa kau kata aku yang tolak kau?” Ini orang persoalkan balik ni.

[ PETIKAN ]

وفاك....

تلكم هو الذي رفع وينصب ويجر ويجزم.. Penutur.

Dalam contoh di atas, subjek Z mengajuk kata-kata seseorang (diibaratkan)

berkenaan penceritaannya mengenai salah satu bahagian tatabahasa Arab. Petikan penukaran kod di sini ialah “Aku duduk. Kenapa kau kata aku yang tolak kau?”. Beliau mengajuk kata-kata tersebut dalam bahasa Melayu bagi tujuan menceritakan semula.

## ii. Spesifikasi penerima

Fungsi penukaran kod kedua yang dikesan dari pengajaran pensyarah ialah spesifikasi penerima. Dalam fungsi ini, penukaran kod berfungsi untuk menunjukan mesej kepada seseorang atau penerima tertentu. Daripada rakaman, dapat dilihat bahawa pensyarah menggunakan spesifikasi penerima dalam bentuk nombor dan nama tempat dengan menyebutnya dalam bahasa Melayu. Dengan berbuat demikian, beliau dapat menunjukan mesejnya kepada kumpulan pelatih tertentu di dalam kelas. Contoh di bawah menggambarkan fungsi penukaran ini.

Dalam contoh di bawah, pensyarah menunjukan mesej kepada *PIC (Person In Charge)* supaya mengumpulkan kertas dengan menyebut nombor semester pelatih dalam bahasa Melayu dengan diikuti namanya juga iaitu Aimi.

Contoh 4 X: *Lampiran A, Halaman 155*

طبيب أعتقد هذلقط. إن شاء الله نوصل ليعي.متى؟ يوم ا بعاء يوم  
للعرظليلبتقيم..

يوم لخي س إن شاء الله.

إذ ان عنكم أسئلة، أتمتصل ولبي طبيب، ا يعن يبع، PIC أجم ع هذلقورقة.  
يعي

ليمي موجودة؟ 6.08,

[SPESIFIKASI PENERIMA]

Angka 6 dalam 6.08 di atas merujuk kepada semester pelatih iaitu semester 6. Manakala angka 8 merujuk kepada kelas. Pengajaran mata pelajaran Asas Penyelidikan ini menggabungkan pelajar semester enam daripada kelas-kelas lain juga. Jika pensyarah

menyebut 6.08, dapatlah difahami oleh semua pelatih bahawa mesej itu hanya ditujukan kepada AJK kelas 8 sahaja dengan memberi fokus kepada seorang pelajar bernama Aimi. (Angka disebut dalam bahasa Melayu).

Contoh 5 Z: *Lampiran C, Halaman 174*

Dalam contoh di bawah, pensyarah menunjukan mesej kepada salah seorang pelajarinya yang berasal dari Sungai Besar, Selangor.

دخل babi من لبابلمسجد.

ظن سباق في مسجدين بجاي بسر.

**Siapa dari Sg. Besar?** Ha, mana?

[SPESIFIKASI PENERIMA]

ط يجيب }

Dalam contoh di atas, pensyarah menceritakan kepada pelajarinya bahawa pernah suatu ketika seekor babi telah memasuki sebuah masjid di Sungai Besar. Beliau kemudian bertukar kod ke dalam bahasa Melayu dengan bertanyakan kepada pelatih siapakah yang berasal daripada tempat tersebut. Dengan berbuat demikian, pensyarah dapat memilih pelajar yang tepat untuk memastikan kesahihan berita tersebut dan pelajar yang dimaksudkan tahu bahawa soalan itu ditujukan khusus kepadanya.

### iii. Interjeksi/Seruan

Interjeksi merupakan satu lagi fungsi penukaran kod yang berperanan untuk menyampaikan perasaan yang kuat atau emosi dalam sesuatu wacana. Walaupun

interjeksi tidak dapat diterjemahkan secara jelas, ia biasanya berfungsi sebagai pengisi ayat (*sentence filler*) seperti yang dinyatakan Gumperz. Dalam bab sebelum ini ada dinyatakan bahawa kata seru merupakan kata yang digunakan dalam ayat sebagai unsur bebas yang mana ia tiada kaitan dengan kata lain dari sudut nahu. Bentuknya tidak dapat dikenal pasti, tetapi boleh digambarkan dalam penggunaannya. Interjeksi bahasa Melayu yang ditukar kod dalam pengajaran pensyarah dalam kajian ini antaranya seperti ‘ya’, ‘kan’, ‘ha’ dan ‘la/lah’ yang agak kerap digunakan. Interjeksi ini secara spontan digunakan oleh pensyarah kebanyakannya untuk menyampaikan perasaan mereka semasa mengajar. Contoh-contoh berikut dapat menggambarkan penggunaan fungsi ini:

Contoh 6 Y: *Lampiran B, Halaman 159*

يا! اذن، نؤجل لى يوم ال جمع عة. طي بللى تقي مل مدة خم سدق طوق ال ع شر ردق طوق. ت طول  
[INTERJEKSI]  
بسرعة.

Subjek Y mengingatkan kepada pelatih supaya jangan mengambil masa yang panjang dalam sesi pembentangan nanti. Beliau memberitahu pelajar supaya membuat pembentangan dalam tempoh 5 hingga ke 10 minit sahaja. Penukaran kod interjeksi dapat dilihat pada perkataan ‘ya’ di atas yang boleh difahami sebagai pengisi ayat. Penggunaan interjeksi ‘kan’ juga dapat dilihat daripada pengajaran subjek X.

Contoh 7 X: Lampiran A, Halaman 144

هذلي عري بي على فطلب مؤليلة في للبحث للنوعى. ثم... من الي عنى  
بعض..م اذا..  
بيت خدمي عري طيق قيتن بأكوي سأل ا... survey, kan... ولسيت خدام ال هاتف.

[INTERJEKSI]

Contoh 8 Z: Lampiran C, Halaman 173

خصائص اللالغ عربية. Ha, ini dia!

[INTERJEKSI]

Dalam kedua-dua contoh di atas, perkataan 'kan' dan 'ha' merupakan interjeksi daripada ucapan subjek X dan Z. Subjek X dalam contoh di atas sedang membawakan contoh kepada pelajarinya tentang seorang pengkaji yang bertanyakan soalan-soalan

tinjauan dengan menggunakan telefon. Subjek Z pula sedang mencari slaid di laptop beliau dan kemudian menemuinya dengan menggunakan interjeksi ‘ha’. Mereka melakukan ini bagi menyatakan emosi masing-masing. Hal yang sama turut berlaku dalam contoh di bawah:

Contoh 9 Z: *Lampiran C, Halaman 179*

م صباح لاخير أو صباح لاخير؟  
ط {ي ج يب}

م لم اذا فعت 'صباح'؟ 'صباح' kata yang ada  
ط {ي ج يب}

م لم اذا نصبت 'الاحاء'؟

تبييل للرأي غيى للرأي. **la** datang Maka

[INTERJEKSI]

Contoh perkataan ‘la’ di atas turut diklasifikasikan sebagai interjeksi dalam ayat “Maka datang **la**. تبييل للرأي غيى للرأي”. Contoh seperti ini lazimnya sangat banyak

berlaku dalam komunikasi seharian rakyat Malaysia termasuklah di bidang pendidikan juga.

#### iv. Pengulangan

Fungsi ini berkait dengan mesej penukaran kod yang mengulangi apa yang baru saja dikatakan secara literal atau dalam bentuk yang telah diubah suai. Pengulangan membantu menjelaskan apa yang dikatakan, memperkuat dan menekankan mesej sama ada berbentuk pengulangan kata, frasa atau pun ayat. Dalam kajian ini, dapat dilihat dalam banyak keadaan pensyarah membuat pengulangan untuk memudahkan pelajar memahami pelajaran yang diajar. Fenomena ini dapat diperhatikan dalam contoh-contoh berikut:

Contoh 10 X: *Lampiran A, Halaman 143*

buku teks	إذا تمكنت خدمون للكتاب..م اذا بك أداة	فإنك لتغير من أدوات أخرى
للحادث ثم		لتلجول الوثائق.
		هيا عنى الوثائق, .dokumen
		[ PENGULANGAN ]
	يغى للبينات.	م ده لوثائقون ستطوع أنن حصل غى للبينات.

Contoh di atas menunjukkan bahawa pensyarah ini mengulangi perkataan “dokumen” dalam bahasa Melayu bagi mewakili perkataan “الوثائق” yang disebut


sebelumnya. Beliau berbuat demikian bagi memperkuat dan menekankan perkataan “الوفاق” supaya pelajarnya lebih memahami apa yang hendak disampaikan.

Contoh 11 Y: *Lampiran B, Halaman 162*

<p>من أيلاق ومولدينا محم صلى لي ه س لم؟ Dari pada mana Nabi kita lahir?</p> <p>[ <i>PENGULANGAN</i> ]</p> <p>ط قريش.</p>
--

Begitu juga dengan contoh oleh subjek Y di atas yang merupakan pengulangan ayat dalam bentuk terjemahan walaupun berlaku sedikit modifikasi. Dalam ayat di atas, pensyarah mengulangi kembali soalan yang telah diajukan kepada pelajarnya iaitu من أيلاق ومولدينا محم صلى الله لعيه س لم؟ dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu iaitu “Dari pada mana Nabi kita lahir?”. Subjek Y tidak menterjemahkan secara langsung perkataan “للقوم” tetapi daripada pengulangan soalan, pelajar faham apa yang dimaksudkan oleh pensyarah.

Contoh 12 Z: *Lampiran C, Halaman 175*





قصة من سورة مريم. هذا الولي الغيّه ا  
كل شي الخ ب ي را. وكلت امرئّه ع ق را.

وهوي ي بن. Dia nak anak.

[ PENGULANGAN ]

Dalam contoh yang diekstrak daripada pengajaran subjek Z juga turut ditemui beliau membuat pengulangan dalam bentuk terjemahan ayat. Beliau menyebut ayat “هو” dengan diikuti oleh alih bahasa ke bahasa Melayu iaitu “Dia nak anak” bagi memberi penegasan kepada apa yang telah diperkatakannya.

#### v. Kecekapan mesej

Fungsi penukaran kod ini digunakan untuk melengkapkan atau menerangkan lebih lanjut kenyataan terdahulu yang dinyatakan oleh penutur. Dengan melakukan demikian, penutur yakin bahawa mesej yang cuba disampaikan kepada pendengar dapat difahami dengan lebih baik. Beberapa ujaran dalam pengajaran menunjukkan bahawa pensyarah menukar kod menggunakan fungsi ini kerana terdapat banyak perkara yang perlu dijelaskan dalam pelajaran yang diajar mereka. Contoh di bawah menggambarkan fungsi ini.

Contoh 13 X: *Lampiran A, Halaman 153*

Subjek X menerangkan tentang frasa “مي” “الصدق لك” semasa menerangkan tentang kesahan dalam penyelidikan.

adalah kesahan kriteria nama dia.

طيب، الصدق لك

**Kesahan kriteria adalah kesahan.. maksudnya, soal selidik yang kita gunakan, yang sebenar dengan kita.. ada satu alat ukur yang lain yang menguji benda yang sama. Bila kita *test* dua-dua, dia mempunyai korelasi yang tinggi. Contohnya kita kaji tentang استرني جي متلعلم.**

[ KECEKAPAN MESEJ ]

Dalam contoh di atas, pensyarah menghuraikan kepada pelatih tentang kesahan kriteria dalam bahasa Melayu sebagai huraian kepada frasa “الصدق لك مي”. Dengan berbuat demikian, subjek X dapat menyampaikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai frasa yang telah diperkatakan sebelumnya. Begitu juga dengan contoh fungsi penukaran kod di bawah:

Contoh 14 Y: *Lampiran B, Halaman 163*

**Arab البائدة ialah bangsa Arab kaum-kaum terdahulu seperti kaum Tsamud yang akhirnya**

[ KECEKAPAN MESEJ ]

يوجد فيهم آثار لتبليخي موشوقا. . Tak ada kesan-kesan sejarah yang pasti.

**Daripada Nabi Adam sampailah kaum Tsamud, hidup mereka dimusnahkan oleh Allah.**

[ KECEKAPAN MESEJ ]

Dalam contoh di atas, subjek Y telah menerangkan tentang Arab “النباية” kepada pelatihnya dengan menyatakan bahawa ia merupakan bangsa Arab kaum-kaum terdahulu seperti kaum Tsamud dengan diselangi oleh fungsi pengulangan di antara keduanya. Kemudian, beliau menyambung penjelasannya dengan mengatakan “Daripada Nabi Adam sampailah kaum Tsamud, hidup mereka dimusnahkan oleh Allah” sebagai maklumat tambahannya.

Fungsi kecekapan mesej ini turut ditemui dalam pengajaran Subjek Z semasa menjelaskan tentang frasa “لغة جزية”.

Contoh 15 Z: Lampiran C, Halaman 186

هيزات وخصائص لعربية. إذ أن هذه ظاهرة قنفقدت في ظلال لغة الحذرية لظها  
تقريباً.

Yang kita kata **لغة جذرية** yang ada unsur asli.

[KECEKAPAN MESEJ]

yang ada asal, tapi boleh dikembang biak. **لغة جذرية**

Macam kita kata “main”, “permainan”, “dimainkan” dan sebagainya.

[ KECEKAPAN MESEJ ]

Dalam contoh di atas, subjek Z telah menerangkan tentang **لغة جذرية** iaitu bahasa yang mempunyai unsur asal tetapi boleh dikembangkan seperti “main”, “permainan”, “dimainkan” dan sebagainya. Dengan penjelasan tambahan dalam bahasa Melayu, penutur yakin bahawa pendengar akan lebih memahami topik yang dibincangkannya.

Contoh berikut juga dapat menggambarkan situasi tersebut:

Contoh 16 Y: *Lampiran B, Halaman 164*

orang yang mengeji sampai habis-habis. **بالحديث** Bahasanya sampai terduduklah.

[ KECEKAPAN MESEJ ]

Dalam contoh di atas, subjek Y beralih kod daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu bagi merungkaikan maksud kosa kata iaitu ‘المقذع’ yang telah disebut olehnya sebelum itu. Penjelasan lanjutan seperti ini sudah tentunya dapat memberi input yang lebih baik terhadap para pelajarnya.

#### vi. Keperibadian lawan keobjektifan

Fungsi terakhir seperti yang dikemukakan oleh Gumperz ialah keperibadian lawan keobjektifan. Ia digunakan oleh penutur untuk membezakan antara fakta dan pendapat dalam pengajaran. Dengan kata lain, ia digunakan untuk menggambarkan pendapat, perasaan atau pengetahuan peribadi penutur tentang sesuatu.

Dalam kajian ini, contoh penukaran kod pensyarah di bawah menunjukkan fungsi ini yang berlaku apabila mereka mahu menyuarakan pendapat berkenaan pelajaran atau perkara-perkara di luar konteks kelas.

Contoh 17 X: *Lampiran A, Halaman 154*

Tapi yang biasa digunakan adalah **لصدق لظ امري والصدق لامضوي**.

**Peringkat أمّني ustazah rasa dua ni pun dah cukup.**

Fungsi penukaran kod keperibadian lawan keobjektifan dapat dilihat apabila pensyarah menyatakan pendapatnya dalam ayat: “Peringkat **لتم** ni ustazah rasa dua ni pun dah cukup.” Subjek X menyatakan pendapat peribadinya kepada para pelajar bahawa adalah memadai jika mereka dapat mengaplikasikan kesahan muka dan kesahan kandungan dalam kajian mereka di peringkat sarjana muda.

Sebagai tambahan kepada fungsi perbualan Gumperz, temu bual yang dilakukan ke atas pensyarah juga membantu menambah fungsi-fungsi lain yang berlaku di dalam kelas. Soalan temu bual boleh dilihat di bahagian lampiran (Lampiran D). Soalan-soalan yang diajukan berkisar tentang masa, fungsi, pengaruh, kesesuaian penukaran kod dan alasan mereka menggunakannya di dalam pengajaran. Walaupun pensyarah tidak secara langsung menyatakan fungsi penukaran kod mereka, beberapa kesimpulan dapat diambil daripada contoh penukaran kod yang dikesan dalam pengajaran di kelas. Ini disebabkan oleh fakta bahawa penukaran kod itu berlaku secara tanpa disedari. Dengan itu, pensyarah mungkin tidak sedar bahawa mereka sebenarnya telah menukar kod semasa mengajar.

Boleh juga dikatakan bahawa pembahagian fungsi perbualan Gumperz berasaskan kepada bentuk penukaran kod. Sementara fungsi yang dinyatakan pensyarah dalam temu bual lebih merujuk kepada sebab atau alasan umum mereka menukar kod.

Berikut merupakan lima sebab lain yang dikesan daripada temu bual dengan pensyarah dan juga berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap pengajaran mereka yang diekstrak daripada transkripsi:

1. Menggalakkan respons

2. Memudahkan kefahaman \*
3. Menyindir
4. Mengejar masa
5. Mewujudkan unsur kecindan

Bagi sebab kedua iaitu memudahkan kefahaman (\*), ia merupakan gabungan daripada temu bual bersama para pensyarah yang menyebutnya sebagai ‘mendekatkan maksud yang ada dalam sesuatu pelajaran’ dan ‘memudahkan kefahaman pelatih’. Ada juga pensyarah yang menyebutnya dengan ayat ‘untuk menguasai fakta dengan lebih baik’. Pada dasarnya, semua ini bertujuan untuk memudahkan kefahaman para pelatih mereka. Justeru pengkaji menggabungkannya di bawah satu sebab iaitu bagi ‘memudahkan kefahaman’.

Semua fungsi yang disebutkan di atas disokong oleh contoh penukaran kod dalam pengajaran pensyarah yang direkodkan dalam tiga subjek berasingan. Transkripsi pengajaran para pensyarah ini disertakan dalam Lampiran A, B dan C.

#### **4.2.2 Sebab-sebab lain penukaran kod pensyarah**

Selain daripada enam fungsi perbualan yang dicadangkan oleh Gumperz di atas, pengkaji turut menemu bual pensyarah-pensyarah terlibat selepas sesi rakaman audio bagi melihat pandangan mereka mengenai fungsi penukaran kod mereka. Walaupun pensyarah memberikan sebab tidak langsung terhadap penukaran kod mereka, fungsi penukaran dapat dikenal pasti daripada contoh-contoh pengajaran mereka.

Terdapat lima sebab lain yang boleh ditambah selain daripada 6 fungsi Gumperz di atas. Sebab ini disokong oleh contoh-contoh penukaran kod dalam pengajaran yang

dirakam. Dapatan daripada temu bual mendapati bahawa pensyarah menukar kod daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu ketika pengajaran bagi menggalakkan respons dan memudahkan kefahaman. Selain itu, pengkaji turut mengesan 3 sebab lain yang mendorong pensyarah untuk menukar kod iaitu bagi menyindir, mengejar masa dan mewujudkan unsur kecondan.

**i. Menggalakkan respons**

Sering ditemui daripada data kajian, pensyarah menukar kod ke bahasa Melayu bagi tujuan menggalakkan respons atau menagih jawapan daripada pelajarinya. Contoh berikut dapat menggambarkan situasi tersebut:

Contoh 18 Z: *Lampiran C, Halaman 181*

فإذني طيفة تسمى بجملة اسمية. إذن أضح انسان بمتدا. ولكنكم  
فلن ان اليتد بد ان يكونم رفوع.  
فلماذا ا ففصوب؟

Ha..salah ke? Betul ke ؟ أو ا رضن؟

[ MENGGALAKKAN RESPONS ]



ط ي يجب)

Dalam contoh di atas, subjek Z beralih kod daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dalam kata-katanya iaitu ‘salah ke? betul ke?’ semasa meminta pelajar memilih perkataan manakah yang baris akhirnya betul sama ada رَضَ ا atau pun اُ . Beliau menukar kod ke bahasa lain bagi mendapatkan jawapan atau menagih respons daripada pelajarinya.

Contoh lain bagi fungsi ini juga dapat diperhatikan dalam ujaran berikut:

Contoh 19 Y: *Lampiran B, Halaman 167*

من أين لظمة غويين ومن أين لظمة زيروين؟

ط ي يجب)

م شريح علوي..? **Betul, tapi daripada mana dia ambil kalimah tu?**

[ *MENGGALAKKAN RESPONS* ]

ط غوي

Ayat “Betul, tapi daripada mana dia ambil kalimah tu?” turut ditukar kod ke dalam bahasa Melayu oleh pensyarah untuk menggalakkan pelajar memberi respons terhadap soalan yang diajukan sebelumnya.

**ii. Memudahkan kefahaman pelajar**

Subjek X pula memberikan komentar berkenaan sebab beliau menukar kod semasa pengajarannya adalah bagi memudahkan kefahaman pelajar. Misal bagi sebab ini dapat dilihat dalam ayat yang disebut beliau iaitu:

Contoh 20 X: *Lampiran A, Halaman 144*

يحيى ا جبة إمانث ن عم أو ن عم أو . هذالك مي ن أنخ راسوفن حول هذه  
للحيل ات لى لى لمي ا ر غم أن ن ن ت خ دم هذلك مقبلية.

Walaupun soalan itu شويا.. مقبلية tapi akhirnya kita akan tukar jadi juga.  
**Daripada jawapan ya atau pun tidak, kita akan masukkan dalam komputer.**  
**Contohnya, Ya-1, Tidak -0. Jadi, 1-0, 1-0, nanti dia inilah boleh buat pengiraan. Ha,**  
macam tu..

[ MEMUDAHKAN KEFAHAMAN ]

Dalam ayat di atas, pensyarah telah menukar kod ke dalam bahasa Melayu bagi memudahkan pelatuhnya faham apa yang cuba disampaikan olehnya berkenaan temu bual yang akan dijalankan mereka kelak.

Selain daripada sebab-sebab penukaran kod yang dinyatakan oleh pensyarah, pengkaji turut mengesan 3 sebab lain yang menyebabkan mereka menukar kod. Sebab penukaran kod tersebut adalah bagi tujuan menyindir, mengejar masa dan mewujudkan unsur kecondan.

### iii. Menyindir

Sindiran di sini bagi mengatai orang tidak dengan terus terang atau kiasan.

Contoh 21 Z: *Lampiran C, Halaman 177*

اب موجود في اللغتين فقط لمتوج في أي لغة أخرى. إعراب

مترجم فروع، خصوب، مجرور.

ففيك ون في... إن اللغتين إذا جاءت في نصيب في الجملة كإن فروع أو خصوب.

{ دخل لطل، لصل فجة }

لأت tersesat jalan ke apa?

Dalam contoh di atas, semasa subjek Z sedang mengajar dalam tempoh lebih kurang 20 minit, seorang pelajar lelaki secara tiba-tiba masuk ke dalam kelas. Secara spontan beliau telah menukar kod ke dalam bahasa Melayu bagi menyindir pelajar terbabit yang hadir lewat ke kelas. Ini boleh dilihat dalam pertanyaannya iaitu: tersesat jalan ke apa? أنت

#### iv. Mengejar masa

Fungsi ini dapat dikesan daripada ujaran subjek X seperti di bawah:

Contoh 22 X: *Lampiran A, Halaman 152*

Baik, فاك أنواع للصدق وأنش مره هي أبعه فا:

الصدق لظاهري، الصدق لمخوي، الصدق لال مي، الصدق لالبأ.

**Secara ringkas dalam bahasa Melayu la ya. Sebab nak cepat.**

[ MENGEJAR MASA ]

Dalam contoh subjek X di atas, beliau menggunakan penukaran kod kerana kesuntukan waktu untuk mengajar. Dalam kata lain, beliau memberi huraian menggunakan bahasa Melayu di penghujung-penghujung pengajarannya demi untuk mengejar waktu yang hampir tamat sedangkan ada lagi perkara lain yang hendak beliau sampaikan. Penukaran kod ke dalam bahasa Melayu dapat dilihat apabila pensyarah

menuturkan kata-kata “Secara ringkas dalam bahasa Melayu la ya. Sebab nak cepat” yang kemudiannya diikuti dengan penjelasan dalam bahasa Melayu.

v. **Mewujudkan unsur kecindan**

Sebab penukaran kod ke dalam bahasa Melayu bagi tujuan mewujudkan unsur kecindan atau jenaka turut ditemui daripada rakaman pengajaran pensyarah. Fenomena ini dapat dilihat dalam contoh-contoh di bawah yang menimbulkan tawa dalam kalangan pelajarinya.

Contoh 23 Z: *Lampiran C, Halaman 174*

Babi tu م bendang padi.	م	
<b>Dia boleh menyondol, melompat, berenang, semua dia boleh. Menghendap pun dia boleh.</b>		
[	KECINDAN	]
	ط	بعض حكون

Dapat diperhatikan unsur kecindan berlaku dalam bahasa Melayu bila pensyarah menyatakan sifat-sifat bagi seekor babi dalam kata kerja yang digunakan walaupun ada antaranya yang tidak relevan bagi haiwan berkenaan seperti menghendap. Unsur ini penting dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran supaya tekanan pelajar dapat dikurangkan lebih-lebih lagi ketika pengajaran topik-topik yang sukar untuk dikuasai.

Kesimpulannya, semua fungsi yang disenaraikan membuktikan bahawa penukaran kod berlaku atas sebab-sebab tertentu dan boleh bertindak sebagai alat atau medium untuk memudahkan pembelajaran di samping memenuhi keperluan sosial dalam kelas.

#### **4.3 Persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah di dalam kelas**

Persepsi boleh didefinisikan sebagai pandangan, tanggapan, gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran tentang sesuatu (Kamus Dewan: 1193). Dalam kajian ini, persepsi adalah berkaitan dengan kesedaran dan pemahaman para pelatih mengenai penukaran kod pensyarah mereka di dalam kelas. Pengetahuan tentang persepsi pelatih adalah penting kerana pengkaji ingin mengenal pasti sama ada penukaran kod boleh menjadi salah satu medium yang berguna bagi mempelajari bahasa Arab dan sama ada ia boleh memberi manfaat kepada pelajar khususnya pelajar yang agak lemah.

Persepsi pelatih dianalisis melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada mereka apabila selesai rakaman audio dan temubual dengan pensyarah. Soal selidik telah diadaptasi daripada Schweers (1999: 6), Burden (2001: 4), Tang (2002: 40) dan Ernie (2010: 125) yang melakukan kajian terhadap persepsi guru dan pelajar mengenai penukaran kod di dalam bilik darjah. Soal selidik mereka itu telah diubahsuai kepada 5 soalan disertai dengan empat pilihan jawapan mengikut kaedah skala Likert (Soal selidik disertakan dalam Lampiran D). Di sana, empat pilihan jawapan terdiri daripada tindak balas yang paling negatif kepada tindak balas yang paling positif telah disediakan. Soalan-soalan yang diajukan berkisar tentang minat pelatih dalam pembelajaran bahasa Arab dan pendapat mereka terhadap penukaran kod pensyarah mereka di dalam kelas. Maklum balas tersebut kemudian dianalisis dan diilustrasikan dalam Jadual 1 dan rajah-rajah di

bawah. Seramai empat puluh sembilan orang pelatih telah mengambil bahagian dalam kaji selidik dan jawapan mereka adalah seperti jadual berikut.

**Jadual 2**

**Respons pelatih terhadap penukaran kod pensyarah dalam kelas bahasa Arab**

No.	Pernyataan	Bilangan Responden				
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jum
1	Saya suka mempelajari bahasa Arab.	0 (-)	0 (-)	11 (22%)	38 (78%)	49
2	Saya dapat memahami pelajaran bahasa Arab dengan baik.	0 (-)	0 (-)	43 (88%)	6 (12%)	49
3	Saya dapat memahami bahasa Arab dengan lebih baik apabila pensyarah menggunakan bahasa Melayu di tempat-tempat yang sukar semasa pembelajaran.	0 (-)	1 (2%)	12 (25%)	36 (73%)	49
4	Saya rasa bahasa Arab menjadi lebih menarik apabila pensyarah mengajar menggunakan bahasa Melayu.	1 (2%)	16 (33%)	15 (30%)	17 (35%)	49

5	Saya dapat meningkatkan bahasa Arab saya apabila pensyarah menggunakan bahasa Melayu untuk mengajar bahasa Arab.	5 (10%)	13 (27%)	14 (29%)	17 (35%)	49
---	--	------------	-------------	-------------	-------------	----

Jadual 2 menunjukkan maklum balas yang dikumpul daripada soal selidik yang diedarkan kepada pelatih. Pernyataan yang diajukan adalah seperti berikut:

1. Saya suka mempelajari bahasa Arab.
2. Saya dapat memahami pelajaran bahasa Arab dengan baik.
3. Saya dapat memahami bahasa Arab dengan lebih baik apabila pensyarah menggunakan bahasa Melayu di tempat-tempat yang sukar semasa pembelajaran.
4. Saya rasa bahasa Arab menjadi lebih menarik apabila pensyarah mengajar menggunakan bahasa Melayu.
5. Saya dapat meningkatkan bahasa Arab saya apabila pensyarah menggunakan bahasa Melayu untuk mengajar bahasa Arab.

Apabila ditanya mengenai minat mereka dalam mempelajari bahasa Arab, 78% menyatakan bahawa mereka sangat suka mempelajari bahasa Arab. 22% selebihnya pula setuju dengan pernyataan tersebut.

Soalan 2 hingga soalan 5 pula memaparkan pandangan pelatih tentang fenomena penukaran kod dalam kelas bahasa Arab mereka. Ramai pelatih dapat memahami pelajaran yang diajar oleh pensyarah mereka. Hal ini didasarkan pada peratusan yang besar (88%) yang menyatakan bahawa mereka dapat memahami pelajaran itu dengan baik. Antara sebab yang menyumbang mereka untuk memahami pelajaran ini adalah amalan mempraktikkan penukaran kod oleh pensyarah mereka semasa pengajaran. Sebab ini disokong oleh maklum balas daripada para pelatih yang mana 73% daripada



mereka sangat bersetuju dengan mengatakan mereka dapat memahami bahasa Arab dengan lebih baik apabila pensyarah menukar kod dari bahasa Arab ke bahasa Melayu di tempat-tempat yang sukar semasa pembelajaran. Hanya 2% daripada mereka yang tidak bersetuju bagi pernyataan ini.

Di samping itu, 35% pelatih sangat bersetuju bahawa pembelajaran bahasa Arab menjadi lebih menarik bila pensyarah menggunakan bahasa Melayu untuk mengajar bahasa Arab. Ini diikuti dengan 30% berada di tahap setuju bagi soalan keempat tersebut. Tidak bersetuju diwakili oleh 33% dan sangat tidak bersetuju diwakili oleh 2% bagi pernyataan ini.

Bagi soalan kelima, 35% daripada responden sangat bersetuju bahawa mereka dapat meningkatkan kecekapan bahasa Arab bila pensyarah menggunakan bahasa Melayu untuk mengajar bahasa Arab di samping 29% mewakili setuju. 27% tidak bersetuju dengan pernyataan ini manakala 10% selebihnya sangat tidak bersetuju. Hal ini mungkin kerana sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa sukar untuk maju dalam bahasa Arab jika pensyarah hanya menggunakan bahasa Melayu semasa pengajaran. Maklum balas positif dan negatif ini membawa kepada kesimpulan bahawa majoriti pelatih melihat penukaran kod sebagai alat atau medium yang berguna dalam membantu mereka mempelajari bahasa dengan lebih baik lagi.

#### **4.4 Kesimpulan**

Bab ini membincangkan data yang dikumpul melalui rakaman audio daripada pengajaran pensyarah dalam pelajaran bahasa Arab, temubual yang dilakukan dengan pensyarah dan satu set soal selidik yang diedarkan kepada pelatih. Dengan menggunakan

instrumen terbabit, pengkaji berjaya menerangkan pola linguistik penukaran kod pensyarah, mengkaji fungsi penukaran kod mereka dan menganalisis persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah mereka di dalam kelas.

Bagi soalan kajian pertama, pola linguistik penukaran kod pada peringkat perkataan kelihatan jelas diaplikasikan oleh ketiga-tiga subjek kajian dalam pengajaran mereka. Ini membuktikan bahawa pensyarah menggunakan penukaran kod daripada pelbagai golongan kata yang telah dibincangkan kecuali bagi kata kerja oleh subjek X dan kata adjektif bagi subjek Y dan Z yang tidak digunakan oleh mereka. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa pensyarah menggunakan penukaran kod pada tahap perkataan semasa pengajaran mereka terhadap para pelatih IPG. Bukan itu sahaja, malah daripada contoh-contoh yang diekstrak daripada pengajaran pensyarah, mereka telah membuat penukaran kod menggunakan pelbagai jenis frasa termasuklah frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama. Ini menunjukkan bahawa di samping penemuan penukaran kod pada tahap perkataan, para pensyarah juga dilihat menukar kod pada tahap frasa dalam pengajaran mereka. Mereka juga dilihat telah menggunakan kedua-dua jenis ayat (*intra-sentential dan inter-sentential*) dalam penukaran kod semasa pengajaran mereka.

Soalan kajian kedua berkenaan fungsi penukaran kod pula telah mengekstrak contoh-contoh fungsi berdasarkan fungsi perbualan yang dinyatakan oleh Gumperz di samping tambahan fungsi daripada temu bual pensyarah dan yang ditemui oleh pengkaji. Semua fungsi yang disenaraikan membuktikan bahawa penukaran kod berlaku atas sebab-sebab tertentu dan boleh bertindak sebagai alat atau medium untuk memudahkan pembelajaran di samping memenuhi keperluan sosial dalam kelas.

Pada bahagian soalan kajian ketiga dalam bab ini pula menerangkan tentang persepsi pelatih terhadap penukaran kod yang dilakukan pensyarah mereka semasa kelas

berlangsung. Pendek kata, majoriti pelatih IPG melihat penukaran kod sebagai alat atau medium yang berguna dalam membantu mereka mempelajari bahasa dengan lebih baik lagi.

Universiti Malaya

## BAB V

### RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pendahuluan

Bab ini merumuskan penemuan yang dikemukakan dalam bab empat. Beberapa kesimpulan dibuat berdasarkan penemuan yang berkaitan dengan soalan kajian dalam penyelidikan. Dalam kajian ini, terdapat tiga persoalan kajian yang perlu dijawab. Pertama adalah mengenai pola linguistik penukaran kod pensyarah. Kedua adalah berkaitan fungsi penggunaan kod mereka dan yang ketiga adalah persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah di dalam kelas. Bahagian terakhir bab ini mempertimbangkan implikasi kajian dan beberapa cadangan yang disarankan bagi mereka yang berhasrat untuk menjalankan penyelidikan seperti ini pada masa akan datang.

#### 5.1 Rumusan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menjawab tiga persoalan kajian mengenai penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab. Penemuan yang dikumpul daripada kajian telah memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai fenomena ini.

##### **5.1.1 RQ 1: Apakah pola linguistik penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG?**

Daripada data yang dikumpulkan, dapat dilihat dengan jelas bahawa pensyarah mengikut pola linguistik tertentu ketika mereka menukar kod dari bahasa Arab ke bahasa Melayu semasa pengajaran berlangsung. Pola linguistik melibatkan dua jenis penukaran kod yang dicadangkan oleh Scotton dalam model *Matrix Language Frame* (1993).

Kedua-dua jenis penukaran ini adalah penukaran kod dalam ayat (intra sentential) dan penukaran kod antara ayat (inter-sentential). Penukaran kod dalam ayat melibatkan dua tahap penukaran kod iaitu tahap kata dan tahap frasa. Dalam kajian ini penukaran kod pada tahap kata atau perkataan dijelaskan dengan melihat pelbagai kelas kata seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Sementara itu penukaran kod pada peringkat frasa merangkumi penukaran kod frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama.

Sejenis lagi penukaran kod ialah penukaran kod antara ayat yang mana melibatkan penukaran kod pada peringkat ayat atau sempadan ayat. Penukaran kod pada peringkat ayat diperhatikan dengan melihat pelbagai struktur ayat yang merangkumi ayat tunggal dan ayat majmuk.

Daripada pengajaran pensyarah, dapat disimpulkan bahawa mereka menggunakan penukaran kod pada tahap intra dan inter-sentential. Pada peringkat perkataan, pensyarah menukar kod sebahagian besar kelas kata yang melibatkan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas. Mereka melakukan demikian kebanyakannya untuk perkataan yang tidak biasa didengari yang mungkin mereka fikirkan sukar difahami oleh pelatih.

Di samping itu, dapat dibuktikan bahawa pensyarah juga menukar kod pelbagai jenis frasa seperti frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dalam pengajaran mereka. Selain itu, penukaran kod berlaku pada peringkat ayat yang mana pensyarah secara sederhana menukar ayat bahasa Arab ke bahasa Melayu. Penukaran ini boleh dilihat dengan jelas dari contoh yang diambil dari pengajaran pensyarah semasa mengajar para pelatih.

Daripada keterangan di atas, dapat dirumuskan bahawa pensyarah menggunakan penukaran kod mengikut penukaran kod dalam ayat (intra-sentential) dan penukaran

antara ayat (inter-sentential) seperti yang dicadangkan dalam kerangka yang diperkenalkan sebelumnya oleh Scotton (1993). Pada tahap intrasentential, penukaran kod berlaku pada dua tahap penukaran kod; tahap kata dan tahap frasa. Manakala pada peringkat antara ayat, penukaran kod berlaku pada peringkat ayat atau sempadan ayat. Pola linguistik juga menyokong tanggapan mengenai bahasa orang Asia yang mempunyai kemampuan untuk bertukar kod pada tahap apa pun seperti yang disebutkan sebelumnya oleh Southworth (1980: 140).

### **5.1.2 RQ 2: Apakah fungsi penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG?**

Daripada data yang dianalisis, dapat disimpulkan bahawa penukaran kod pensyarah semasa pengajaran bahasa Arab berfungsi untuk tujuan pedagogi dan sosial. Terdapat 6 fungsi penukaran kod pensyarah yang sesuai dengan fungsi perbualan yang dikemukakan Gumperz (1982). Selain itu, terdapat 5 fungsi lain yang telah ditambahkan ke dalam senarai Gumperz tersebut. 5 fungsi ini sangat disokong dengan contoh penukaran kod yang diekstrak dari pengajaran pensyarah terlibat.

Fungsi pertama penukaran kod pensyarah adalah untuk mengulangi topik dibincangkan semasa pelajaran. Menurut Gumperz (1982), fungsi ini berfungsi untuk menterjemahkan atau mengulang perkataan, frasa atau ayat untuk pemahaman yang lebih baik bagi pendengar. Sebabnya jelas kerana dalam kelas bahasa, pensyarah harus menekankan semula banyak item kepada pelatih untuk menjadikan mereka memahami pelajaran dengan lebih baik. Oleh itu, menjadi suatu kelaziman bagi mereka untuk

menukar kod ke bahasa Melayu, bahasa yang biasa dan selesa digunakan oleh pelatih mereka demi memastikan pemahaman pelatih terhadap pelajaran.

Kecekapan mesej adalah fungsi lain bagi pensyarah menukar kod di kelas. Fungsi ini digunakan untuk menghuraikan atau memenuhi syarat mesej yang cuba disampaikan oleh pensyarah dalam menyampaikan pelajaran seperti yang disarankan oleh Gumperz dalam senarai fungsi perbualannya. Fungsi ini berbeza dari pengulangan yang mana mesej penukaran kod digunakan untuk menghuraikan lebih lanjut mengenai masalah ini semasa pelajaran. Di kelas bahasa, adalah perkara biasa bagi pensyarah untuk menghuraikan permasalahan yang dibincangkan di dalam kelas. Seorang pensyarah menggunakan banyak ilustrasi dan contoh untuk menghuraikan topik dan isu tertentu untuk meningkatkan kefahaman pelajar dan memberi gambaran yang lebih jelas mengenai pelajaran. Dalam kajian ini, pensyarah melakukan ilustrasi dan penjelasan dalam bahasa Melayu dengan alasan yang dinyatakan sebelumnya.

Antara fungsi lain pensyarah menukar kod ketika pengajaran juga adalah bagi memetik ucapan seseorang, interjeksi/ seruan, merujuk kepada penerima tertentu dan bagi tujuan keperibadian lawan keobjektifan. Pensyarah cenderung untuk bertukar kod ke bahasa Melayu apabila memetik ucapan seseorang untuk mengekalkan keaslian ucapan atau dalam kata lain dengan berbuat demikian sesuatu maklumat lebih mudah diterima dan dipercayai oleh pelatih mereka. Terdapat juga pensyarah yang memasukkan interjeksi bahasa Melayu seperti 'ha' dan 'ya' yang biasanya digunakan bagi menggambarkan perasaan yang kuat atau emosi tentang isu yang dibincangkan dalam pembelajaran. Selain itu, ada juga pensyarah yang menggunakan penukaran kod bagi tujuan spesifikasi penerima iaitu bagi merujuk kepada pelajar tertentu. Pengkaji turut mengesan satu-satunya fungsi keperibadian lawan keobjektifan dalam pengajaran subjek X.

Sebab lain mengapa pensyarah menukar kod semasa pelajaran adalah disebabkan untuk menggalakkan respons dan memudahkan kefahaman. Selain itu, pengkaji turut mengesan tiga sebab lain yang mendorong pensyarah untuk menukar kod iaitu untuk menyindir, mengejar masa dan mewujudkan unsur kecindan. Semua sebab ini disokong oleh contoh penukaran kod terpilih yang diekstrak daripada pengajaran pensyarah terbabit.

Pensyarah cenderung menukar kod ke bahasa Melayu ketika mereka ingin menggalakkan respons atau mendapatkan jawapan daripada para pelatih mereka. Mereka berbuat demikian supaya pelatih lebih cepat memberi tindak balas terhadap apa yang diutarakan mereka kerana mereka akan dapat memahaminya dengan berkesan.

Dalam beberapa keadaan, pensyarah menukar kod ke bahasa Melayu ketika menyindir pelajarannya. Perkara ini berlaku secara spontan. Terdapat juga pensyarah yang menukar kod ke bahasa Melayu bagi tujuan mengejar masa. Hal ini berlaku disebabkan kerana kesuntukan waktu dan memanfaatkan waktu yang berbaki yang mengikut pertimbangannya dengan menggunakan bahasa ibunda maklumat akan lebih mudah dicerna oleh para pelatihnya. Terdapat juga pensyarah yang menukar kod ke bahasa Melayu untuk mewujudkan unsur kecindan ataupun situasi lucu. Hal ini dapat membuatkan pelajar berasa lebih selesa dengannya dan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih bermakna.

Sebilangan besar fungsi ini adalah fungsi pedagogi dan selebihnya adalah fungsi sosial seperti menggalakkan respons, untuk menyindir, mengejar masa dan mewujudkan unsur kecindan.

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa niat utama penukaran kod pensyarah di kelas adalah untuk memudahkan proses pembelajaran. Walaupun begitu, pensyarah juga



berusaha membina hubungan yang lebih baik dengan pelajar melalui penukaran kod (misalnya dalam situasi mewujudkan unsur kecindan) supaya mereka merasa lebih selesa berada di kelasnya dan lebih berminat untuk belajar bahasa.

Pendek kata, keenam- enam fungsi perbualan Gumperz ditemui dalam kajian ini iaitu fungsi pengulangan, kecekapan mesej, memetik ucapan seseorang, interjeksi/ seruan, merujuk kepada penerima tertentu dan bagi tujuan keperibadian lawan keobjektifan. Selain itu, 5 sebab lain yang ditambah bagi soalan kajian kedua ini ialah untuk menggalakkan respons dan memudahkan kefahaman seperti yang dinyatakan oleh pensyarah dalam temubual bersama mereka. Manakala sebab menyindir, mengejar masa dan mewujudkan unsur kecindan merupakan faktor penukaran kod yang dikenal pasti pengkaji dalam kajian ini.

### **5.1.3 RQ 3: Bagaimanakah persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab di IPG?**

Daripada soal selidik yang diedarkan kepada pelatih, didapati bahawa mereka memberi tindak balas positif terhadap penukaran kod pensyarah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Jawapan daripada soal selidik menunjukkan bahawa pelatih mempunyai pandangan positif mengenai minat mempelajari bahasa Arab di IPG yang mana 78% menyatakan bahawa mereka sangat suka mempelajari bahasa Arab. Di samping itu, mereka bersetuju bahawa penukaran kod adalah salah satu cara yang membuatkan mereka memahami pelajaran dengan lebih baik. Menurut mereka, penukaran kod juga membantu mereka belajar bahasa dengan lebih pantas dan berkesan. Sebilangan besar dari mereka juga berpendapat bahawa penukaran kod dapat menjadikan pelajaran lebih menarik. Daripada semua tanggapan di atas, dapat disimpulkan bahawa

pelajar mempunyai sikap yang sangat positif terhadap penukaran kod para pensyarah semasa pengajaran dan bersetuju bahawa penukaran kod dapat berfungsi sebagai alat untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran bahasa yang lebih baik dan berkesan.

## **5.2 Implikasi dapatan**

Hasil kajian menunjukkan bahawa penukaran kod tidak berlaku secara rawak dan ianya bermakna seperti yang disarankan oleh hampir semua penyelidik sebelumnya dalam bidang yang serupa. Sama seperti latar lain, penukaran kod di kelas Bahasa Arab juga dapat dikaji berdasarkan aspek linguistik dan sosiolinguistik. Dari perspektif linguistik, boleh disimpulkan bahawa penukaran kod pensyarah ditentukan oleh peraturan tertentu yang melibatkan kategori khusus seperti yang disarankan oleh Scotton (1993) iaitu penukaran kod intra-sentensial dan intersentensial. Kajian yang lebih bermakna tentang penukaran kod yang berdasarkan perspektif sosiolinguistik mendedahkan beberapa kesimpulan penting mengenai penukaran kod pensyarah di dalam kelas Bahasa Arab. 6 fungsi penukaran kod dikesan daripada pengajaran pensyarah sesuai dengan senarai fungsi perbualan sebagaimana yang dicadangkan oleh Gumperz (1982). Selain itu, terdapat 5 motivasi penukaran kod lain yang juga berjaya diperhatikan daripada pengajaran mereka. Dapat disimpulkan bahawa 11 fungsi ini mempunyai dua fungsi penting iaitu tujuan pedagogi dan sosial. Tetapi yang paling penting, para pelatih dalam kajian ini berpendapat bahawa penukaran kod pensyarah dalam kelas bahasa Arab merupakan alat yang sangat berguna dan berkesan dalam membantu mereka untuk memperbaiki bahasa mereka. Oleh itu, penukaran kod kepada sesuatu yang masih wujud boleh menjadi bantuan bagi meningkatkan penguasaan pelatih dalam kelas bahasa Arab terutamanya dalam kalangan pelatih lemah walaupun mungkin ada yang tidak bersetuju.

### **5.3 Cadangan untuk penyelidikan akan datang**

Kajian ini cuba menerangkan pola linguistik dan fungsi-fungsi penukaran kod pensyarah di dalam kelas bahasa Arab serta persepsi pelatih terhadap penukaran kod pensyarah mereka di dalam kelas. Antara kajian lanjut yang boleh dijalankan ialah mengkaji kesan penukaran kod berhubung dengan pencapaian pelajar di dalam kelas Bahasa Arab. Dengan menyiasat lebih mendalam mengenai kesan penukaran kod, para penyelidik mungkin dapat memahami dengan lebih baik mengenai kebaikan penukaran kod di dalam kelas dan keberkesanan penukaran kod apabila digunakan sebagai salah satu alat untuk mempermudah proses pembelajaran bahasa kedua. Selain itu, penyelidikan juga boleh dijalankan dengan lebih banyak sampel di kelas Bahasa Arab daripada pelbagai institusi pembelajaran dan bukannya IPG sahaja untuk pemahaman yang lebih baik dan keputusan yang boleh dipercayai tentang fenomena linguistik ini.

## RUJUKAN

Kamus Dewan. (2005) (5th ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*al-Qur'anul Kareem & terjemahannya.* (2012). Kuala Lumpur.

Oxford English-English-Malay dictionary. (2015) (3rd ed.). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Abalhassan, K. M., & Alshalawi, H. G. (2000). Code-switching behavior of Arab speakers of English as a second language in the United States. *Intercultural communication studies*, 10(1), 179-188.

Abu Abdullah Hanafi Dollah. (Ed.) (2006) Kamus al-Khalil edisi pelajar. Gombak: Galeri Perkamusan al-Khalil.

Alhazmi, A. (2016). Linguistic aspects of Arabic-English code switching on Facebook and radio in Australia. *International journal of applied linguistics and English literature*, 5(3), 184-198.

Alhourani, A. Q. (2018). Code switching as a communicative strategy for the bilingual Saudi speakers at Jouf University. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation*, 1(4), 63-72.

Al-Hourani, A. Q. M. (2016). *The use code switching between Arabic and English languages among bilingual Jordanian speakers in Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.

Almuhayya, A. H. A. (2015). *The use of educational code-switching in Saudi university EFL classrooms: A case study*: Southern Illinois University at Carbondale.

Alsamhan, N. S., & Almutrafi, F. (2022). Codeswitching in Online Written Communication among Arabic English Bilinguals: A Sociolinguistic Perspective. *International journal of applied linguistics and English literature*, 11(2), 79-90.

Azlan, N. M. N. I., & Narasuman, S. (2013). The role of code-switching as a communicative tool in an ESL teacher education classroom. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 90, 458-467.

Bailey, B. (2000). Social/interactional functions of code switching among Dominican Americans. *Pragmatics*, 10(2), 165-193.

Burden, P. (2001). When do native English speaking teachers and Japanese college students disagree about the use of Japanese in the English conversation classroom. *The Language Teacher*, 25(4), 5-9.

Cath, A., & McLellan, J. (1993). *Right. Let's do some ah, mm, speaking: Patterns of classroom interaction in Brunei Darussalam*. Paper presented at the BAAL Seminar on Bilingual Classroom Discourse.

Cheng, T. P. (2013). Codeswitching and participant orientations in a Chinese as a foreign language classroom. *The Modern Language Journal*, 97(4), 869-886.

Cook, V. (2001). Using the first language in the classroom. *Canadian modern language review*, 57(3), 402-423.

Davies, E. E., & Bentahila, A. (2012). Language attitudes in the Maghreb countries of northwest Africa. *The social meanings of language, dialect and accent: International perspectives on speech styles*, 84-104.

Eldin, A. A. T. S. (2014). Socio linguistic study of code switching of the Arabic language speakers on social networking. *International journal of English linguistics*, 4(6), 78.

Eldridge, J. (1996). Code-switching in a Turkish secondary school. *ELT journal*, 50(4), 303-311.

Ernie Adnan. (2011). *Teacher codeswitching in an ESL classroom: Linguistics patterns, functions, and student perceptions*. (Master's Thesis), University of Malaya.

Fachriyah, E. (2017). The functions of code switching in an English language classroom. *Studies in English Language and Education*, 4(2), 148-156.

Farid Mohd Onn, Ajid Che Kob, & Ramli Salleh. (1987). *Penukaran kod dan refleksi sosial dalam masyarakat Melayu* (Vol. 14): Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ferguson, G. (2003). Classroom code-switching in post-colonial contexts: Functions, attitudes and policies. *AILA review*, 16(1), 38-51.

Gardner-Chloros, P. (1995). Code-switching in community, regional and national repertoires: the myth of the discreteness of linguistic systems. *One speaker, two languages: Cross-disciplinary perspectives on code-switching*, 68-89.

Grant, L. E., & Nguyen, T. H. (2017). Code-switching in Vietnamese university EFL teachers' classroom instruction: A pedagogical focus. *Language Awareness*, 26(3), 244-259.

Gulzar, M. A. (2010). Code-switching: Awareness about its utility in bilingual classrooms. *Bulletin of education and research*, 32(2), 23-44.

Gumperz, J. J. (1982). *Discourse strategies* (Vol. 1): Cambridge University Press.

Hamed, I., Denisov, P., Li, C.-Y., Elmahdy, M., Abdennadher, S., & Vu, N. T. (2022). Investigations on speech recognition systems for low-resource dialectal Arabic-English code-switching speech. *Computer Speech & Language*, 72, 101278.

Horasan, S. (2014). Code-switching in EFL classrooms and the perceptions of the students and teachers. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 10(1), 31-45.

Ibrahim Alsalami, A. (2022). Arabic English Code Switching among Saudi Speakers. *Arab World English Journal (AWEJ) Volume*, 12.

Inbar-Lourie, O. (2010). English only? The linguistic choices of teachers of young EFL learners. *International Journal of Bilingualism*, 14(3), 351-367.

Jingxia, L. (2010). Teachers' code-switching to the L1 in EFL classroom. *The open applied linguistics journal*, 2(1).

Kamwangamalu, N. M. (1989). Code-mixing and modernization. *World Englishes*, 8(3), 321-332.

Khonakdar, M., & Abdolmanafi-Rokni, S. J. (2015). Teachers' code switching in an EFL context: Why and when. *Studies in English Language Teaching*, 3(1), 54.

Kim, S. H. O., & Elder, C. (2005). Language choices and pedagogic functions in the foreign language classroom: A cross-linguistic functional analysis of teacher talk. *Language Teaching Research*, 9(4), 355-380.

Kniaż, M., & Zawrotna, M. (2021). Embedded English verbs in Arabic-English code-switching in Egypt. *International Journal of Bilingualism*, 25(3), 622-639.



Koban, D. (2013). Intra-sentential and inter-sentential code-switching in Turkish-English bilinguals in New York City, US. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 70, 1174-1179.

Kumar, T., Nukapangu, V., & Hassan, A. (2021). Effectiveness of code-switching in language classroom in India at primary level: a case of L2 teachers' perspectives. *Pegem Journal of Education and Instruction*, 11(4), 379-385.

Kustati, M. (2014). An analysis of code-mixing and code-switching in EFL teaching of cross-cultural communication context. *Al-Ta lim Journal*, 21(3), 174-182.

Lipski, J. (1978). Code-switching and the problem of bilingual competence. *Aspects of bilingualism*, 250, 264.

Ma, C.-H. (2001). *Testing the MLF Model: Evidence from Korean-Chinese Intrasentential Codeswitching*: Michigan State University. Department of Linguistics and Languages.

Mekheimr, M. A. (2022). The Role of Code-Switching in Moulding EFL College Students' Attitudes towards and Motivations for EFL Learning. *BSU-Journal of Pedagogy and Curriculum*, 1(1), 25-36.

Mekheimr, M. A. (2023). Pedagogical Functions of Code-Switching in EFL College Settings: Perceptions and Perspectives of Students' Attitudes and Motivations.

Memon, N., Altaf, S., & Khuwaja, N. A. (2016). The functions of code switching in ESL classrooms of Sindh university. *International Research Journal of Arts & Humanities (IRJAH), 44(44)*.

Milroy, L., & Muysken, P. (1995). *Online version of "One speaker, two languages"*: Cambridge university Press.

Momenian, M., & Samar, R. G. (2011). Functions of code-switching among Iranian advanced and elementary teachers and students. *Educational Research and Reviews, 6(13), 769*.

Moore, D. (2002). Code-switching and learning in the classroom. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism, 5(5), 279-293*.

Muthusamy, P. (2010). Codeswitching in communication: A sociolinguistic study of Malaysian secondary school students. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities, 18(2), 407-415*.

Muysken, P., & Muysken, P. C. (2000). *Bilingual speech: A typology of code-mixing*: Cambridge University Press.

Myers-Scotton, C. (1993). Common and uncommon ground: Social and structural factors in codeswitching. *Language in society*, 22(4), 475-503.

Myers-Scotton, C. (1997). *Duelling languages: Grammatical structure in codeswitching*: Oxford University Press.

Nakatsukasa, K., & Loewen, S. (2015). A teacher's first language use in form-focused episodes in Spanish as a foreign language classroom. *Language Teaching Research*, 19(2), 133-149.

Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Hayati Haji Abas. (2019). التحول اللغوي فيسي التوصل لبيروت حدث يليل غة ال عربي قفي جامعة اللولطان  
هي:ة:دراسنخل يايية الشيف لشي في اUniversiti Islam Sultan Sharif Ali.

Pakir, A. (1989). Linguistic alternants and code selection in Baba Malay. *World Englishes*, 8(3), 379-388.

Poplack, S. (1988). Contrasting patterns of code-switching in two communities. *Codeswitching: Anthropological and sociolinguistic perspectives*, 48, 215-244.

Probyn, M. (2001). Teachers voices: Teachers reflections on learning and teaching through the medium of English as an additional language in South Africa. *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 4(4), 249-266.

Rabab'ah, G., & Al-Yasin, N. F. (2017). English-Arabic code switching in Jordanian EFL teachers' discourse. *Dirasat, Human and Social Sciences*, 43(2), 313-329.

Rathert, S. (2012). Functions of teacher and student code-switching in an efl classroom and pedagogical focus: Observations and implications. *Educational Process: International Journal (EDUPIJ)*, 1(1-2), 7-18.

Reyes, I., & Ervin-Tripp, S. (2010). Language choice and competence: Code switching and issues of social identity in young bilingual children. *The education of English language learners*, 67-86.

Rollnick, M., & Rutherford, M. (1993). The use of a conceptual change model and mixed language strategy for remediating misconceptions on air pressure. *International Journal of Science Education*, 15(4), 363-381.

Romaine, S. (1989). *Bilingualism*: B. Blackwell.

Rose, S., & Van Dulm, O. (2006). Functions of code switching in multilingual classrooms. *Per Linguam: a Journal of Language Learning= Per Linguam: Tydskrif vir Taalaanleer*, 22(2), 1-13.

Sabti, A. A., Rashid, S. M., & Turki, H. Y. (2019). Code-Switching Between Informal Iraqi Dialect and English language Among Iraqi Arab Speakers via WhatsApp Application: Linguistic and Non-Linguistic Factors. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 27(2).

Samar, R. G., & Moradkhani, S. (2014). Codeswitching in the language classroom: A study of four EFL teachers' cognition. *RELC journal*, 45(2), 151-164.

Sardar, S. S., Mahdi, A. A. A., & Mohd, Y. M. S. (2015). Code-switching in daily conversations among Iraqi students in Malaysia. *Arab World English Journal (AWEJ) Vol, 6*.

Schweers Jr, C. W. (1999). *Using L1 in the L2 classroom*. Paper presented at the English teaching forum.

Selamat, J. T. (2014). *Code switching in the Malaysian ESL classroom*. University of Otago.

Shin, S.-Y. (2010). The functions of code-switching in a Korean Sunday school. *Heritage Language Journal*, 7(1), 91-116.

Simasiku, L., Kasanda, C., & Smit, T. (2015). Can Code Switching Enhance Learners' Academic Achievement? *English Language Teaching*, 8(2), 70-77.

Skiba, R. (1997). Code switching as a countenance of language interference. *The internet TESL journal*, 3(10), 1-6.

Southworth, F. C. (1980). Indian bilingualism: Some educational and linguistic implications. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 345(1), 121-146.

Sridhar, S. N., & Sridhar, K. K. (1980). The syntax and psycholinguistics of bilingual code mixing. *Canadian Journal of Psychology/Revue canadienne de psychologie*, 34(4), 407.

Taha, T. (2008). Language alternation in university classrooms. *Journal of Instructional Psychology*, 35(4), 336.

Tam, S. S. (1992). *A teacher's language choice in two English language classes: a case study*. (An Unpublished Masters Thesis), Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Tang, J. (2002). *Using L1 in the English classroom*. Paper presented at the English teaching forum.

Teo, K. S. (1996). The acquisition of Malay as a second language: A case of the essentiality of culture learning. *A paper presented at Southeast Asian Linguistics Society VI*, 10-12.

Üstünel, E., & Seedhouse, P. (2005). Why that, in that language, right now? Code-switching and pedagogical focus. *International journal of applied linguistics*, 15(3), 302-325.

Uys, D., & van Dulm, O. (2011). The functions of classroom code-switching in the Siyanda District of the Northern Cape. *Southern African Linguistics and applied language studies*, 29(1), 67-76.

Wardhaugh, R. (1986). *An Introduction to Language and Society*: Oxford: Basil Blackwell.

Warschauer, M., Said, G. R. E., & Zohry, A. G. (2002). Language choice online: Globalization and identity in Egypt. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 7(4), JCMC744. doi: 10.1111/j.1083-6101.2002.tb00157.x

Winford, D. (2003). *An introduction to contact linguistics*: Wiley-Blackwell.

Yao, M. (2011). On attitudes to teachers' code-switching in EFL classes. *World journal of English language*, 1(1), 19.

Youssef, I. (2016). English-Cairene Arabic classroom code switching: An interactional-sociolinguistic approach. *International Journal of Arabic-English Studies*, 16(1), 7-28.